05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GAYA KEPIMPINAN KETUA PANITIA BIDANG AGAMA TERHADAP PENGURUSAN KERJA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI TERENGGANU

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MUHAMMAD NASARUDDIN AL HUSSAINI BIN SHAARI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

GAYA KEPIMPINAN KETUA PANITIA BIDANG AGAMA TERHADAP PENGURUSAN KERJA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI TERENGGANU

MUHAMMAD NASARUDDIN AL HUSSAINI BIN SHAARI

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (√)

Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	✓
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **13 Oktober 2020**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **MUHAMMAD NASARUDDIN AL HUSSAINI BIN SHAARI (M20182001759) FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **GAYA KEPIMPINAN KETUA PANITIA BIDANG AGAMA TERHADAP PENGURUSAN KERJA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI TERENGGANU** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

_____

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya **DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD** dengan ini mengesahkan **bertajuk GAYA KEPIMPINAN KETUA PANITIA BIDANG AGAMA TERHADAP PENGURUSAN KERJA DI SEKOLAH MENENGAH AGAMA NEGERI TERENGGANU** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM).**

_____ _____

Tarikh Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title*: _____

_____

No. Matrik /*Matric's No.*: _____

Saya / *I* : _____

(Nama pelajar / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah */ Please tick (√) for category below:-*

☐	**SULIT/*CONFIDENTIAL***	Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*
☐	**TERHAD/*RESTRICTED***	Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restircted information as specified by the organization where research was done.*
☐	**TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***	

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya, penulisan bagi penyelidikan peringkat sarjana ini dapat disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih diberikan kepada penyelia saya di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) iaitu Dr. Norhisham bin Muhamad di atas segala komitmen dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Di samping itu, jutaan terima kasih buat Institut Pengajian Siswazah (IPS), Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) dan Jabatan Pengajian Islam (JPI) kerana telah memberikan segala kemudahan dan khidmat bantuan sepanjang saya menjalankan penyelidikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan buat semua pensyarah dan staf sokongan kerana tidak jemu untuk turut meluangkan masa berkongsi idea dan pendapat. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada semua barisan ahli akademik UPSI terutamanya Prof. Madya Dr. Azmil bin Hashim, Prof. Mohd Aderi Che Noh, Encik Samsuddin bin Abd Hamid dan Prof. Madya Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim.

Selain itu, tidak lupa kepada kedua-dua ibu bapa saya, Shaari bin Mamat dan Siti Yara binti Muda, guru sekolah menengah saya Puan Julia Shireen @ Noorsyahida binti Azmi dan adik-beradik (Balqis Najiha binti Shaari, Muhammad Husni Baihaqi bin Shaari, Muhammad Mujahid bin Shaari, Muhammad Suhaimi Hafiz bin Shaari dan Syahidatul Najihah binti Shaari) di Kuala Terengganu, Terengganu. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga atas keprihatinan, sokongan moral serta bantuan kewangan yang telah diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Seterusnya, tidak lupa juga buat pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam kajian ini terutamanya Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Yayasan Terengganu (YT) kerana telah memberi kerjasama yang baik sepanjang kajian ini dijalankan. Jutaan terima kasih sekali lagi buat semua pihak. Semoga segala apa yang ditulis ini dapat memberikan manfaat secara bersama kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja di sekolah menengah agama di negeri Terengganu. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui instrumen soal selidik untuk mengumpul data kajian. Teori kepimpinan Al-Ghazali telah digunakan dengan menfokuskan aspek kepimpinan dari segi berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib*. Seramai 52 orang ketua panitia bidang agama telah dipilih dari dua kategori sekolah agama iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Data kajian telah dianalisis secara deskriptif dan inferens menggunakan peratusan, min, sisihan piawai, ujian-t, ANOVA dan korelasi *Pearson*. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan ketua panitia bidang agama bersetuju (M=4.11, SP=0.55) bahawa mereka memiliki gaya kepimpinan yang baik. Secara khususnya, ketua panitia bidang agama percaya bahawa mereka memiliki sifat warak (M=4.04, SP=0.62), keupayaan diri (M=4.23,SP=0.65), dan *muaddib* (M=4.41,SP=0.61). Namun, responden agak bersetuju (M=3.74, SP=0.64) bahawa mereka memiliki ilmu agama yang mendalam. Hasil analisis tersebut mendapati responden mendominasi gaya kepimpinan *muaddib*. Dapatan kajian berkenaan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama secara keseluruhan mendapati ketua panitia bidang agama bersetuju (M=4.21, SP=0.55) bahawa mereka mempunyai pengurusan kerja yang baik. Secara khususnya, responden percaya dengan agihan bebanan kerja (M=4.33, SP=0.60), pengurusan emosi (M=4.17, SP=0.59), pengendalian personaliti (M=4.35, SP=0.57). Namun, responden agak bersetuju dengan aspek persekitaran kerja (M=3.93, SP=0.66). Hasil analisis statistik tersebut mendapati ketua panitia bidang agama lebih kompeten mengendali pengurusan kerja dari sudut personaliti. Analisis inferens melalui ujian-t dan ANOVA menunjukkan sepuluh hipotesis nol diterima. Pengujian terhadap demografi kajian mendapati tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan. Hal ini kerana kesemua hasil pengujian hipotesis nol yang diperoleh menunjukkan nilai p lebih besar daripada 0.05 ($p>0.05$). Ini menunjukkan tiada perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan faktor demografi. Walaubagaimanan pun, dapatan ujian korelasi *Pearson* secara keseluruhan menunjukkan empat hipotesis nol yang diuji ditolak. Hasil pengujian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara aspek gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dengan pengurusan kerja dalam aspek berilmu ($r=0.63$, $p<0.01$), bersifat warak ($r=0.72$, $p<0.01$), berkeupayaan diri ($r=0.84$, $p<0.01$) dan *muaddib* ($r=0.88$, $p<0.01$). Kesimpulannya, dapatan kajian utama mendapati bahawa responden bersetuju bahawa mereka mengamalkan gaya kepimpinan yang baik kecuali dalam aspek ilmu. Implikasi kajian ini menyarankan agar ketua panitia bidang agama meningkatkan lagi keilmuan dengan menelaah karya para ulama untuk mewujudkan budaya keintelektualan dan persekitaran kerja yang lebih positif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LEADERSHIP STYLE OF THE HEADS OF THE COMMITTEE IN THE FIELD OF RELIGION AND WORK MANAGEMENT IN TERENGGANU RELIGIOUS SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

This study aimed to identify the leadership style of the heads of the committee in the field of religion and work management in Terengganu religious secondary schools. This survey study used a quantitative approach through questionnaire instrument to collect research data. Al Ghazali's theory was used to determine leadership style such as knowledge, *warak*, self-efficacy and *Muaddib*. A total of 52 heads of religious committee was selected from two categories of religious schools, namely Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) and Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). The empirical data were analyzed descriptively and inferentially using percentage, mean, standard deviation, t-test, ANOVA and Pearson correlation. The finding of the overall study showed that the the heads of the religious committee agreed (M=4.11, SD=0.55) they have good leadership style. In this case, the respondents believed that they possessed *warak* attitude (M=4.04, SD=0.62), self-efficacy (M=4.23, SD=0.65), and *muaddib* (M=4.41, SD=0.61). Besides that, the respondents slightly agreed (M=3.74, SD=0.64) they have deep knowledge about leadership. The results of the analysis found that the heads of the religious field committee possessed the *muaddib* leadership style. The findings of the study on the work management of the heads of the religious committee as a whole showed that they agreed (M=4.21, SD= 0.55) that they possessed a good work management. In this case, the respondents believed that the sharing of work load (M=4.33, SD=0.60), the management of emotions (M=4.17, SD=0.59), the control of personality (M=4.35, SD=0.57). But they moderately agreed (M=3.93, SD=0.66) on the work environment. The result of the statistical analysis found that the heads of the religious committee were more competent in handling work management in terms of personality. The outcomes of the t-test and ANOVA showed that the ten null hypotheses were accepted. This was because all the results obtained show a p-value greater than 0.05 ($p > 0.05$). This showed that there were no significant differences in the leadership style of the heads of the religious committee based on the demographic factors. Nevertheless, the Pearson correlation found that the four null hypotheses tasted were rejected. The result of the Pearson test found a significant relationship between the leadership style of the head of the religious committee with work management with knowledge ($r = 0.63$, $p < 0.01$), warak ($r = 0.72$, $p < 0.01$), self-efficacy ($r = 0.84$, $p < 0.01$) and *muaddib* ($r = 0.88$, $p < 0.01$). In conclusion, the main finding showed that the respondents agreed that they possessed a good leadership style except in the aspect of knowledge. The implication of this study suggests that the religious committee heads should improve their leadership style by increasing their knowledge about the works of the scholars on leadership and to nurture the culture of intellectualism in order to create a more positive work environment.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK v

ABSTRACT vi

SENARAI KANDUNGAN vii

SENARAI JADUAL xiv

SENARAI RAJAH xvii

SENARAI DAFTAR ISTILAH xviii

SENARAI SINGKATAN xx

BAB 1 PENGENALAN **1**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.2.1 Kepimpinan Ketua Panitia 4

1.2.2 Pengurusan Kerja 6

1.3 Permasalahan Kajian 8

1.4 Objektif Kajian 12

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian 13

1.6 Hipotesis Kajian 14

1.7 Kerangka Teori 16

1.8 Kerangka Konseptual 19

1.9 Kepentingan Kajian 23

1.10 Definisi Operasi Kajian 24

1.11 Batasan Kajian 26

1.12 Rumusan 28

BAB 2 KAJIAN LITERATUR 30

2.1 Pengenalan 30

2.2 Kepimpinan Dan Pengurusan Organisasi Pada Zaman Rasulullah S.A.W 31

2.2.1 Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Pentadbiran Negara 32

2.2.2 Kepimpinan Rasulullah SAW Melalui Pensyariatan Solat Berjemaah 34

2.2.3 Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Komuniti Keilmuan 36

2.2.4 Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Komuniti Masyarakat 38

2.2.5 Kepimpinan Dalam Kekeluargaan 39

2.3 Kompetensi Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama. 41

2.3.1 Berilmu 43

2.3.2 Bersifat Warak 47

2.3.3 Berkeupayaan Diri 51

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	2.3.4	Muadib	55
2.4	Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama		60
	2.4.1	Bebanan Kerja	62
	2.4.2	Emosi	66
	2.4.3	Persekitaran	70
	2.4.4	Personaliti	75
2.5	Sorotan Kajian		79
	2.5.1	Sorotan Kajian Kepimpinan	80
	2.5.2	Sorotan Kajian Pengurusan Kerja	89
2.6	Rumusan		93
BAB 3	**METODOLOGI KAJIAN**		**94**
3.1	Pengenalan		94
3.2	Reka Bentuk Kajian		95
3.3	Lokasi Kajian		95
3.4	Populasi dan Sampel Kajian		96
3.5	Instrumen Kajian		97
	3.5.1	Soal Selidik	98
3.6	Kesahan Instrumen		100
3.7	Kebolehpercayaan Instrumen		101
3.8	Kajian Rintis		104
3.9	Tatacara Pemerolehan Data		105
3.10	Tatacara Penganalisisan Data		106

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.11 Analisis Data 106

3.11.1 Analisis Deskriptif 107

3.11.2 Analisis Inferensi 108

3.12 Rumusan 112

BAB 4 ANALISIS DATA 114

4.1 Pendahuluan 114

4.2 Latar Belakang Sampel Kajian 115

4.3 Analisis Deskriptif 122

4.3.1 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama 123

4.3.1.1 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Secara Berilmu 123

4.3.1.2 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak 126

4.3.1.3 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Keupayaan Diri 129

4.3.1.4 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Muaddib 131

4.3.2 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama 134

4.3.2.1 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Bebanan Kerja 134

4.3.2.2 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Emosi 137

4.3.2.3 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Persekitaran Kerja 140

4.3.2.4 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Personaliti 143

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Analisis Perbezaan 145

4.4.1 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Jantina (Lelaki Dan Perempuan) 146

4.4.2 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Kategori Sekolah 147

4.4.3 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Lokasi Sekolah. 148

4.4.4 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Umur 149

4.4.5 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Ikhtisas Pendidikan 150

4.4.6 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan 151

4.4.7 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Gred Perkhidmatan 152

4.4.8 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Jawatan Ketua Panitia 153

4.4.9 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Penglibatan Persatuan Luar Sekolah 154

4.4.10 Perbezaan Skor Min Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Kurikulum Persekolahan. 155

4.4.11 Rumusan Dapatan Kajian Analisis Perbezaan 156

4.5 Analisis Hubungan 156

4.5.1 Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Secara Berilmu Dengan Pengurusan Kerja 156

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak Dengan Pengurusan Kerja 158

4.5.3 Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Berkeupayaan Diri Dengan Pengurusan Kerja 159

4.5.4 Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Muaddib Dengan Pengurusan Kerja 160

4.5.5 Hubungan Keseluruhan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Dengan Pengurusan Kerja 161

4.5.6 Rumusan Dapatan Analisis Korelasi 161

BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN 163

5.1 Pengenalan 163

5.2 Ringkasan Kajian 164

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian 166

5.3.1 Analisis Deskriptif 166

5.3.1.1 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama 167

5.3.1.2 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama 170

5.3.2 Analisis Inferensi 174

5.3.2.1 Analisis Perbezaan 174

5.3.2.2 Analisis Hubungan 182

5.4 Rumusan Kajian 187

5.4.1 Rumusan Faktor Demografi 188

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Rumusan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama. 188

5.4.3 Rumusan Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama 189

5.5 Implikasi Kajian 190

5.5.1 Implikasi Teori 191

5.5.2 Implikasi Praktikal 192

5.6 Cadangan 193

5.7 Kajian Lanjutan 194

5.8 Penutup 195

RUJUKAN 196

LAMPIRAN

Lampiran A Borang Kesahan Instrumen 211

Lampiran B Borang Soal Selidik 229

Lampiran C Jadual Pensempelan Krecjie & Morgan 239

Lampiran D Surat Kebenaran 240

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Senarai Sekolah Menengah Agama Di Negeri Terengganu	27
3.1	Senarai Pakar Instrumen Soal Selidik	101
3.2	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	102
3.3	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk	102
3.4	Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item	103
3.5	Skor Interpretasi Min, Nunally (1978)	108
3.6	Kekuatan Perhubungan Korelasi	110
3.7	Prosedur Penganalisian Data Inferensi	111
4.1	Profil Sampel Keseluruhan	115
4.2	Profil Sampel Mengikut Jantina	116
4.3	Profil Sampel Mengikut Umur	117
4.4	Profil Sampel Mengikut Ikhtisas Pendidikan	117
4.5	Profil Sampel Mengikut Tempoh Perkhidmatan	118
4.6	Profil Sampel Mengikut Gred Perkhidmatan	118
4.7	Profil Sampel Mengikut Jawatan Ketua Panitia	119
4.8	Profil Sampel Mengikut Penglibatan Persatuan Luar Sekolah	120
4.9	Profil Sampel Mengikut Kategori Sekolah	121
4.10	Profil Sampel Mengikut Kurikulum Persekolahan	121
4.11	Profil Sampel Mengikut Lokasi Sekolah	122

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.12	Skor Min	122
4.13	Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Secara Berilmu	124
4.14	Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak	127
4.15	Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Keupayaan Diri	130
4.16	Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Muadib	132
4.17	Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Bebanan Kerja	135
4.18	Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Emosi	138
4.19	Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Persekitaran Kerja	141
4.20	Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Personaliti	144
4.21	Ujian-t Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Jantina	146
4.22	Ujian-t Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Kategori Sekolah	147
4.23	Ujian-t Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Lokasi Sekolah	148
4.24	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Umur	149
4.25	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Ikhtisas Pendidikan	150
4.26	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	151
4.27	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Gred Perkhidmatan	152
4.28	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Jawatan Ketua Panitia	153
4.29	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Penglibatan Persatuan Luar Sekolah	154

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.30	ANOVA Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Kurikulum Persekolahan.	155
4.31	Rumusan Dapatan Kajian Analisis Perbezaan	156
4.32	Korelasi Gaya Kepimpinan Secara Berilmu Ketua Panitia Bidang Agama Dengan Pengurusan Kerja	157
4.33	Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak Dengan Pengurusan Kerja	158
4.34	Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Berkeupayaan Diri Dengan Pengurusan Kerja.	159
4.35	Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak Dengan Pengurusan Kerja.	160
4.36	Korelasi Keseluruhan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Dengan Pengurusan Kerja.	161
4.37	Rumusan Dapatan Analisis Korelasi	161

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teori Imam Al-Ghazali	19
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	22

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI DAFTAR ISTILAH

Adaba	Perihal adab
Al-iqtisad fil i'tiqad	Perihal kesederhaan dalam beriktikad
Allama	Tahu
Cloud Storage	Simpanan awan
Ihya Ulumuddin	Menghidupkan ilmu-ilmu agama
Laissez-faire	Gaya kepimpinan yang tidak terikat dengan arahan ketua
Mahabbah	Kasih sayang
Maharat al-quran	Nama mata pelajaran al-quran
Mahmudah	Berkenaan perbuatan yang baik
Muadib	Pembimbing mengenai didikan adab
Mursyid	Pembimbing
Null	Tidak sah
Paperless	Tanpa kertas
Proposal	kertas cadangan
Riyadhah	Latihah
Role model	Suri tauladan
Ta'aruf	Berkenal-kenalan
Ta'dib	Perbuatan mengenai adab
Ta'lim	Mengetahui
Tahalli	Mengisi sifat mulia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tajalli	Menzahirkan sifat-sifat mulia
Takhalli	Membuang sifat tercela
Tarbiyah	Pendidikan
Uswah hasanah	Teladan yang baik
Warak	Taat kepada Allah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

EPRD	*Educational Planning and Research Division*
et. al	*Other*
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
JHEAT	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu
JPNT	Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
KBD	Kurikulum Bersepadu Dini
KBT	Kurikulum Bersepadu Tahfiz
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerjaan
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SBT	Sekolah Beprestasi Tinggi
SM	Sekolah Menengah
SMAN	Sekolah Menengah Agama Negeri
SMIYT	Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMT/V	Sekolah Menengah Teknik/Vokasional
UPM	Universiti Putra Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UTM	Universiti Teknologi Malaysia
YT	Yayasan Terengganu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Manusia merupakan sebaik-baik ciptaan yang telah dijadikan oleh Allah SWT. Manusia diciptakan dengan mempunyai pelbagai kelebihan jika hendak dibandingkan dengan makhluk-makhluk ciptaanNya yang lain. Antara kelebihan yang telah di berikan Allah SWT kepada manusia adalah menjadi pemimpin di atas muka bumi ini. Allah SWT telah menzahirkan kehendakNya untuk menciptakan manusia sebagai khalifah atau pemimpin melalui surah Al-Baqarah ayat 30 :

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً...

Maksudnya : Ingatlah ketika Tuhan mu berfirman kepada para malaikat : "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di muka bumi."

(Al-Maraghiy Mustafa, 2001)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui ayat berikut dapatlah difahami bahawa setiap daripada manusia di atas muka bumi ini merupakan pemimpin dan mereka mempunyai peranan masing-masing di dalam bidang atau dunia yang telah diceburi. Apa yang di maksudkan ayat ini juga selari dengan hadis Nabi Muhammad S.A.W yang mengatakan bahawa setiap daripada manusia itu merupakan pemimpin :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّهُ: سَمِعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ...

Maksudnya : Setiap kalian ialah pemimpin, dan setiap pemimpin akan diminta untuk bertanggungjawab atas yang orang-orang yang dipimpinnya. Imam adalah pemimpin yang bertanggungjawab atas rakyatnya…

(Sahih Bukhari no.2558)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat dalam konteks pendidikan, kepimpinan merupakan satu proses untuk mencari pengaruh bagi diri dengan menonjolkan segala kelebihan yang ada pada diri. Kepimpinan dalam kalangan guru ini tidak hanya terhad kepada golongan pengurusan tertinggi sekolah seperti Pengetua, Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Guru Penolong Kanan Kokurikulum sebaliknya turut melibatkan guru-guru di peringkat bawah seperti ketua bidang dan ketua panitia. Sebenarnya, kepimpinan ketua panitia dalam menguruskan sesebuah panitia merupakan antara perkara yang penting untuk memastikan segala urusan guru-guru berjalan dengan lancar dan seterusnya melicinkan urusan pentadbiran sesebuah sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketua panitia merupakan individu yang menerajui sesebuah panitia manakala, ahli-ahli panitia pula merupakan guru-guru yang sedia menjalankan apa jua arahan yang telah diberikan oleh ketua mereka. Walau bagaimana pun, antara seorang ketua panitia dan ahli-ahli panitia itu tetap mempunyai jurang di antara mereka iaitu jurang kepuasan kerja. Ketua panitia yang mempunyai karismatik dalam pengurusan panitia pasti akan menitik beratkan tentang kepuasan kerja ahli-ahli panitia melalui pengurusan kerja yang efisien agar produktiviti kerja semakin bertambah. Kajian ini akan mengkaji dan meneliti sejauh mana kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja dengan membawa teori kepimpinan pengurusan panitia Al -Ghazali dan elemen-elemen yang bekaitan dengan kepuasan kerja dalam kalangan ketua-ketua panitia bidang agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian merupakan satu sub tajuk yang akan membincangkan berkenaan gambaran awal tentang kajian yang dijalankan. Perbincangan bagi latar belakang kajian ini akan memfokuskan tentang dua pemboleh ubah kajian iaitu gaya kepimpinan ketua panitia dan pengurusan kerja dalam kalangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.1 Kepimpinan Ketua Panitia

Kepimpinan merupakan antara bidang ilmu yang perlu dikuasai oleh seseorang ketua seperti ketua panitia. Hal ini kerana, kepimpinan yang mempunyai karisma akan mendatangkan impak yang positif terhadap pengurusan kerja seperti hasil kerja yang lebih produktif, suasana pekerjaan yang kondusif dan bebanan pekerjaan menjadi semakin berkurang. Pengurusan panitia yang efektif sebenarnya berkait rapat dengan kepimpinan ketua panitia yang menjadi orang penting dalam menyusun dan melaksanakan perancangan kerja panitia. Lokman Mohd Tahir et al. (2017) menyatakan bahawa tidak banyak kajian yang dilaksanakan oleh para penyelidik tempatan dalam meneroka topik kepimpinan guru.

Gaya kepimpinan merupakan satu bentuk kemahiran insaniah yang seharusnya ada pada setiap individu yang menjawat jawatan dalam pengurusan sekolah seperti ketua panitia bidang agama. Gaya kepimpinan tersebut perlu di naik taraf dari semasa ke semasa agar mutu pekerjaan ahli panitia menjadi lebih berkualiti dan dapat di jadikan contoh tauladan oleh guru-guru yang lain. Abd. Ghani Abdullah et al. (2008) mengatakan apabila guru menggunakan satu gaya kepimpinan sahaja, ini menyukarkan diri mereka dan pelajar apabila masalah timbul. Situasi ini jika dipadankan dengan gaya kepimpinan ketua panitia maka dapat dikatakan bahawa jika ketua panitia bidang agama tidak mengembangkan gaya kepimpinan yang sedia ada maka kemahiran mengurus akan menjadi sukar apabila timbulnya masalah-masalah yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat dalam konteks pengurusan sekolah pula, kepimpinan ketua panitia bidang agama merupakan tunjang bagi kemajuan dan kelancaran tadbir urus pendidikan agama di sekolah. Gerak kerja yang cekap dan teratur daripada ketua-ketua panitia khususnya ketua panitia bidang agama akan menjadi satu bentuk dakwah dan ajakkan bagi semua guru menanamkan kesedaran untuk mengurus dan memimpin. Linda Lambert (2010) menjelaskan bahawa sekolah yang mempunyai keupayaan kepimpinan yang tinggi merupakan sekolah yang mempunyai guru yang memilih untuk memimpin kerana persekitaran sekolah tersebut membenarkan mereka berbuat demikian.

Sebenarnya setiap individu yang menjawat jawatan ketua mempunyai kekuatan dan kekurangan masing-masing. Begitu juga dengan ketua panitia Pendidikan agama di sekolah kerana tidak semua daripada kalangan mereka boleh mengaplikasikan banyak gaya kepimpinan dalam satu masa. Menurut A. Ghani Abdullah dan Abd. Rahman Abd. Aziz (2009) jenis kepimpinan guru berbeza, iaitu mengikut pengalaman, latihan serta sahsiah guru itu sendiri. Ini membawa maksud setiap ketua panitia mempunyai gaya kepimpinan yang tersendiri dan kemahiran untuk memimpin ini perlu di asah dari semasa ke semasa walaupun mengambil masa yang lama untuk berada di tahap kompetensi kepimpinan yang tersendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2.2 Pengurusan Kerja

Pengurusan kerja dalam sesebuah organisasi merupakan satu hubungan interaksi sosial antara pekerja dan majikan. Sebenarnya, tahap pengurusan kerja ini dapat dilihat melalui kepuasan kerja yang diperoleh oleh para pekerja. Abdul Said Ambotang & Katriani Maijohn (2014) menjelaskan di dalam penulisannya bahawa melihat dalam skop persekolahan antara isu kepuasan kerja yang perlu diambil peduli oleh seseorang ketua adalah berkenaan bebanan tugas guru, agihan jawatan, kawalan pengetua dan personaliti pekerja. Kepuasan kerja yang dinyatakan tersebut merupakan elemen yang berkait rapat dengan pengurusan kerja.

Seorang ketua yang memahami dan menghargai keringat ahli organisasi akan selalu mewujudkan persekitaran kerja yang positif melalui pengurusan kerja yang efisien. Tujuannya adalah untuk memastikan semua pekerja memperoleh kepuasan dalam bekerja. Pihak pengurusan bagi sesebuah sekolah sewajarnya mewujudkan suasana pengurusan kerja yang berbentuk positif agar guru yang baru berkhidmat memperoleh kepuasan kerja dan seterusnya memotivasikan diri mereka untuk lebih berjaya (Ku Ai Fung, 2018) . Oleh yang demikian, tindakan menitik berat tentang aspek kepuasan kerja merupakan satu bentuk pengurusan kerja yang mementingkan kualiti.

Pengurusan kerja yang tidak mementingkan kepuasan kerja dalam kalangan pekerja merupakan perkara yang tidak boleh dipandang remeh. Hal ini kerana, sebagai pekerja yang menjalankan fungsi perkhidmatan mereka mempunyai hak untuk mendapatkan layanan yang sewajarnya agar kualiti perkhidmatan yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diberikan lebih produktif. Menurut Mohamad Taufiq & Aida Hanim (2018) kajian berkenaan kepuasan kerja dalam kalangan guru di sekolah berprestasi tinggi pernah dijalankan sebelum ini tetapi skop kajian tersebut hanya membuat perbandingan antara dua buah sekolah dalam daerah yang sama.

Bidang pendidikan merupakan bidang yang mempunyai cabarannya yang tersendiri dalam mencapai matlamat utama pendidikan iaitu memanusiakan pelajar. Oleh yang demikian, pengurusan kerja yang efisien daripada golongan pengurusan seperti pengetua, ketua bidang dan ketua panitia amat di perlukan. Hal ini kerana Junaidah dan Nik Rosila (2013) berpandangan bahawa guru-guru yang mendapat kepuasan yang tinggi dalam pekerjaan dapat menyuntik inspirasi diri bagi meningkatkan lagi amalan pengajaran, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Ini membawa maksud pengurusan kerja yang berkualiti akan mendatangkan kepuasan kerja yang tinggi dalam kalangan pekerja.

Secara umumnya, latar belakang tentang kepimpinan ketua panitia dan pengurusan kerja yang telah dibincangkan menunjukkan masih terdapat isu bagi kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Kemunculan isu tersebut dapat dijadikan satu peluang kepada penyelidik untuk membuat satu penyelidikan yang baharu dan mengumpulkan data terkini. Melalui data terkini yang diperoleh maka cadangan penyelesaian terhadap isu tersebut dapat dijemukan secara holistik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Permasalahan Kajian

Ketua panitia bidang agama merupakan individu yang bertanggungjawab untuk menyelia guru-guru agama diskolah. Kajian yang dijalankan oleh Hamidah Yusof et al. (2016) mengatakan masih terdapat guru-guru mata pelajaran yang langsung tidak pernah diselia oleh ketua panitia iaitu seramai 13 orang bersamaan 7.0%. Kegagalan untuk menyelia guru-guru boleh dikaitkan dengan bebanan tugas yang dipikul oleh ketua panitia sepanjang berada di sekolah. Dapatan tersebut menyokong dapatan Abdul Said Ambotang & Katriani Maijohn (2014) yang mengatakan terdapat sebilangan guru termasuk ketua panitia yang menganggap agihan tugas yang tidak sekata oleh pentadbir merupakan satu bebanan kerja dan situasi tersebut mempengarui kepuasan kerja mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Azlin Norhaini (2006) menjelaskan ramai kepimpinan sekolah termasuk ketua panitia masih lagi kabur berkenaan bantuan yang perlu diberikan kepada guru-guru untuk memantapkan proses pengajaran guru . Kegagalan mencari penyelesaian yang terbaik dalam menjalankan tugas hakiki keguruan tersebut adalah kerana guru-guru sekolah disibukkan dengan tugasan dan komitmen lain ketika berada di sekolah. Kenyataan tersebut selari dengan dapatan kajian Norashdi & Hamzah (2014) yang mengatakan bahawa tugas guru sekarang termasuk ketua panitia tidak terhad hanya dengan mengajar tetapi turut di bebankan dengan tugas mengurus dan melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Intan Salina dan Jamalullain (2017) menjelaskan hasil kajian lepas mendapati tiada gaya kepimpinan khusus yang dapat menyelesaikan masalah dan isu yang kemungkinan akan timbul dalam sesebuah organisasi sebagai mana pengetua yang akan selalu mengubah gaya kepimpinannya dalam organisasi yang sama. Ini membawa maksud ketua panitia juga akan selalu kerap mengubah gaya kepimpinannya kerana mempunyai pelbagai komitmen tugasan di sekolah. Ke sibukkan guru dengan tugasan yang lain disokong oleh Zuhaili & Ramlee (2017) yang mengatakan tugas hakiki seorang guru termasuk ketua panitia adalah mengajar tetapi guru tetap di sibukkan lagi dengan tugas pengurusan seperti hal ehwal murid, kokurikulum dan tugas perkeranian yang menjejaskan masa berkualiti untuk pengajaran.

Zahari Hashim & Justinah Tulis (2018) menyatakan bahawa berdasarkan kajian berkenaan penguasaan perancangan strategik yang melibatkan ketua-ketua panitia, hasil kajian mengikut jantina mendapati kemahiran ketua panitia lelaki lebih tinggi berbanding dengan ketua panitia perempuan. Masalah kepimpinan dalam kalangan ketua panitia dari sudut demografi tidak hanya dilihat pada jantina sebaliknya juga dilihat pada umur. Hal ini selari dengan dapatan Arsaythamby & Kiew Hwee (2012) yang menyatakan guru yang umurnya masih muda termasuk ketua panitia kurang mempunyai kepuasan kerja berbanding guru yang sudah berumur lebih tua. Hal ini kerana pengurusan kerja berbeza mengikut jantina dan umur .

Sarvinder Singh dan Ahmad Esa (2008) mengatakan masih terdapat banyak masalah atau isu berkaitan kepimpinan dalam bidang pendidikan yang masih belum ditangani dengan berkesan kerana tanggunjawabnya menyelesaikannya hanya jatuh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada ketua dalam sesebuah organisasi dan institut pendidikan. Melihat dalam konteks panitia pula, kegagalan ketua panitia menguruskan panitia dengan baik seperti gagal menyelia guru-guru yang menjadi ahli panitia akan memberi impak terhadap personaliti dan emosi ketua panitia tersebut. Kesan tersebut sebagaimana yang dinyatakan oleh Syed Kamaruzaman et.al (2017) yang mengatakan kekecewaan yang dihadapi oleh guru-guru termasuk ketua panitia terhadap pengurusan kerja menyebabkan mereka hilang pertimbangan dengan melepaskan kemarahan kepada pelajar seperti mengeluarkan kata-kata kesat dan memukul pelajar sesuka hati.

Hamidah dan Chan Mei (2018) mengatakan kebanyakan guru termasuk ketua panitia masih belum bersedia untuk menerima tugas kepimpinan dan kefahaman mereka mengenainya masih lagi berada ditahap yang rendah. Sebenarnya, menyerahkan sesuatu pekerjaan dan tugasan kepada pihak yang tidak bersedia untuk menerimanya akan mempengaruhi pengurusan kerja dan seterusnya mendatangkan tekanan. Hal ini bertepatan dengan dapatan Ooi Chew dan Aziah (2015) yang menyatakan tekanan perasaan dalam pekerjaan banyak mempengaruhi prestasi, komitmen dan kepuasan kerja seseorang guru. Ini membawa maksud, jika ketua panitia tidak bersedia menerima tugas untuk memimpin kerana tidak mempunyai kefahaman mengenainya maka tindakan menyerahkan tugas tersebut akan mempengaruhi pengurusan kerja mereka melalui prestasi dan komitmen yang akan dipamerkan.

Menurut kajian Norashikin et al. (2015) kebanyakan guru di sekolah tidak menyedari peranan mereka sebagai pemimpin dan isu ini masih lagi dianggap baru di Malaysia maka kesannya ialah isu ini kurang mendapat perhatian. Ini membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud guru-guru hanya menyedari berkenaan kepimpinan apabila diberikan tanggungjawab oleh pentadbir untuk memimpin seperti jawatan ketua panitia. Situasi ini menunjukkan bahawa guru-guru tidak mempunyai motivasi untuk memimpin kerana bebanan kerja akan bertambah dan mendatangkan kesan terhadap pengurusan kerja. Kenyataan ini menyokong dapatan Norashid dan Hamzah (2014) yang mengatakan bebanan kerja yang bertambah akan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan guru dan mendatangkan kerumitan serta keletihan emosi.

Thirnton (2010) menyatakan kebanyakan sekolah mempunyai guru-guru termasuk ketua panitia yang berkemahiran tinggi dalam kepimpinan tetapi penyertaan mereka dalam kepimpinan sekolah adalah sangat rendah. Sebenarnya penyertaan yang rendah dalam kepimpinan sekolah oleh guru-guru berpunca daripada suasana persekitaran sekolah. Hal ini bertepatan dengan kajian Mohamad Taufiq & Aida Hanim (2018) yang mengatakan bahawa guru-guru yang berkhidmat di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) mempunyai persekitaran yang berbeza dengan sekolah menengah harian biasa kerana mereka tidak hanya mengajar di dalam kelas sebaliknya turut terlibat dalam tugasan sampingan yang lain. Ini menunjukkan kualiti pengurusan kerja dalam kalangan guru-guru juga berbeza antara SBT dan sekolah harian biasa.

Kesimpulannya, hasil perbincangan tentang permasalahan kajian ini menunjukkan bahawa isu antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja masih memerlukan penyelesaian yang efektif. Oleh yang demikian, maka isu berkenaan gaya kepimpinan dan pengurusan kerja yang telah dibincangkan akan dijadikan sebagai kayu ukur untuk mengukur tahap pengurusan kerja yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diamalkan oleh ketua panitia bidang agama disekolah kajian. Hal ini adalah untuk memastikan sejauh mana isu kepimpinan dan pengurusan kerja ini sudah memberi kesan terhadap sekolah kajian.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian merupakan satu garis panduan atau matlamat yang ingin di capai sepanjang menjalankan kajian ini. Mohd Majid Konting (1990) menyatakan bahawa objektif kajian merupakan sasaran sebenar kajian dan objektif tersebut mestilah boleh di cerap. Objektif bagi kajian ini telah dibina dengan mengambil kira kaedah analisis data yang akan dijalankan iaitu secara deskriptif dan inferensi. Berikut merupakan objektif kajian yang ingin dicapai dalam kajian ini :

i. Mengenal pasti gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama.
ii. Mengenal pasti tahap pengurusan kerja ketua panitia bidang agama.
iii. Mengenal pasti perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan demografi kajian.
iv. Mengenal pasti hubungan antara gaya kepimpinan ketua Panitia bidang agama dengan pengurusan kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5 Persoalan Kajian

Sivachandralingam et al. (2016) menyatakan bahawa persoalan kajian perlu merujuk kepada masalah kajian yang hendak diselesaikan dengan menggunakan laras bahasa penyoalan yang boleh dibahaskan dan bukannya sesuatu yang berbentuk pernyataan. Sebenarnya, masalah kajian yang hendak diselesaikan itu merujuk kepada objektif kajian. Persoalan kajian merupakan satu bentuk penyoalan yang dilontarkan bagi menguji objektif kajian. Tujuannya adalah untuk memastikan objektif kajian ini mempunyai rasional dan logik serta mampu dicerap. Persoalan kajian ini juga dapat memandu kajian ini agar sentiasa berusaha mencari jawapan yang paling tepat dan memuaskan. Berikut merupakan persoalan kajian ini :

i. Apakah gaya kepimpinan yang terdapat dalam kalangan ketua panitia bidang agama.?
ii. Bagaimanakah pengurusan kerja yang diamalkan oleh ketua panitia bidang agama .?
iii. Adakah terdapat perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama mengikut demografi kajian?.
iv. Adakah terdapat hubungan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dengan pengurusan kerja?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan telahan awal terhadap hasil kajian yang akan diperoleh. ini. Kebenaran hipotesis kajian ini akan di buktikan melalui analisis inferensi terhadap data-data yang diperoleh. Secara amnya terdapat beberapa jenis hipotesis yang sering digunakan dalam penyelidikan. Walau bagaimana pun, kajian ini hanya menggunakan hipotesis *Nul*. Noraini Idris (2013) menyatakan dalam penulisannya bahawa hipotesis *Nul* merupakan hipotesis statistik yang menyatakan bahawa tidak terdapat kaitan antara pemboleh ubah yang di kaji sehingga diuji secara statistik. Berikut merupakan hipotesis kajian ini :

H_{O1} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan jantina.

H_{O2} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan kategori sekolah.

H_{O3} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan lokasi sekolah.

H_{O4} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang terhadap pengurusan kerja berdasarkan umur.

H_{O5} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan ikhtisas pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

H_{O6} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan tempoh perkhidmatan.

H_{O7} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan gred perkhidmatan.

H_{O8} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan jawatan ketua panitia.

H_{O9} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan penglibatan persatuan luar sekolah .

H_{O10} Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan kurikulum persekolahan.

H_{O11} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan secara berilmu dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.

H_{O12} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan bersifat warak dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.

H_{O13} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan berkeupayaan diri dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.

H_{O14} Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan *muaddib* dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kerangka Teori

Gaya kepimpinan merupakan satu bentuk kemahiran yang perlu ada dalam mengurus sesebuah organisasi. Gaya kepimpinan yang tepat sudah pasti akan mendatangkan rasa puas hati dalam kalangan pekerja dan seterusnya pengurusan pekerjaan itu akan menjadi lebih produktif. Kajian ini telah membawa pemikiran Imam Al-Ghazali untuk dijadikan sebagai teori atau sandaran kajian. Hal ini kerana perbincangan Imam Al-Ghazali di dalam kitabnya *Al-Iqtisad Fil I'tiqad* ada menyentuh berkenaan aspek kepimpinan yang perlu ada pada seorang imam atau pemimpin. Hasil perbincangan tersebut di adaptasi ke dalam bentuk yang baharu iaitu kepimpinan dalam bidang pendidikan melalui gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama.

Al-Ghazali (2018) di dalam kitab *Al-Iqtisad Fil I'tiqad* seorang pemimpin haruslah dipilih daripada kalangan mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan, bersifat warak, berkeupayaan diri dan daripada nasab Quraisy. Walau bagaimana pun nasab *Quraisy* tidak dapat dipadankan atau disesuaikan dalam kajian ini kerana majoriti responden yang terlibat bukan daripada golongan Arab atau *Ajami*. Oleh yang demikian, maka kajian ini telah membuat penelitian terhadap kitab *Ihya Ulumuddin* untuk menggantikan aspek nasab Quraisy tersebut. Hasil penelitian terhadap adab guru dengan murid mendapati Al-Ghazali (2014) cuba memberi isyarat kepimpinan dengan memperlihatkan peranan guru sebagai seorang yang memberi tunjuk ajar berkenaan adab kepada pelajar. Perkara ini dapat dilihat melalui perbincangan dalam bab pelajar dengan guru dan adab guru dengan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan penelitian terhadap dua karya Imam Al-Ghazali tersebut maka gaya kepimpinan dalam pengurusan panitia dapat diinterpretasikan ke dalam bahasa yang lebih mudah iaitu berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib.* Jika disintesiskan pemikiran Al-Ghazali dari Kitab *Al-Iqtisad Fil I'tiqad* dengan Kitab *Ihya Ulumuddin* maka interpretasi kepimpinan berilmu dapat di fahami melalui adab guru sebagai ketua untuk berusaha meringkaskan arahan. Manakala interpretasi kepimpinan bersifat warak dapat difahami melalui adab untuk memiliki perasaan kasih sayang terhadap ahli dengan selalu memberikan nasihat kepada ahli. Interpretasi kepimpinan berkeupayaan diri dapat difahami melalui perbincangan dalam bab latihan jiwa untuk memelihara sahsiah dan kepimpinan *muaddib* pula dapat difahami melalui peranan guru memastikan pelajar mematuhi adab dan disiplin ilmu semasa proses belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini telah membuat adaptasi pemikiran tentang kepimpinan menurut Imam Al-Ghazali ke dalam nafas yang baharu iaitu kepimpinan dalam panitia dengan menjadikan interpretasi kepimpinan berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib* sebagai sandaran atau teori kajian. Interpretasi kepimpinan menurut Imam Al-Ghazali ini sesuai digunakan dalam kajian ini kerana fungsi guru sebagai pemimpin tidak hanya terhad ketika di dalam kelas bahkan kepimpinan guru ini juga turut berfungsi ketika di luar kelas seperti menguruskan sebuah panitia atau kokurikulum. Kenyataan ini disokong oleh Norashid dan Hamzah (2014) yang mengatakan tugas guru sekarang tidak terhad hanya dengan mengajar tetapi turut terlibat dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat gaya kepimpinan pengurusan pendidikan yang ada pada ketua panitia bidang agama merupakan perkara yang mustahak. Hal ini kerana menurut Imam Al-Ghazali (2018) agama dan imam merupakan kembar dan analoginya ialah agama merupakan asas manakala kepimpinan pula penjaganya. Kenyataan ini merupakan rumusan Imam Al-Ghazali berkenaan urusan dunia dan urusan agama yang memerlukan imam untuk mencapai matlamatnya. Pemikiran Al-Ghazali tentang kepimpinan yang terdapat di dalam kitab *I'qtisad fil I'tiqad* adalah lebih dominan untuk kajian ini berbanding *Ihya' Ulumuddin*. Hal ini kerana kitab *I'qtisad fil I'tiqad* menfokuskan perbincangan tentang kepimpinan dalam satu bab khusus manakala di dalam kitab *Ihya Ulumuddin* perbincangan tentang kepimpinan hanya melalui tafsiran daripada peranan guru dalam mendidik pelajar.

Kesimpulan yang boleh dibuat berkenaan kepimpinan menurut kaca mata Al-Ghazali ialah beliau membincangkan secara khusus berkenaan kepimpinan di dalam kitab *I'qtisad fil I'tiqad* kerana beliau beranggapan kepimpinan dengan agama merupakan sesuatu yang tidak boleh dipisahkan. Penggunaan pemikiran Al-Ghazali tentang kepimpinan mempunyai rasional untuk kajian ini kerana kajian ini adalah untuk melihat gaya kepimpinan dalam kalangan ketua panitia bidang agama. Melihat pada latar belakang pekerjaan ketua panitia bidang agama yang masih berada dalam skop pengurusan pendidikan maka kajian ini juga membuat rujukan pada kitab *Ihya Ulumuddin* kerana perbincangannya dapat dipadankan dengan bidang pendidikan. Lakaran kerangka teori bagi kajian ini sebagaimana rajah 1.1.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.1. Kerangka Teori Imam Al-Ghazali tentang kepimpinan yang perlu ada pada seseorang pemimpin (Adaptasi dari Kitab Al-Iqtisad Fil I'tiqad (2018) dan Ihya' Ulumuddin Imam Al-Ghazali (2014))

1.8 Kerangka Konseptual

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kerangka konseptual merupakan satu subtajuk yang akan membincangkan berkenaan gambaran perjalanan kajian secara keseluruhan. Perbincangan bagi kajian ini dimulai dengan mengenal pasti dua pemboleh ubah utama bagi kajian ini iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Berdasarkan adaptasi daripada teori kepimpinan Islam, maka pengkaji telah menjadikan item-item kepimpinan sebagai mana yang telah disebutkan oleh Al-Ghazali sebagai pemboleh ubah kajian. Hasil penelitian tersebut telah menjadikan item berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib* sebagai pemboleh ubah bersandar dan pengurusan kerja sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Pengujian terhadap pemboleh ubah kepimpinan ini sangat penting kerana hanya pemimpin yang cekap sahaja mampu menguruskan sesebuah organisasi dengan berkesan. (Rosalena & Mohd Izham, 2015)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penelitian dan perbincangan tentang pemboleh ubah bersandar tersebut telah diperincikan lagi dengan mengeluarkan item-item yang akan di jadikan kayu ukur bagi kajian ini. Pengukuran bagi pemboleh ubah gaya kepimpinan berilmu melalui item pendengaran, penglihatan dan hati manakala pemboleh ubah gaya kepimpinan bersifat warak pula melalui item pengetahuan tentang perkara halal, pengetahuan tentang perkara haram dan pengetahuan tentang perkara syubhah. Pengukuran gaya kepimpinan berkeupayaan diri pula dilakukan dengan menggunakan item *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* manakala gaya kepimpinan *muaddib* pula melalui item potensi jasadi, potensi akli dan potensi rohani. Kesemua item-item yang dinyatakan menjadi pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah ini boleh di pengaruhi dengan pemboleh ubah yang lain (Umi Kalsom, 2014)

Seterusnya, berkenaan demografi kajian pula penganalisisan data dilakukan dengan mencari perbezaan antara pemboleh ubah demografi kajian dengan pemboleh ubah bersandar iaitu gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama. Pemboleh ubah yang terlibat dalam penganalisisan data demografi kajian seperti jantina, umur, ikhtisas pendidikan, tempoh perkhidmatan, gred perkhidmatan, jawatan ketua panitia, penglibatan persatuan luar sekolah, kategori sekolah, kurikulum persekolahan dan lokasi sekolah. Kepimpinan dan pengurusan merupakan elemen yang saling berkait rapat. Oleh yang demikian, bagi menentukan tahap hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar ujian korelasi perlu dilakukan. Penganalisisan data untuk mencari perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah termasuk dalam kategori analisis inferensi. Kelebihan analisis inferensi adalah kerana hasil analisis bagi sampel dapat di generalisasikan untuk semua populasi kajian ini (Yeri Sutapo & Achmad Slamet, 2017).


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara ringkasnya, kepimpinan dalam Islam sangat menitik beratkan tentang karisma dan kredibiliti seseorang pemimpin. Hal ini jelas apabila Islam meletakkan kriteria berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib* sebagai aspek yang perlu ada dalam kepimpinan. Pemimpin yang mempunyai rasa takut kepada Allah SWT merupakan pemimpin yang akan menjalankan amanah dengan penuh rasa penghambaan. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat sejauh mana aplikasi gaya kepimpinan mengikut pandangan Islam yang diamalkan dalam pengurusan kerja ketua panitia bidang agama di sekolah-sekolah agama negeri Terengganu. Rajah 1.2 menjelaskan kerangka konseptual secara grafik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.2. Kerangka Konseptual Kajian Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Terhadap Pengurusan Kerja (Adaptasi dari kerangka teori Imam Al-Ghazali)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.9 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian secara ringkasnya membawa maksud manfaat yang akan diperolehi oleh pihak-pihak tertentu setelah hasil kajian ini diperoleh. Menurut Sivachandralingam et al. (2016) kepentingan kajian boleh dilihat dari dua sudut iaitu secara akademik dengan melihat sejauh manakah tajuk kajian yang dipilih mengisi kekosongan dalam bidang kajian dan kepentingan kepada negara pula dapat dilihat dengan merujuk kepada kajian-kajian kontemporari. Berikut merupakan pihak yang akan mendapat manfaat daripada kajian ini yang dijalankan ini.

i. Ketua panitia bidang agama dapat mengetahui gaya kepimpinan yang manakah paling mendatangkan kesan terhadap pengurusan kerja.
ii. Pihak sekolah boleh merangka pelan jangka masa panjang dan jangka masa pendek untuk meningkatkan kualiti pengurusan kerja ketua panitia bidang agama melalui gaya kepimpinan yang diamalkan.
iii. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi setiap daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) dan dapat mengetahui gaya kepimpinan dan prestasi pengurusan kerja terkini bagi ketua panitia ketua bidang agama di SMKA.
iv. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Yayasan Terengganu (YT) dapat mengetahui gaya kepimpinan dan prestasi pengurusan kerja terkini bagi ketua panitia ketua bidang agama di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Imtiaz yang berstatus SABK.
v. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) boleh menggunakan data yang di peroleh untuk dijadikan kayu ukur terkini bagi gaya kepimpinan ketua panitia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang agama yang dominan dan tahap pengurusan kerja yang paling efektif di sekolah -sekolah menengah agama di negeri Terengganu.

1.10 Definisi Operasi Kajian

Definisi operasi kajian merupakan satu subtajuk yang akan membincangkan berkenaan maksud bagi tajuk kajian yang dijalankan. Perbincangan tentang definisi ini dilakukan dengan merujuk pada perkataan-perkataan yang menjadi pemboleh ubah dalam kajian ini atau perkataan-perkataan yang mempunyai perkaitan dengannya. Definisi terhadap perkataan-perkataan tersebut diberikan keutamaan kerana pemboleh ubah tersebut diukur dan dicerap dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10.1 Gaya Kepimpinan

Suppiah Nachiappan et al. (2012) menyatakan bahawa gaya membawa maksud stail atau cara. Mohtar Abas (2005) pula mengatakan kepelbagaian fungsi kepimpinan yang dijalankan oleh pemimpin akan membawa kepada kecemerlangan, keberkesanan dan kecekapan organisasi. Menurut AL. Ramaiah (1992) kepimpinan ialah kuasa yang menentukan kewujudan sesebuah institusi dan ia juga merupakan kuasa untuk mengarah sumber-sumber sesebuah organisasi ke arah pencapaian matlamat dan kewujudan piawai organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Yahya Don (2005) mengatakan bahawa kepimpinan guru pula lebih kepada menerapkan visi dan misi sekolah, mengurus bilik darjah, mengurus kurikulum dan ko-kurikulum, mengurus sukan dan permainan, mengurus hal ehwal murid, perkhidmatan kaunseling dan sebagainya. Yahya Don et al. (2006) menjelaskan bahawa wawasan pendidikan negara tidak akan berjaya sekiranya kepimpinan pendidikan hari ini tidak menghayati dan mengamalkan etika kerja.

Menurut Zaidatol & Soaib (2011) pemimpin yang berorientasi profesional akan mengguna pakai orientasi kepimpinan yang lebih fleksibel iaitu kurang berpusat dan berbentuk rasmi. Zaidatol & Foo Say (2003) pula menyatakan kepimpinan boleh didefinisikan sebagai satu proses interaksi sosial antara pemimpin dan kakitangan atau dalam bahasa mudahnya pemimpin akan mempengaruhi kakitangan untuk mencapai matlamat organisasi. Gaya kepimpinan yang dimaksudkan dalam kajian ini merujuk kepada cara yang digunakan untuk menguruskan panitia bidang agama seperti berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib.*

1.10.2 Pengurusan Kerja

Pengurusan kerja merupakan satu proses untuk menyusun atur sesuatu pekerja agar menjadi lebih teratur dan sistematik. Mewujudkan satu sistem pekerjaan yang efisien ini sebenarnya memerlukan sebuah organisasi dan ketua yang mentadbir urus segala urusan tersebut. Hal ini selari dengan kenyataan Wan Azmi (1994) yang mengatakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengurusan merupakan satu elemen yang berkait rapat dengan organisasi dan orang yang mentadbirnya seperti pengarah.

Sebenarnya kewujudan pengarah dalam sesebuah organisasi dapat membantu kelancaran operasi kerja melalui strategi dan arahan yang dikeluarkan dan membantu pelaksanaan kerja yang lebih kompeten oleh pekerja atau orang bawahan. Menurut Ahmad Atory (1991) pengurusan merujuk kepada aktiviti yang diwujudkan untuk mengarah kerja-kerja atau tugas yang telah diberikan. Ini membawa maksud seseorang ketua seperti pengarah dalam sesebuah organisasi mempunyai autoriti mengeluarkan arahan yang perlu dipatuhi oleh semua pekerja.

Berdasarkan konteks kajian ini, definisi pengurusan kerja yang digunakan adalah merujuk pada keupayaan ketua panitia bidang agama dalam menguruskan sesebuah panitia. Pengurusan kerja ketua panitia bidang agama ini dilihat pada cara ketua panitia tersebut untuk menguruskan kerja-kerja panitia seperti menguruskan bebanan tugas, emosi, persekitaran kerja dan personaliti pekerja. Hal ini kerana kesemua elemen tersebut perlu diuruskan secara sistematik dan teratur agar kualiti pekerjaan menjadi lebih produktif dan efektif.

1.11 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan satu had yang diwujudkan agar kajian ini sentiasa berada dalam skop perbincangan. Noraini Idris (2013) menjelaskan bahawa skop kajian memerihalkan apa yang ingin dikaji manakala batasan kajian pula memerihalkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara eksplisit tentang perkara-perkara yang tidak di pertimbangkan dalam kajian yang berkaitan. Kajian ini telah menjadikan sekolah-sekolah menengah agama di negeri Terengganu sebagai skop kajian. Batasan kajian ini hanya melibatkan kategori Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan tidak melibatkan sekolah-sekolah aliran lain seperti SMK, SMT/V, SM (Sains) dan SJK(C).

Batasan kajian terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu batasan daripada segi waktu kajian, lokasi kajian dan populasi kajian. Batasan waktu kajian ini adalah selama enam bulan manakala populasi kajian pula hanya melibatkan ketua panitia bidang agama di sekolah-sekolah kajian. Batasan bagi lokasi kajian ini telah menyasarkan sebanyak dua puluh satu buah Sekolah Menengah Agama yang berada di Negeri Terengganu. Berikut merupakan senarai sekolah tersebut mengikut kategori:

Jadual 1.1

Senarai Sekolah Menengah Agama Di Negeri Terengganu

BIL	KOD SEKOLAH	KATEGORI	NAMA SEKOLAH
1.	TFT0001	SABK	SM Imtiaz Yayasan Terengganu Besut
2.	TFT5001	SABK	SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Berang
3.	TFT3004	SABK	SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kuala Terengganu
4.	TFT1002	SABK	SM Imtiaz Yayasan Terengganu Dungun
5.	TFT2002	SABK	SM Imtiaz Yayasan Terengganu Kemaman
6.	TFT3002	SABK	SMA (Atas) Sultan Zainal Abidin
7.	TFT0002	SABK	SMA Ittifakiah
8.	TFT3001	SABK	SMA Khairiah
9.	TFT0003	SABK	SMA Maarif
10.	TFT5002	SABK	SMA Mahmudiah
11.	TFT4001	SABK	SMA Marang
12.	TFT6001	SABK	SMA Setiu
13.	TFT1001	SABK	SMA Sultan Ismail
14.	TFT3003	SABK	SMA Sultan Zainal Abidin Ladang
15.	TFT2001	SABK	SMA Al Falah
16.	TRA7001	SMKA	SMKA Dato' Haji Abbas
17.	TRA4016	SMKA	SMKA Durian Guling

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1 (*sambungan*)

BIL	KOD SEKOLAH	KATEGORI	NAMA SEKOLAH
18.	TRA1001	SMKA	SMKA Kuala Abang
19.	TRA0001	SMKA	SMKA Nurul Ittifaq
20.	TRA3002	SMKA	SMKA Sheikh Abdul Malik
21.	TRA0002	SMKA	SMKA Wataniah

1.12 Rumusan

Ketua panitia bidang agama merupakan tunjang bagi pengurusan mata pelajaran agama di setiap sekolah. Kompetensi pengurusan yang dimiliki oleh seseorang ketua panitia bidang agama bergantung pada gaya kepimpinan yang diamalkan semasa menguruskan sesebuah panitia agama tersebut. Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan, kebanyakan isu secara umumnya melibatkan masalah kepimpinan dan pengurusan kerja guru. Masalah ini meliputi masalah kepimpinan seperti kurangnya kesedaran mengenai kepentingan kepimpinan dan masalah-masalah pengurusan kerja seperti bebanan kerja, masalah emosi, masalah persekitaran kerja dan masalah personaliti.

Oleh yang demikian, generalisasi awal yang boleh dilakukan ialah ketua panitia pendidikan agama juga mungkin berhadapan dengan masalah yang sama kerana jawatan ketua panitia yang disandang tidak menggugurkan tugas hakiki seorang guru sebagaimana guru-guru yang lain. Secara logiknya, jika guru-guru yang hanya menjalankan tugas mengajar sahaja sudah mempunyai masalah dalam kepimpinan dan pengurusan kerja maka ketua panitia merupakan sosok individu yang turut menerima masalah yang sama dengan kadar dua kali lipat. Hal ini kerana, tugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seorang ketua panitia tidak hanya mengajar sebaliknya turut menjalankan fungsi-fungsi pengurusan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Kepimpinan merupakan satu bentuk kemahiran untuk mempengaruhi seseorang. Kemahiran kepimpinan ini tidak terhad hanya kepada golongan pemimpin sesebuah negara sahaja. Sebenarnya, kemahiran ini boleh di aplikasikan dalam pelbagai bidang termasuk juga bidang pendidikan. Sebagai seorang ketua panitia bagi sesuatu mata pelajaran agama adalah menjadi satu kemaslahatan untuk seorang ketua mempengaruhi guru-guru agama yang lain agar pengurusan kerja dapat di seragamkan secara holistik.

Kepimpinan dalam pengurusan panitia merupakan satu kemahiran insaniah dalam profesion keguruan yang perlu sentiasa dipertingkatkan. Melihat akan kemaslahatan tersebut maka bab ini akan membincangkan beberapa topik penting

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti asal usul kepimpinan pengurusan organisasi pada zaman Rasulullah s.a.w, kompetensi kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama.

2.2 Kepimpinan Dan Pengurusan Organisasi Pada Zaman Rasulullah S.A.W

Rasulullah SAW merupakan contoh tauladan yang terbaik bagi umat Islam dan seluruh makhluk di alam buana ini. Rasulullah SAW bukan sahaja merupakan Nabi utusan Allah SWT tetapi baginda juga turut berperanan menjadi *uswah hasanah* dalam semua bidang sama ada politik, sosial atau pun ekonomi. Kamar Azmi (2016) mengatakan bahawa *uswah hasanah* merupakan maksud umum dari surah Al-Ahzab ayat 21 yang mengetengahkan ikutan baik yang datang daripada perbuatan atau suruhan baginda Nabi s.a.w.

Nazirah dan Kamarul (2013) mengatakan dalam konteks Pendidikan Islam, Rasulullah SAW merupakan guru yang terbaik untuk di jadikan rujukan . Hal ini kerana, jika dilihat dalam bidang pengurusan organisasi Rasulullah SAW banyak mempamerkan kepimpinannya ketika bergaul dengan para sahabat. Baginda mengurus para sahabat dengan mendidik mereka melalui nasihat dan suruhan-suruhan yang bersifat mendidik jiwa dan akhlak umat pada zaman itu.

Kesimpulannya, *uswah hasanah* yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW meliputi bidang kepimpinan ini yang sangat luas. Kepimpinan yang ada pada Rasulullah SAW ini meliputi skop pentadbiran, dakwah dan pendidikan. Melihat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pada catatan sejarah, Rasulullah SAW sudah mempraktikkan kepimpinannya melalui bidang pentadbiran dan pengurusan seperti menjadi pemimpin bagi sebuah negara Islam yang bernama Madinah. Tujuannya agar ia dapat diambil sebagai contoh dan tauladan oleh umat Islam selepas kewafatan baginda.

2.2.1 Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Pentadbiran Negara

Melihat dari sudut kepimpinan Rasulullah SAW, baginda tidak hanya mempunyai autoriti sebagai seorang ketua negara Islam yang memimpin negara Madinah ketika itu tetapi baginda juga merupakan seorang ikon yang menjadi ikutan para sahabat. Sebenarnya, baginda juga mempunyai bakat yang dikurniakan Allah SWT untuk mendidik manusia agar menjadi insan yang jauh lebih dari semasa ke semasa. Baginda telah menanamkan sifat kepimpinan dalam diri para sahabat melalui misi dan tugas yang telah diberikan. Sebagai contohnya berkenaan kepimpinan Muaz bin Jabal yang menyelesaikan masalah melalui ijtihad dan telah mendapat pujian daripada Nabi s.a.w sebagaimana hadis berikut :

عَنْ أُنَاسٍ مِنْ أَهْلِ حِمْصٍ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا أَرَادَ أَنْ يَبْعَثَ مُعَاذًا إِلَى الْيَمَنِ قَالَ: «كَيْفَ تَقْضِي إِذَا عَرَضَ لَكَ قَضَاءٌ؟» ، قَالَ: أَقْضِي بِكِتَابِ اللَّهِ، قَالَ: «فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي كِتَابِ اللَّهِ؟» ، قَالَ: فَبِسُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: «فَإِنْ لَمْ تَجِدْ فِي سُنَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَلَا فِي كِتَابِ اللَّهِ؟» قَالَ: أَجْتَهِدُ رَأْيِي، وَلَا آلُو فَضَرَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَدْرَهُ، وَقَالَ: «الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي وَفَّقَ رَسُولَ، رَسُولِ اللَّهِ لِمَا يُرْضِي رَسُولَ اللَّه

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Maksudnya : *Dari Anas dari Ahli Hims,Sesungguhnya, Rasulullah SAW mengutus Muaz ke Yaman. Maka Nabi bertanya kepadanya: "Bagaimanakah kamu akan menentukan hukum apabila dibawa kepada kamu sesuatu permasalahan?" Muaz menjawab: "Saya akan menentukan hukum berdasarkan kitab Allah" Nabi bertanya lagi: "Sekiranya kamu tidak memperolehnya dari kitab Allah?"Muaz menjawab: "Saya akan menentukannya berdasarkan Sunnah Rasulullah s.a.w." Nabi bertanya lagi: "Sekiranya kamu tidak memperolehnya dari Sunnah Rasulullah s.a.w dan tidak juga dari kitab Allah?" Muaz menjawab,' Saya akan berijtihad dengan pandangan ku. Nabi pun bersabda: Maka Nabi s.a.w menepuk dada sambil bersabda"Segala puji bagi Allah yang telah memberi taufik kepada utusan Rasulullah."*
>
> (Sunan Abu Daud no.3592)

Barmawi Mukri (2003) menjelaskan bahawa hadis berkenaan ijtihad dari Muaz bin Jabal jelas menyatakan bahawa Al-Quran dan sunnah merupakan sumber hukum yang utama dan penggunaan ijtihad dibolehkan apabila tiada ketetapan nas dalam sumber utama tersebut. Secara tersiratnya dapat difahami bahawa Nabi s.a.w sebagai seorang pemimpin tertinggi bertindak secara rasional dengan memberi ke izinnya kepada orang yang tepat untuk memimpin mengikut keadaan dan keperluan.

Kesimpulannya, peristiwa tersebut jelas memperlihatkan bahawa Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang mempunyai kepercayaan terhadap orang bawahannya. Sebenarnya kepercayaan seorang ketua kepada pengikutnya amat penting. Hal ini kerana, kepercayaan tersebut dapat dijadikan sebagai satu motivasi untuk meningkatkan lagi prestasi kerja dalam kalangan pekerja atau orang bawahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.2 Kepimpinan Rasulullah SAW Melalui Pensyariatan Solat Berjemaah

Semasa hayat Rasulullah SAW, baginda tidak pernah mengabaikan solat fardu secara berjemaah. Secara tersiratnya, solat berjemaah merupakan satu adaptasi kepimpinan melalui ibadat iaitu imam solat akan menjadi pemimpin manakala makmum pula akan menjadi pengikutnya. Kepatuhan makmum yang selalu mengikuti setiap pergerakan imam memberi satu gambaran tentang kepatuhan umat Islam dan berjemaah atau berkeluarga. Hasna Bidin et. al (2016) menyatakan bahawa solat fardu secara berjemaah dapat menyemarakkan sifat *mahabbah*, t*aaruf* dan semangat kerjasama dalam komuniti Islam. Kekuatan umat Islam melalui solat berjemaah dapat di fahami melalui hadis berikut :

فَقَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمُ الصَّلَاةُ إِلَّا قَدِ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ، فَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ؛ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذِّئْبُ الْقَاصِيَةَ» قَالَ السَّائِبُ: يَعْنِي بِالْجَمَاعَةِ الْجَمَاعَةَ فِي الصَّلَاة

Daripada Abu Darda' r.a. : Rasulullah s.a.w. bersabda "Mana-mana tiga orang dari kampung atau dari kawasan pedalaman yang tidak mendirikan solat secara berjemaah, nescaya mereka akan dikuasai oleh syaitan. Maka menjadi satu keperluan kepada kamu untuk berjemaah , kerana sesungguhnya serigala itu memakan haiwan peliharaan yang menjauhkan diri daripada kumpulan." membawa maksud bersama-sama melaksanakan solat secara berjemaah.

(Sunan An-Nasaie no.847)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan hadis di atas jelas dapat difahami bahawa orang-orang yang meninggalkan solat berjemaah sebenarnya berada di luar kekuatan Islam dan mereka akan mudah diserang oleh hawa nafsu, godaan syaitan dan musuh-musuh Islam pada bila-bila masa sahaja. Solat secara berjemaah merupakan satu bentuk benteng kekuatan umat Islam. Hasna Bidin et. al (2016) turut menjelaskan bahawa solat fardu lima waktu secara berjemaah merupakan benteng yang paling kuat untuk menyekat diri daripada melakukan dosa dan maksiat. Oleh yang demikian, pada zaman Nabi SAW , baginda selalu memimpin para sahabat dalam urusan ibadat dengan menjadi imam solat berjemaah. Pelaksanaan solat berjemaah ini akhirnya menjadi batu asas dalam penyatuan dan perpaduan umat Islam pada hari ini.

Kesimpulannya, kepimpinan Rasulullah SAW melalui pelaksanaan solat jemaah dapat memberi satu gambaran awal tentang ketaatan pengikut terhadap pemimpin. Ketika melaksanakan solat secara berjemaah makmum wajib mengikuti setiap pergerakan imam. Walau bagaimana pun, jika imam tersalah bacaan atau rakaat makmum boleh menegurnya. Hal ini juga sama dengan keadaan pemimpin dan pengikut ketika di luar solat. Jika pemimpin melakukan perkara yang mengajak ke arah jalan Allah SWT, maka para pengikut wajib mengikutinya manakala jika sebaliknya para pengikut boleh menegurnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Komuniti Keilmuan

Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang mempunyai gaya kepimpinan yang sempurna. Gaya kepimpinan Rasulullah SAW tidak kaku bahkan berubah-rubah mengikut situasi dan keadaan. Jika berhadapan dengan perkara yang serius dan hanya memerlukan penyelesaian daripada seorang utusan Allah, maka Rasulullah SAW akan menggunakan kuasanya sebagai pesuruh Allah dan kepimpinan ini dinamakan autokrasi. Melihat dalam bidang pentadbiran pula Rasulullah SAW lebih banyak menggunakan kepimpinan demokrasi dengan mengambil kira pandangan para sahabat.

Walau bagaimana pun terdapat juga situasi yang menunjukkan Rasulullah SAW memberi kebenaran kepada individu atau sekelompok manusia untuk mengetuai bidang masing-masing dengan kepakaran yang mereka ada. Kepimpinan jenis ini disebut sebagai *laissez-faire*. Menurut Muhd Akmal et. al (2015) kepimpinan jenis ini memberi kebenaran sepenuhnya kepada orang bawahan untuk menjalankan pekerjaan manakala pemimpin hanya melihat dan memberi nasihat. Hal ini dapat diteliti melalui kisah di dalam hadis berikut :

عَنْ أَنَسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِقَوْمٍ يُلَقِّحُونَ، فَقَالَ: «لَوْ لَمْ تَفْعَلُوا لَصَلُحَ» قَالَ: فَخَرَجَ شِيصًا، فَمَرَّ بِهِمْ فَقَالَ: «مَا لِنَخْلِكُمْ؟» قَالُوا: قُلْتَ كَذَا وَكَذَا، قَالَ: «أَنْتُمْ أَعْلَمُ بِأَمْرِ دُنْيَاكُمْ»

Dari Anas bahawa Nabi SAW mendatangi satu golongan yang sedang mengacukkan pohon tamar lalu baginda bersabda: "Sekiranya mereka tidak melakukannya, tamar itu akan mendatangkan hasil yang baik juga." Tetapi selepas itu, kurma tersebut mendatangkan hasil dalam keadaan rosak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *Sehingga suatu hari Nabi SAW mendatangi golongan tersebut dan bersabda : "Kenapakah dengan hasil tanaman pohon tamar kalian? Mereka menjawab; Bukankah kamu wahai Rasulullah pernah berkata mengatakan hal ini dan hal itu? Baginda bersabda: "Kamu semua lebih mengetahui urusan dunia kamu".*
>
> (Sahih Muslim no.141)

Hadis ini memberi satu gambaran bahawa Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang mempunyai sifat toleransi yang sangat baik. Sebagai seorang pemimpin tertinggi bagi sebuah negara Islam, Rasulullah SAW sangat menghormati dan menghargai kebolehan yang ada pada rakyat jelatanya. Oleh yang demikian,melalui hadis ini dapatlah difahami bahawa kepimpinan *laissize- faire* yang dipraktikkan oleh Rasullullah SAW ini hanya melibatkan hal-hal kecil sahaja dan tidak melibatkan urusan agama serta keselamatan negara. Baharuzaini Baharin et al. (2016) menjelaskan bahawa gaya kepimpinan jenis ini membolehkan orang bawah menjalankan kerja mengikut keselesaan mereka dan sangat tidak sesuai untuk dipraktikkan bagi sesebuah organisasi yang besar kerana sukar untuk ditangani jika memperoleh hasil kerja yang tidak produktif.

Tuntasnya, walaupun Rasulullah SAW mempunyai pelbagai bentuk gaya kepimpinan yang diamalkan. Baginda tetap mengutamakan kepentingan bersama dengan memastikan setiap perbuatan tidak terlalu keras dan tidak terlalu berlembut. Melihat dari sudut psikologi, baginda seorang pemimpin yang selalu memberikan galakan dan rangsangan positif agar umat dan para pengikutnya selesa dengan norma kesejahteraan dan rahmat yang dibawa oleh agama Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.4 Kepimpinan Rasulullah SAW Dalam Komuniti Masyarakat

Manusia merupakan makhluk yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Interaksi yang dilakukan mempunyai pelbagai tujuan dan sudah semestinya mempunyai pelbagai medium. Rasulullah SAW sebagai sebaik-baik pemimpin umat telah mengajarkan satu bentuk interaksi dalam Islam yang bersifat positif dan berbentuk motivasi. Interaksi sosial yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW adalah melalui ucapan salam ke atas saudara seagama. Salam yang dianjurkan ini tidak mengira batas usia. Salam merupakan bimbingan dalam pembentukan Pendidikan Islam antara orang dewasa dengan golongan kanak-kanak (Abdul Hamid, 2001). Hal ini pernah dilakukan oleh baginda Rasulullah SAW melalui hadis berikut :

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ: أَنَّهُ مَرَّ عَلَى صِبْيَانٍ فَسَلَّمَ عَلَيْهِمْ وَقَالَ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَفْعَلُهُ

Maksudnya : Sesungguhnya Anas bin Malik berjalan melewati anak kecil, kemudian beliau mengucapkan salam kepada mereka. Anas berkata " Nabi s.a.w biasa melakukannya dahulu"

(Sahih Bukhari no.6247)

Kanak-kanak merupakan insan kerdil dalam sesebuah komuniti. Pemberian salam daripada seorang pemimpin tertinggi umat Islam kepada golongan kecil atau pun kanak-kanak dapat ditafsirkan sebagai satu bentuk kepimpinan yang tidak mendiskriminasikan mana-mana pihak dalam komuniti masyarakat. Diskriminasi dalam komuniti masyarakat bukanlah perkara yang baik kerana perbuatan ini merupakan satu kecenderungan untuk saling membezakan antara satu manusia dengan manusia yang lain (Rafidah Saidon et. al, 2017). Melalui hadis tersebut dapatlah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

difahami bahawa Rasulullah SAW memberi isyarat agar para pemimpin menyantuni dan mengambil berat perihal golongan kecil ini kerana sudah menjadi satu kewajipan pemimpin untuk melindungi golongan yang lemah.

Natijahnya, baginda cuba memberi isyarat bahawa seorang pemimpin mesti bersifat holistik dan tidak mudah prejudis terhadap sesuatu pihak walaupun terhadap seorang anak kecil. Sebagai contoh seorang anak kecil mempunyai jangka masa yang masih panjang untuk hidup. Nilai positif melalui keprihatinan pemimpin bagi golongan ini sudah semestinya akan meninggalkan kesan yang mendalam dan sudah tentu sangat membantu untuk melahirkan pemimpin yang lebih baik pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.5 Kepimpinan Dalam Kekeluargaan

Keluarga merupakan organisasi sosial asas yang lazimnya dianggotai oleh semua manusia. Melihat dalam konteks kekeluargaan pula, Nabi Muhammad SAW merupakan seorang pemimpin keluarga yang mempunyai karisma dalam mewujudkan sesebuah keluarga yang bahagia. Baginda bukan sahaja mampu menarik dan mempengaruhi orang dewasa bahkan baginda juga sangat disukai oleh kanak-kanak. Rasulullah SAW suka bermain dengan kanak-kanak dan kadang-kadang Rasulullah SAW memangku kanak-kanak tersebut (Muhammad al-Hufy ,2000). Hal ini jelas melalui hadis berikut :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ الْحَارِثِ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُفُّ عَبْدَ اللهِ، وَعُبَيْدَ اللهِ، وَكُثَيِّرًا بَنِي الْعَبَّاسِ ، ثُمَّ يَقُولُ: " مَنْ سَبَقَ إِلَيَّ فَلَهُ كَذَا وَكَذَا " قَالَ: فَيَسْتَبِقُونَ إِلَيْهِ فَيَقَعُونَ عَلَى ظَهْرِهِ وَصَدْرِهِ، فَيُقَبِّلُهُمْ وَيَلْتَزِمُهُمْ

Daripada Abdullah bin Harith meriwayatkan : Rasulullah SAW meminta Abdullah, Ubaidillah dan anak-anak Abbas r.a yang lain untuk berbaris dan baginda berkata " Siapa yang sampai dahulu kepada ku akan aku berikan ini dan ini. Kemudian mereka berlumba-lumba kepada Rasulullah s.a.w. dan mereka duduk di dalam pangkuan lalu mencium dan memeluknya.

(Musnad Imam Ahmad no. 1836)

Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa Rasulullah SAW mengajar pemimpin keluarga terutamanya ibu bapa untuk melayani anak-anak dengan bermain dan menyelami dunia mereka. Hal ini turut disetujui oleh Abdullah Nasih Ulwan (2015) yang mengatakan bermain dapat menghilangkan rasa penat dan bosan yang ada dalam diri anak-anak dengan mengembalikan semula kecergasan dalam pergerakan, menjernihkan otak dan melindungi jasad anak-anak daripada penyakit. Oleh yang demikian, secara tersiratnya hadis tersebut cuba menyampaikan mesej dengan mengatakan bahawa pemimpin keluarga yang baik bukan sahaja dapat menyediakan keperluan asas kepada anak-anak seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal sebaliknya mereka juga turut memahami psikologi anak-anak dengan baik.

Kesimpulannya, Rasulullah SAW memberi isyarat bahawa seseorang pemimpin itu perlu mempunyai perasaan kasih sayang terhadap rakyatnya sebagaimana seorang ibu menyayangi anaknya. Seorang pemimpin tidak akan menjadi pemimpin jika mempunyai para pengikut dan para pengikut ini tidak akan diperoleh jika pemimpinnya berkelakuan kejam dan menindas rakyat jelata.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Kompetensi Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama.

Ketua panitia bidang agama merupakan individu yang bertanggungjawab bagi memastikan setiap urusan guru-guru agama berjalan dengan lancar ketika berada di sekolah. Semasa menjalankan fungsi sebagai seorang pemimpin bagi sesebuah organisasi mata pelajaran, ketua panitia bidang agama sewajarnya menerapkan dan mengamalkan beberapa gaya kepimpinan. Tujuan gaya kepimpinan ini dipraktikkan adalah untuk meningkatkan kompetensi pengurusan kerja panitia. Azman (2012) menyatakan bahawa gaya kepimpinan,komitmen, motivasi dan kepuasan kerja dalam kalangan pekerja mempunyai hubungan antara satu sama lain dan memberi implikasi terhadap sesebuah organisasi. Implikasi yang dimaksudkan merupakan kesan terhadap pengurusan kerja kerana semua aspek yang dinyatakan menjadi aspek bagi pengurusan kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Gaya kepimpinan seseorang ketua jika dilihat dari sudut pemikiran sarjana Islam adalah berbeza dengan pandangan sarjana Barat. Gaya kepimpinan demokratik yang diperkenalkan oleh Barat mempunyai perbezaan dengan syura yang ada di dalam Islam walaupun kedua-duanya mempunyai ciri-ciri yang hampir sama (Muhd Akmal , 2015). Melihat pada konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama maka gaya kepimpinan tersebut akan melihat pada skop perbincangan ulama mengenai kepimpinan dalam Islam. Hal ini dijelaskan oleh Ahmad Tarmizi (2017) yang mengatakan kepimpinan dalam Islam merupakan amanah ketuhanan yang merangkumi semua aspek kehidupan sama ada urusan di dunia atau akhirat manakala kepimpinan menurut Barat sekular hanyalah sebagai urusan dunia yang melibatkan manusia sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Imam Al-Ghazali merupakan antara tokoh Islam yang banyak menyumbang idea dan pemikirannya dalam dunia pendidikan umat Islam. Karyanya *Al-Iqtisad fil I'tiqad* dan *Ihya' Ulumuddin* bukan hanya sekadar kitab perbincangan akidah dan penyucian jiwa akan tetapi turut menyumbangkan idea-idea dalam bidang kepimpinan. Perbincangan Imam Al-Ghazali mengenai kepimpinan jelas disebutkan dalam bab terakhir dari kitab *Al-Iqtisad fil I'tiqad* yang mengatakan bahawa seseorang pemimpin itu perlu memiliki sifat berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan daripada nasab *Quraisy* (Al-Ghazali, 2018). Penelitian terhadap kepimpinan di dalam kitab *Ihya Ulumuddin* pula mendapati perbincangan dalam topik pelajar dengan guru dan adab guru dengan pelajar menginterpretasikan kepimpinan guru sebagai seorang *muaddib* iaitu seseorang yang memberi tunjuk ajar berkenaan akhlak kepada pelajar. (Al-Ghazali, 1977).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Natijahnya, perbincangan tentang kompetensi kepimpinan menurut Islam adalah berbeza dengan apa yang ditulis oleh sarjana barat. Kepimpinan dalam Islam merupakan sesuatu amalan yang dilakukan bermatlamatkan Allah SWT. Oleh yang demikian, maka tidak hairan jika Imam Al-Ghazali meletakkan aspek berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib* sebagai kriteria kepimpinan kerana garisan penamat bagi kepimpinan yang diamalkan adalah untuk mendapatkan keredaan Allah SWT. Perbincangan subtajuk ini akan membahasakan aspek-aspek tersebut secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.1 Berilmu

Berilmu merupakan satu elemen yang penting dalam pendidikan. Berilmu dalam bahasa Arab disebut dengan perkataan *allama* dan mengalami evolusi perkataan untuk mendefinisikan sesuatu itu dengan lebih tepat. Perkataan *ta'lim* merupakan *masdar* (kata terbitan) daripada perkataan '*allama* yang membawa maksud pengajaran bersifat pemberian atau penyampaian pengertian dan juga keterampilan (Zakiah Darajat,1996). Menurut Halsted (2004) *ta'lim* membawa maksud mengetahui, menganggap, melihat, mencerap dan memberi tahu dan proses di peringkat ini melalui tunjuk ajar, arahan, latihan dan lain-lain proses yang digunakan dalam pengajaran.

Melalui definisi *ta'lim* ini dapat dikatakan bahawa kepimpinan dalam pengurusan panitia bidang agama yang berlaku pada peringkat ini mementingkan peranan ilmu pengetahuan dalam pentadbiran dan pengurusan . Penglibatan aspek ilmu pengetahuan membawa maksud elemen kognitif telah digunakan secara langsung. Hasnah Mohamed et al. (2014) menjelaskan bahawa gaya kognitif mempengaruhi gaya seseorang dalam mendapatkan maklumat melalui pemerhatian, menganalisis maklumat tersebut dan dimudahkan dalam gambaran mudah untuk tindakan selanjutnya.

Sebenarnya banyak perkataan *allama* yang telah digunakan oleh Al Quran bagi menyampaikan sesuatu mesej. Terdapat satu ayat Al Quran yang menyebut berkenaan perkataan *allama* dan dituruti dengan aspek-aspek yang menjadi wasilah tersampainya sesuatu ilmu pengetahuan. Hal ini sebagaimana mesej yang terkandung dalam surah An-Nahl ayat 78.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

وَاللَّهُ أَخْرَجَكُمْ مِنْ بُطُونِ أُمَّهَاتِكُمْ لَا تَعْلَمُونَ شَيْئًا وَجَعَلَ لَكُمُ السَّمْعَ وَالْأَبْصَارَ وَالْأَفْئِدَةَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya : Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dengan keadaan tidak mengetahui sesuatu pun; dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati akal fikiran supaya kamu bersyukur.

(Al-Maraghiy Mustafa, 2001)

Berdasarkan ayat ini terdapat tiga deria yang menjadi wasilah tersampainya pengetahuan kepada manusia. Ahmad Syah (2008) menyatakan bahawa perkembangan fungsi deria ini menjadi tanggungjawab ibu bapa ketika anak-anak masih kecil. Jika di lihat dalam konteks kepimpinan dan pengurusan panitia bidang agama maka tanggungjawab ini juga menjadi tanggungjawab ketua panitia bidang agama. Hal ini fungsi ketua panitia bidang agama di ibaratkan seperti ibu bapa untuk menyampaikan ilmu pengetahuan yang secukupnya kepada guru-guru mata pelajaran agama berada di bawah seliaan dan pengurusan ketua panitia tersebut.

Kesimpulannya, terdapat tiga deria yang menjadi jalan tersampainya ilmu pengetahuan iaitu pendengaran, penglihatan dan hati. Melihat dalam konteks kepimpinan, seseorang ketua perlulah dipilih daripada kalangan mereka yang sempurna tiga deria tersebut. Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa pemimpin tersebut sentiasa belajar dari kesilapan-kesilapan lepas dan tidak mengulangi kesilapan yang sama pada masa akan datang. Belajar daripada kesilapan-kesilapan lepas melalui pendengaran, penglihatan dan hati merupakan cara pemimpin membaiki diri ke arah yang lebih produktif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i Pendengaran

Pendengaran merupakan antara deria utama yang penting dalam menjalankan pekerjaan. Hal ini kerana melalui pendengaran yang sempurna para pekerja akan lebih mudah untuk menerima maklumat dan informasi yang disampaikan oleh ketua mereka. Puguh Setyo (2009) menjelaskan bahawa gangguan pendengaran boleh mengakibatkan berlakunya kesukaran dalam memahami percakapan dan akan terjadinya gangguan komunikasi yang akan memberikan kesan negatif terhadap pekerjaan, pendidikan dan hubungan sosial. Melihat dalam konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama, fungsi pendengaran amatlah penting untuk seseorang ketua panitia mempertingkatkan ilmu kepimpinan dan pengurusan. Fungsi pendengaran adalah mendengar aduan orang bawahan dan menggunakan ilmu yang ada untuk mencari penyelesaian bagi setiap masalah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii Penglihatan

Penglihatan juga merupakan antara deria yang tidak kurang pentingnya dalam menjalankan sesuatu pekerjaan. Hal ini kerana, pekerjaan juga merupakan satu proses pembelajaran melalui pengalaman yang memerlukan pandangan visual bagi meningkatkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada . Pelajar yang menggunakan pembelajaran secara visual lebih suka memerhatikan gambar dan simbol berbanding dengan pelajar yang mengamalkan pembelajaran secara verbal yang lebih suka memerhatikan tulisan dan teks (Meor Ibrahim & Assaadah,2011) . Melihat dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama pula, penglihatan perlu digunakan oleh ketua panitia untuk membuat analisis melalui gambaran sebenar tentang masalah yang dihadapi. Penyelesaian secara ilmiah oleh seorang ketua panitia hanya dapat diperoleh dengan mengaitkan masalah yang dilihat dengan ilmu yang dimiliki.

iii Hati

Hati merupakan organ yang mempunyai peranan tersendiri bagi seorang pemimpin yang menjadikan ilmu pengetahuan sebagai gaya kepimpinannya . Peranan hati dalam kepimpinan ketua panitia bidang agama adalah sangat penting kerana dari hati lahirnya matlamat dan tujuan yang ingin dicapai sama ada berbentuk akhirat atau keduniaan semata-mata. Sebenarnya, aplikasi kepimpinan antara dunia Islam dan Barat mempunyai perbezaan yang sangat ketara berkenaan unsur hati dan spiritual.

Kepimpinan dalam Islam lebih menekankan aspek pembentukan hati dan rohani dengan menjadikan reda Allah sebagai matlamat dalam kepimpinan kerana mendapat ilmu melalui wahyu Al-Quran dan hadis Nabi. Oleh yang demikian, peranan ilmu dalam Islam adalah didasari dengan elemen rohani yang datang dari hati. Hal ini selari dengan kenyataan Noor Hidayah (2014) yang mengatakan kepimpinan dalam Islam didasari dengan elemen kerohanian dan ketuhanan yang digunakan untuk memelihara agama dan dunia dengan menjadikannya sebagai urusan dunia dan akhirat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Natijahnya, berdasarkan perbincangan di atas, berilmu merupakan satu aspek kepimpinan yang didasari fungsi deria pendengaran, penglihatan dan hati yang perlu ada pada seseorang ketua. Jika dilihat dari sudut kepimpinan ketua panitia bidang agama, berilmu pengetahuan perlu dijadikan sebagai satu bentuk gaya kepimpinan. Hal ini kerana pada peringkat ini ketua panitia bidang agama seharusnya dapat meningkatkan tahap pengurusan kerja dengan memanfaatkan penggunaan deria seperti penglihatan, pendengaran dan hati(akal) untuk mengaplikasikan ilmu pengurusan kerja yang dipelajari secara teori ke dalam bentuk praktikal.

2.3.2 Bersifat Warak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bersifat warak merupakan antara aspek kepimpinan yang ditekankan oleh Imam Al-Ghazali. Perkara tersebut turut diakui oleh Lutpi (1993) yang mengatakan khalifah yang dilantik perlu seorang yang intelek, boleh mentadbir dengan mengurus orang ramai, warak, berilmu memenuhi syarat yang ditetapkan dan merupakan bangsa *Quraisy*. Secara umumnya, seseorang yang bersifat warak lahir daripada proses *tarbiah* yang mantap.

Sebenarnya, *Tarbiah* dan warak ini mempunyai pertalian yang sangat rapat kerana Imam Ar-Zarnuji telah menyebutkan kepentingan warak ketika menuntut ilmu dalam karyanya. Menurut Ar-Zarnuji (2018) warak ialah mengawal diri daripada melakukan perkara haram. Kenyataan Ar-Zarnuji yang mengaitkan warak dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghindari perkara haram memerlukan penelitian hadis. Terdapat hadis Nabi yang menjelaskan tentang halal, haram dan syubhah yang akhirnya membuka ruang perbincangan wara' dalam kalangan ulama.

إِنَّ الْحَلَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ، وَعِرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشُّبُهَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْحِمَى، يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ حِمًى، أَلَا وَإِنَّ حِمَى اللهِ مَحَارِمُهُ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً، إِذَا صَلَحَتْ، صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ، فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ

Maksudnya : Sesungguhnya perkara yang halal itu jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu juga jelas, dan di antara kedua-dua perkara tersebut ada perkara-perkara samar (syubhah), kebanyakan orang tidak mengetahuinya. Sesiapa yang menjauhi perkara syubhah maka ia telah menyelamatkan agama dan maruahnya. Dan sesiapa yang terjatuh dalam perkara syubhah, sama seperti dia terjatuh ke dalam perkara yang haram, seperti seorang penggembala yang menggembala di sekeliling kawasan larangan, dikhuatiri dia akan menceroboh masuk ke dalamnya. Ketahuilah bahawa setiap raja mempunyai sempadan dan sesungguhnya sempadan Allah itu merupakan perkara-perkara yang diharamkanNya. Ketahuilah bahawa setiap dalam diri mempunyai seketul daging. Apabila daging baik maka baiklah seluruh diri itu, apabila daging itu rosak, maka rosaklah seluruh diri itu. Ketahuilah daging itu merupakan hati.

(Sahih Muslim no.107)

Perbincangan tentang sifat warak mendapat tempat dalam karya Al-Ghazali kerana warak merupakan proses penyucian jiwa. Al-Ghazali (2014) di dalam *Ihya Ulumuddin* telah menyebut perbincangan tentang halal, haram dan syubhah dengan membuat pembahagian empat peringkat warak iaitu warak orang-orang yang adil, warak orang-orang yang soleh, warak orang-orang yang bertakwa dan warak orang-orang yang *siddiqin*. Oleh yang demikian, pemimpin yang mempunyai sifat warak ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sudah semestinya merupakan seseorang yang tidak akan berlaku zalim kepada orang bawahannya kerana ia melibatkan soal halal dan haram.

i Dekati Perkara Halal

Islam merupakan agama samawi yang mementingkan sesuatu yang bersifat jelas dan halal sebagaimana perintah Allah di dalam Al-Quran dan Sunnah NabiNya. Melihat dalam konteks warak dalam kepimpinan maka kesedaran mengenai kepentingan mencari perkara yang halal ini sangatlah penting sebagaimana yang diusahakan oleh kerajaan Malaysia. Hasan et al. (2013) menyebut bahawa pengurusan Islam di Malaysia memberi penekanan yang serius dalam pembaharuan pengurusan Islam seperti mewujudkan Program Halal dan Pentadbiran Islam. Hasil daripada usaha kerajaan inilah maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah diberi peranan untuk memastikan industri halal terus berkembang dan kesedaran mengenai perkara halal terus dipertingkatkan dalam semua bidang termasuk juga bidang pentadbiran dan kepimpinan.

ii Jauhi Perkara Haram

Perkara haram merupakan larangan-larangan yang telah ditetapkan oleh Allah melalui Al-Quran dan perintah RasulNya. Perkara haram yang dimaksudkan ini tidak terhad hanya kepada perkara yang bersifat makanan dan minuman sahaja sebaliknya merangkumi semua aspek kehidupan termasuk juga dalam aspek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepimpinan dan pengurusan. Menurut Noraida & Jady (2017) umat Islam telah diberikan kesedaran tentang pengharaman rasuah melalui petunjuk yang diberikan oleh Al-Quran dan hadis. Mempunyai sifat warak dalam kepimpinan merupakan kriteria pemimpin yang sentiasa memerangi penyakit rasuah dalam pentadbiran dan pengurusan. Pemimpin organisasi yang terlibat dengan rasuah merupakan mereka yang disebutkan sebagai korupsi yang tidak layak memimpin. Hal ini kerana rasuah yang diterima atau diberikan merupakan satu bentuk kezaliman terhadap mereka yang layak terhadap sesuatu itu secara prestasi atau kriteria.

iii Tinggal Perkara Syubhah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan hadis Nabi SAW yang telah dinyatakan perkara-perkara syubhah merupakan sesuatu yang berada di tengah-tengah antara halal dan haram. Pemimpin yang bersifat warak merupakan pemimpin yang tidak mudah keliru dalam membuat pentafsiran antara perkara halal dan haram kerana mempunyai ilmu pengetahuan tentang perkara-perkara syubhah. Ahmad Hidayat & Siti Fatimah (2016) menjelaskan bahawa pemeliharaan agama tidak terhad hanya kepada konsep halal dan haram semata-mata sebaliknya turut mementingkan perbincangan tentang perkara-perkara syubhah untuk dihindari kerana ia merupakan langkah berhati-hati daripada terjebak dengan perkara haram. Oleh yang demikian, sebagai seorang pemimpin yang bersifat warak maka perkara syubhah perlu dihindari dalam semua urusan pentadbiran dan pengurusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuntasnya, perbincangan di atas mendapati bahawa Islam merupakan agama yang mementingkan sesuatu yang jelas seperti aspek halal dan haram dengan menolak segala jenis aspek syubhah yang mendatangkan kesamaran. Perbincangan tentang perkara-perkara yang jelas dalam Islam ini bermula daripada akidah yang jelas sampailah kepada sekecil-kecil perkara seperti jual beli dan riba. Oleh yang demikian, penekanan aspek warak dalam kepimpinan merupakan satu perkara yang penting kerana pemimpinlah yang akan mengawal selia perkembangan halal, haram dan syubhah dalam organisasi mereka. Melihat dalam konteks ketua panitia bidang agama, maka ketua panitialah yang berperanan untuk memastikan halal, haram dan syubhah sentiasa mendapat perhatian dalam kalangan guru agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3.3 Berkeupayaan Diri

Berkeupayaan diri merupakan antara aspek kepimpinan yang disebut oleh Imam Al-Ghazali di dalam kitab *Al-I'tiqad fil I'qtisad.* Walau bagaimana pun, hasil penelitian dan perbandingan yang dibuat mendapati berkeupayaan diri juga sesuai dengan aspek latihan jiwa atau *riyadah* yang disebut dalam kitab *Ihya' Ulumuddin*. Menurut Ahmad Sukari & Mohd Nizam (2014) *riyadah* membawa maksud latihan atau asuhan bagi peringkat bayi dan bimbingan melalui perbuatan dalam pengajaran dan pendidikan bagi peringkat kanak-kanak dan remaja. Interpretasi ke dalam kepimpinan ketua panitia bidang agama akan memperlihatkan ketua panitia bidang agama sebagai seorang yang mempunyai keupayaan diri untuk membentuk keindahan akhlak guru-guru agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Salasiah & Shakirah (2007) *riyadah al nafs* membawa maksud latihan jiwa untuk melaksanakan kebaikan secara beransur-ansur sehingga mencapai tahap perkara-perkara yang sukar dilakukan pada awalnya dapat dilakukan dengan mudah pada akhirnya. Menurut Muhail (2009) pemulihan akhlak atau personaliti melalui pendidikan dapat dijalankan melalui tiga peringkat iaitu *takhalli* (membuang sifat tercela), *tahalli (*mengisi mulia) dan *tajalli* (menzahirkan sifat-sifat mulia). Oleh yang demikian, perbincangan mengenai keupayaan diri dalam kepimpinan ketua panitia bidang agama adalah dengan melihat keupayaan diri ketua panitia agama dalam membentuk akhlak guru-guru agama melalui tiga proses pembentukan akhlak sebagaimana yang telah dinyatakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i Takhalli

Takhalli merupakan peringkat pertama dalam kaedah penyucian jiwa. Mohamad Muhaimin (2017) menyatakan bahawa *takhalli* membawa maksud menghilangkan dan menyingkirkan sifat-sifat tercela yang dilarang oleh Allah SWT seperti dendam, pemarah, riak dan lain-lain. Melihat dalam konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama, sudah menjadi tanggungjawab ketua panitia untuk selalu menasihati guru-guru agama terus istiqamah berkelakuan baik. Nasihat yang diberikan hendaklah disertakan dengan contoh tauladan seperti sama-sama membuang sifat tercela semasa menjalankan kerja-kerja panitia. Sifat-sifat tercela tersebut seperti hasad dengki, suka mengumpat, lalai menjalankan amanah dan suka menyalahkan orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Memahami seseorang bukalah suatu perkara yang mudah. Khalim Zainal (2008) mengatakan bahawa dalam bidang pendidikan pembentukan tingkah laku adalah melalui pengalaman pelajar dan untuk memahaminya guru-guru perlu menyelami perasaan dan pemikiran pelajar melalui nasihat dan perbincangan. Melihat dari sudut pengurusan panitia agama pula untuk menyelesaikan masalah kompetensi kerja dalam kalangan guru-guru agama maka ketua panitia bidang agama perlu memainkan peranan mereka dengan membawa kaedah perbincangan dan perkongsian masalah bagi menyelami masalah guru-guru tersebut. Setelah mengetahui masalah tersebut di peringkat *takhalli* ketua panitia seharusnya membantu mereka untuk membuang kelemahan tersebut dan mula mengorak langkah ke peringkat *tahalli*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii Tahalli

Tahalli merupakan peringkat kedua dalam proses latihan pembentukan sahsiah. Menurut Mohamad Muhaimin (2017) *tahalli* membawa maksud memenuhi diri dengan sifat-sifat yang terpuji. Al-Ghazali (1977) mengatakan bahawa sifat mulia yang perlu diterapkan ialah mengingati kematian, rajin, bersyukur, sabar, bersangka baik, pemurah, amanah, jujur, berkasih sayang dan berlapang dada. Melihat dalam konteks pengurusan panitia ianya membawa maksud ketua panitia mempunyai peranan untuk mendatangkan pengaruh akhlak *mahmudah* ke dalam jiwa dan diri guru-guru agama di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Khairi & Asmawati (2010) dalam bidang pendidikan tingkah laku guru sebenarnya mudah mendatangkan implikasi terhadap pelajar dan para pelajar mudah mencontohi guru-guru mereka sama ada melalui percakapan atau pun perbuatan guru. Oleh yang demikian, jika dipadankan dengan kepimpinan ketua panitia bidang agama maka dapat ditafsirkan bahawa ketua panitia berfungsi sebagai guru kepada guru-guru agama. Situasi tersebut seharusnya mendatangkan kesedaran kepada ketua panitia untuk terlebih dahulu memenuhi diri dengan akhlak *mahmudah*. Hal ini bertujuan akan dapat dicontohi dan dikuti oleh guru-guru agama yang lain sebagai satu bentuk proses penanaman akhlak yang baik ke dalam jiwa.

iii Tajalli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tajalli merupakan peringkat ketiga dan terakhir selepas melepasi peringkat *takhalli* dan *tahalli*. Mohamad Muhaimin (2017) turut menyatakan bahawa *tajalli* membawa maksud galakkan untuk mengamalkan sifat-sifat yang mulia tanpa ada sekatan lagi kerana ia sudah tertanam dalam jiwa. Sebagai seorang ketua panitia bidang agama pelaksanaan peringkat *tajalli* terhadap guru-guru agama adalah dengan memastikan guru-guru agama tersebut terus beramal dengan amalan mulia semasa menjalankan kerja panitia sebagaimana yang telah diterapkan.

Al-Ghazali (1977) menjelaskan bahawa sesuatu perbuatan baik apabila sudah menjadi amalan dan kebiasaan maka perbuatan tersebut akan dapat di praktis dengan lebih mudah dan ringan. Oleh yang demikian, pemberian peneguhan positif merupakan pemangkin bagi guru-guru agama untuk meningkatkan prestasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pekerjaan. Nurul Ain & Azizi (2012) membuat ulasan bahawa dalam bidang pendidikan pemberian peneguhan positif akan meningkatkan lagi motivasi serta prestasi pelajar dan pelaksanaan peneguhan positif ini boleh dijalankan dengan memberi hadiah, senyuman atau pujian. Melihat pada kenyataan tersebut, pemberian penghargaan daripada ketua panitia kepada guru-guru agama juga boleh dipraktikkan kerana amalan tersebut dapat meningkatkan prestasi kerja dalam kalangan guru-guru agama.

Kesimpulannya, hasil perbincangan di atas mendapati keupayaan diri dalam kepimpinan yang dimaksudkan merupakan satu bentuk latihan atau *riyadah* untuk mengubah sesuatu itu ke arah yang lebih baik dengan menggunakan tiga kaedah penyucian jiwa iaitu *tahalli*, *takhalli* dan *tajalli*. Melihat dalam konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama, keupayaan diri dalam kepimpinan tidak hanya diukur melalui kejayaan yang berbentuk material seperti kecemerlangan dalam kerja. Sebaliknya, kejayaan tersebut turut diukur berdasarkan keupayaan ketua panitia mengekalkan kualiti guru-guru agama di sekolah dalam pelbagai aspek seperti sahsiah dan kompetensi kerja.

2.3.4 Muadib

Muaddib merupakan antara peringkat tertinggi dalam profesion keguruan. Tahap ini akan diperoleh apabila seseorang guru itu sudah berjaya melahirkan manusia yang beradab dan bersahsiah. Kalimah *muaddib* ini berasal dari kata dasar *adaba* dan kata

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerja *ta'dib* . Kalimah *muaddib* pula menggambarkan seseorang yang memainkan peranan dalam didikan adab. Zuraidah (2013) menjelaskan tentang *ta'dib* dengan mengatakan daripada segi bahasa ia membawa maksud penyucian atau membersihkan seseorang individu daripada kekotoran dan daripada segi istilah pula membawa maksud proses untuk mendidik dan membentuk. Maria Ulfah (2015) menyatakan istilah *ta'dib* ini mencakupi elemen-elemen pengetahuan (*ilmu*), pengajaran (*ta'lim*) dan pengasuhan (*tarbiah*).

Melihat dalam konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama, matlamat utama yang perlu dicapai oleh seseorang ketua panitia yang mempunyai kepimpinan *muaddib* adalah untuk memastikan kualiti pekerjaan guru-guru agama sentiasa berada di peringkat yang terbaik melalui penampilan sahsiah dan adab yang unggul. Sebenarnya produktiviti kerja yang terbaik akan memberi gambaran positif terhadap kepimpinan *muaddib* yang diamalkan. Hal ini kerana, untuk memperoleh kualiti kerja yang terbaik, maka aspek sahsiah dan akhlak pekerja juga mesti berada di tahap yang terbaik.

Situasi yang boleh dijadikan contoh berkenaan adab pekerja dan hasil kerja boleh dilihat dari sudut pengurusan masa dan komitmen. Pekerja yang selalu menepati masa dan memberi komitmen yang tinggi dalam setiap tugasan akan menjadikan produktiviti pekerjaan itu semakin meningkat. Perkara tersebut merupakan adab dan sahsiah pekerja yang perlu dikawal selia oleh atasan seperti ketua panitia bidang agama jika melibatkan guru-guru agama di sekolah. Al-Attas (1980) dalam bukunya mengatakan adab merupakan gambaran ilmu yang dimiliki seseorang dan ia juga mempunyai hubungan dengan potensi jasadi, akli dan rohani setiap orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i Potensi Jasadi

Potensi jasadi merupakan kemampuan jasad untuk menjalankan sesuatu amalan atau perbuatan. Pemimpin yang mempunyai akhlak dan adab yang tinggi seharusnya sudah mencapai tahap kecemerlangan diri dalam hidupnya seperti mampu melaksanakan ibadat sunat secara istiqamah dan dapat menjadi contoh teladan yang terbaik bagi orang bawahan.

Roziah Sidek et al. (2011) menjelaskan bahawa dalam bidang pendidikan guru memainkan peranan yang penting dalam pembentukan akhlak pelajar melalui penerapan nilai-nilai kerana matlamat pendidikan adalah untuk membentuk sahsiah manusia. Kenyataan ini jika diadaptasi ke dalam konteks kepimpinan ketua panitia bidang agama, maka kepimpinan *muaddib* ketua panitia melalui potensi jasadi seharusnya memberi inspirasi kepada guru-guru agama yang lain untuk terus mempertingkatkan lagi nilai sahsiah keguruan dengan menjadikan ketua panitia sebagai *role model.*

ii Potensi Akli

Potensi akli bermaksud seseorang yang berakhlak dan beradab seharusnya mempunyai potensi akal yang cerdas dalam menilai sesuatu amal perbuatan sama ada sesuai untuk diamalkan atau pun sebaliknya. Remaja yang sudah mencapai tahap kematangan yang tinggi dapat mengawal tingkah laku mereka setelah umur mereka mulai meningkat (Tengku Elmi Azlina et al. , 2015). Melihat dalam konteks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepimpinan ketua panitia bidang agama, ketua panitia merupakan individu yang dipilih berdasarkan tempoh pengalaman dalam menguruskan dan melaksanakan kerja-kerja panitia.

Lazimnya, individu tersebut jauh lebih berusia daripada guru-guru agama yang lain kerana nilai usia yang dimilikinya merupakan tempoh pengalaman dalam panitia. Oleh yang demikian, ketua panitia yang mengamalkan gaya kepimpinan *muaddib* seharusnya mempunyai pemikiran yang luas dan mampu menggariskan panduan berkenaan adab dalam berfikir sebelum membuat keputusan. Tujuannya adalah untuk dijadikan contoh dan ikutan bagi guru-guru agama yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii Potensi Rohani

Potensi rohani pula membawa maksud seseorang yang mempunyai kecemerlangan akhlak dan adab seharusnya mempunyai daya spiritual yang hebat. Kajian Salasiah et al. (2012) menunjukkan bahawa dalam bidang pendidikan kecerdasan spiritual dapat diwujudkan dengan amalan rohani dan ia dapat meningkatkan prestasi akademik dan akhlak pelajar. Sebenarnya, potensi rohani inilah yang menjadi kekuatan bagi seseorang individu Muslim kerana apabila spiritual sudah kuat maka ia akan mempengaruhi kekuatan fizikal luaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Muhamad Suhaimi & Mohd Yusuf (2014) mendapati bimbingan Guru Pendidikan Islam memberi kesan yang ketara terhadap motivasi pelajar. Melihat dari sudut kepimpinan ketua panitia bidang agama pula, jika guru agama menjadi pemimpin bagi aspek kerohanian pelajar di dalam kelas, maka ketua panitia bidang agama pula bertanggungjawab bagi pembentukan kerohanian guru-guru agama di sekolah. Hal ini kerana sudah menjadi peranan ketua panitia bidang agama untuk mengurus dan menyelia guru-guru agama dari semua aspek termasuk juga aspek kerohanian.

Kesimpulannya, *ta'dib* yang dimaksudkan adalah keupayaan untuk menanamkan adab dan akhlak yang baik dalam kehidupan melalui pembentukan sahsiah melalui potensi jasad, potensi akal dan potensi rohani. Melihat dalam konteks kepimpinan ketua panitia, ketua panitia bidang agama yang memiliki gaya kepimpinan *muaddib* merupakan seorang ketua yang hebat. Hal ini kerana, keindahan akhlak guru agama hasil bimbingan ketua panitia bidang agama turut mendatangkan kesan terhadap penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar kerana mereka belajar secara langsung dan tidak langsung daripada guru-guru agama tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama

Kerja merupakan satu bentuk pelaksanaan tugas mengikut bidang-bidang yang diceburi. Proses pelaksanaan sesuatu pekerjaan ini lazimnya akan terdiri daripada beberapa entiti yang menjadi tiang asas seperti majikan, pekerja dan jenis kerja yang dijalankan. Seksyen 2 Akta Kerja 1955 mengatakan majikan merupakan seseorang yang mengambil orang-orang lain untuk bekerja di bawahnya dengan mengadakan kontrak perkhidmatan dan bertanggungjawab terhadap pekerja serta organisasinya (Hapriza Ashari,2004). Berdasarkan kenyataan tersebut jika dilihat melalui konteks organisasi persekolahan maka pengetua menjadi majikan, guru-guru menjadi pekerja dan mengajar merupakan pekerjaan hakiki semua guru di semua sekolah.

Sekolah merupakan institusi pendidikan yang menjalankan pekerjaan melalui fungsi perkhidmatan iaitu mengajar dan mengurus. Ini membawa maksud sistem pentadbiran di sekolah akan membahagikan jawatan dan organisasi kecil mengikut bidang tugas. Sebagai contohnya, Shahril@Charil bin Marzuki (2006) mengatakan bahawa dalam urusan pentadbiran kewangan di sekolah carta organisasinya akan dimulai oleh Pengetua, Kerani Kewangan, Guru Penolong Kanan 1, Guru Penolong Kanan HEM, Ketua-ketua Bidang atau Ketua Panitia.

Berdasarkan carta organisasi tersebut, dapatlah diketahui bahawa fungsi kewujudan sesebuah panitia tidak terhad untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran sebaliknya turut berperanan dalam menjalankan fungsi-fungsi pengurusan di sekolah. Menurut Omardin Ashaari (1996) antara tugas panitia yang membantu melicinkan urusan pengurusan sekolah adalah dengan memberi cadangan kepada pentadbir

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tentang perkara-perkara yang boleh meningkatkan produktiviti pembelajaran seperti pemilihan buku rujukan dan bahan bantu mengajar . Justeru itu, bahagian perbincangan ini akan memfokuskan berkenaan pengurusan kerja yang berlaku di dalam panitia bidang agama di sekolah.

Panitia merupakan jawatankuasa mata pelajaran yang ditubuhkan untuk membantu pihak sekolah bagi melancarkan urusan pentadbiran dan pengurusan sekolah. Struktur pengurusan panitia bidang agama ini akan diketuai oleh ketua panitia iaitu seorang guru agama yang lebih berpengalaman daripada guru-guru agama yang lain. Ini membawa maksud tugas ketua panitia bidang agama ini adalah untuk memimpin dan mengurus guru-guru agama yang lain. Situasi memimpin dan mengurus inilah yang akan memperlihatkan pelbagai bentuk gaya kepimpinan dan pengurusan yang diamalkan oleh ketua panitia. Kesannya,guru-guru agama akan menzahirkan persetujuan mereka terhadap kepimpinan tersebut melalui kepuasan kerja yang diperoleh oleh mereka. Suhaya & Siti Zubaidah (2016) menjelaskan bahawa tiadanya kepuasan dalam kerja menjadi salah satu faktor terjadinya hasil pekerjaan yang tidak produktif.

Berdasarkan isu kajian yang dinyatakan terdapat beberapa tafsiran isu dalam pengurusan kerja daripada segi bebanan kerja, emosi, persekitaran dan personaliti. Isu tersebut mempunyai hubungan dengan pengurusan kerja ketua panitia melalui tahap kepuasan kerja yang diperoleh oleh ahli-ahli panitia . Abdul Said & Katriani (2014) mengatakan bahawa bebanan tugas guru, cara agihan tugas guru, perancangan dan kawalan serta sikap guru mempengaruhi kepuasan kerja. Faktor kecerdasan emosi mempunyai hubungan dengan komitmen dan pencapaian pekerjaan yang menjadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepuasan pekerjaan tetapi peranan emosi sering diabaikan (Yahzanon & Yusof , 2011). Menurut Nurjannah & Abdul Said (2018) persekitaran sekolah memberi kesan terhadap kepuasan kerja guru kerana guru menilai peranan tugas mereka semasa hadir ke sekolah .

Kesimpulannya, pengurusan kerja dan kepuasan mengenainya merupakan antara topik perbincangan yang sering mendapat perhatian dalam kalangan pekerja yang mempunyai rasa tidak puas hati terhadap majikan atau ketua mereka. Justeru itu, Perbincangan di bawah akan membincangkan berkenaan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama di sekolah. Perbincangan ini akan menyentuh tentang pengurusan kerja dari sudut bebanan kerja, emosi, persekitaran dan personaliti secara terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.1 Bebanan Kerja

Bebanan kerja merupakan masalah yang dihadapi oleh semua sektor pekerjaan. Masalah bebanan kerja yang tidak sepadan dengan tenaga kerja turut dihadapi oleh sektor pendidikan. Hal ini berdasarkan kenyataan Norashdi & Hamzah (2014) yang mengatakan bahawa tugas guru sekarang termasuk ketua panitia tidak terhad hanya dengan mengajar tetapi turut di bebankan dengan tugas mengurus dan melaksanakan aktiviti kokurikulum di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan tentang pengurusan bebanan kerja dapat diteliti melalui pandangan Abdul Said & Katriani (2014) yang mengatakan punca berlakunya bebanan kerja disebabkan kelemahan pentadbiran dan sistem agihan kerja yang ada di sekolah. Selain itu, Noralai dan Norhasni (2010) menyatakan bahawa lemahnya pengurusan masa seseorang ketua untuk menyelia orang bawahan akan menyebabkan pengaruh teman sepekerjaan mengatasi pengaruh seorang ketua dan menjadi beban baru untuk ditanggung seorang ketua. Alauddin (2003) pula menjelaskan bahawa kerja berpasukan merupakan perkerjaan yang dilakukan secara bersama dan dapat meringankan bebanan pekerjaan. Oleh yang demikian, perbincangan tentang bebanan kerja ini akan mengupas tiga aspek utama iaitu agihan tugas, pengurusan masa dan kerja berpasukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Agihan Tugas

Pengurusan kerja ketua panitia bidang agama membawa maksud sikap dan usaha yang diambil oleh individu tersebut untuk mencari alternatif atau pemudah cara bagi memberi keringanan dalam pelaksanaan tugasan yang diterimanya. Walau bagaimana pun perkara ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana kadang-kadang bebanan kerja yang diterima melibatkan arahan daripada pengurusan peringkat teratas iaitu daripada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Zuhaili & Ramlee (2017) menjelaskan bahawa perubahan dasar pendidikan yang berlaku menyebabkan guru-guru memikul bebanan pekerjaan yang sangat berat di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat dari sudut pengurusan panitia, apa yang boleh dilakukan oleh ketua panitia bidang agama adalah dengan membuat agihan kerja secara adil. Pengagihan tugasan yang seimbang dalam pengurusan sumber dapat membantu kelicinan pengurusan organisasi (Abdul Said & Katriani, 2014). Keadilan dalam pembahagian tugas bukan sahaja mendatangkan keringanan untuk menyiapkan tugasan tersebut tetapi dalam masa yang sama menimbulkan perasaan senang yang akhirnya mendatangkan kepuasan dalam pekerjaan dalam kalangan semua ahli panitia.

ii. Pengurusan Masa

Masa yang berkualiti merupakan antara faktor keberkesanan pengurusan kerja ketika berada di dalam sesebuah panitia. Kebanyakan ketua panitia menyedari akan hakikat tersebut. Namun begitu, ketua panitia tidak boleh menafikan bahawa tugas hakiki ahli-ahli panitia sebagai seorang guru adalah mengajar di dalam kelas. Menurut kajian Syed Kamaruzaman et al. (2017) berdasarkan hasil kajian yang diperoleh telah mendapati bahawa tekanan pekerjaan seorang guru yang paling tinggi adalah daripada aspek pengurusan pelajar, pengurusan masa dan aspek persekitaran. Oleh yang demikian, faktor pengurusan masa tersebut mendatangkan tekanan kepada sesetengah ketua panitia untuk menguruskan kerja-kerja panitia.

Melihat dari sudut panitia bidang agama, aspek pengurusan masa untuk mengurangkan bebanan tugas ini adalah dengan menggunakan alternatif gerak kerja secara maya seperti mengadakan mesyuarat secara *online* atau gerak kerja secara *online* dengan memanfaatkan aplikasi sosial seperti *facebook, whatsapp, telegram*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan rangkaian aplikasi *google.* Hal ini sangat tepat untuk dipraktikkan kerana menurut Ermie Dharlya & Aslina Saad (2013) penggunaan *Educational Management Information System* (EMIS) *online* di peringkat sekolah sudah terbukti mendatangkan impak penjimatan masa sebanyak 88%. Kesan daripada penggunaan masa yang efisien ini akan mendatangkan kepuasan dalam diri guru-guru kerana dapat meluangkan banyak masa untuk menjalankan kerja-kerja panitia.

iii. Kerja Berpasukan

Kerja berpasukan merupakan satu elemen yang sangat penting dalam sesebuah organisasi. Sekolah merupakan sebuah institusi yang sangat memerlukan komitmen dalam kerja berpasukan. Hal ini kerana, Norashid & Hamzah (2014) menyatakan bahawa profesion keguruan merupakan satu pekerjaan yang menjalankan banyak tugas dan tanggungjawabnya sangat berat.

Melihat dalam konteks pengurusan panitia bidang agama pula, kerja-kerja utama panitia bidang agama adalah memastikan berlakunya peningkatan prestasi mata pelajaran agama di sekolah. Justeru bagi mengatasi masalah bebanan kerja tersebut maka sewajarnya ketua panitia bidang mengambil inisiatif melalui pemantapan kerja berpasukan. Kajian Mohd Najib & Tay Siok Beng (2009) menjelaskan bahawa kerja secara berpasukan dapat meningkatkan semangat kerja, kepuasan kerja dan semangat motivasi dalam kalangan ahli.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulan, bebanan kerja merupakan satu isu yang sering berlaku dalam pelbagai pekerjaan. Bebanan kerja yang tidak diurus secara berhemah dan efisien akan mendatangkan impak tekanan emosi terhadap para pekerja. Berikutan tekanan perasaan yang berlebihan dan kepenatan bekerja yang melampau maka terdapat segelintir pekerja yang mula melibatkan diri dengan aktiviti kebejatan sosial seperti dadah, alkohol dan pergaulan bebas dengan alasan untuk melepaskan tekanan. Oleh yang demikian, perbincangan tentang agihan tugas, pengurusan masa dan kerja berpasukan merupakan satu penyelesaian untuk mengatasi masalah-masalah berkenaan bebanan tugas.

2.4.2 Emosi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Emosi merupakan faktor dalaman yang boleh memberi kesan terhadap tingkah laku seseorang termasuk ketua panitia bidang agama. Ooi Chew dan Aziah (2015) menyatakan bahawa tekanan perasaan dalam pekerjaan banyak mempengaruhi prestasi, komitmen dan kepuasan kerja seseorang guru. Kenyataan tersebut jelas menggambarkan bahawa emosi yang stabil sangat diperlukan untuk memastikan produktiviti pekerjaan mencapai tahap piawaian yang telah ditetapkan.

Perbincangan tentang pengurusan emosi dalam pekerjaan dapat diperincikan melalui kenyataan Sapora Sipon (2002) yang menjelaskan bahawa kawalan emosi yang efektif menjadi rawatan yang terbaik dalam pengurusan stres. Alifah Saring (2012) pula menyatakan bahawa kecerdasan emosi boleh dijadikan alat untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

meningkatkan daya berfikir. Secara tersuratnya dapat difahami bahawa terdapat hubungan antara emosi dan cara berfikir seseorang. Seterusnya Norashid dan Hamzah (2014) mengatakan bahawa seseorang guru termasuk ketua panitia bidang agama hendaklah mempunyai motivasi kerja yang tinggi untuk mencapai hasil kerja yang maksimum. Perbincangan secara terperinci tentang emosi dalam pengurusan kerja akan melihat pada tiga aspek utama iaitu pengurusan stres, ubah cara berfikir dan motivasi kerja.

i. Pengurusan Stres

Stres atau tekanan perasaan merupakan masalah emosi yang sering terjadi apabila seseorang itu gagal menguruskan kehidupannya dengan baik. Kajian Ooi Chew & Aziah (2015) menjelaskan bahawa tekanan dalam dunia pendidikan merupakan perkara yang tidak dapat dihindari kerana guru terpaksa berhadapan dengan situasi pendidikan yang semakin mencabar saban hari. Najib Ahmad Marzuki (2007) mengatakan seseorang individu itu dikatakan tertekan dan stres apabila berada dalam keadaan tegang dan bimbang yang akhirnya membawa pada perubahan fizikal dan tisu dalam tubuh. Pengurusan stres yang berkesan amat diperlukan kerana tekanan yang melampau menjadi penghalang utama bagi seorang ketua menjalankan pengurusan kerja yang efisien.

Melihat dalam konteks kajian ini, panitia bukanlah sebuah organisasi yang besar sebagaimana organisasi pentadbiran sesebuah sekolah. Namun begitu, kegagalan menguruskan panitia dengan baik dan ditambah pula dengan tugasan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tugasan yang lain akhirnya mendatangkan tekanan kepada ahli-ahli panitia itu sendiri. Oleh yang demikian, ketua panitia bidang agama sewajarnya memainkan peranan dengan memahami dan membantu guru-guru agama tersebut melalui inisiatif solat berjemaah sebelum dan selepas menjalankan mesyuarat panitia. Nor Azah (2011) menjelaskan bahawa stres merupakan masalah jiwa dan cara merawatnya adalah dengan solat kerana solat merupakan terapi psikologi yang membantu manusia menjadi tenang melalui perubahan pergerakan dalam solat secara konsisten.

ii. Ubah Cara Berfikir

Mengubah cara berfikir merupakan proses untuk mengubah gaya kehidupan individu ke arah yang lebih baik. Cara berfikiran untuk terus maju ke hadapan merupakan satu perubahan berbentuk positif yang tidak boleh dilakukan dalam keadaan emosi yang tidak menentu. Menurut Erny Yusnida et al. (2017) mengubah cara berfikir dalam kalangan para pekerja bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana memerlukan kekuatan mental dan fizikal bagi memotivasikan pekerja ke arah matlamat yang dikehendaki.

Mengubah cara berfikir merupakan elemen yang berkait rapat dengan emosi. Secara amnya boleh dikatakan bahawa mengubah cara berfikir boleh meningkat prestasi dalam pengurusan kerja. Kajian Amira Wahid et al. (2016) mendapati kecerdasan emosi merupakan satu proses untuk seseorang individu menguruskan maklumat pemikiran, perasaan, naluri dan kekuatan mental apabila berada dalam sesuatu keadaan. Melihat dari sudut pengurusan panitia bidang agama, mengubah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cara berfikir dalam kalangan ahli boleh dilakukan dengan membuat hubung kait antara perjuangan dakwah Rasulullah SAW dengan perjuangan mencapai matlamat panitia bidang agama yang mempunyai banyak persamaan.

iii. Motivasi kerja

Motivasi merupakan unsur dalaman yang memainkan peranan penting dalam mencapai sesuatu matlamat pekerjaan. Motivasi juga boleh dikaitkan dengan semangat kerja yang akhirnya memberikan kesan terhadap pengurusan kerja. Abdullah Sanusi et al. (2018) mengatakan bahawa kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa tingkah laku, emosi dan motivasi merupakan moderator yang memainkan peranan penting dalam hubungan dan antara kepuasan kerja dengan prestasi kerja. Kepuasan kerja tersebut hanya dapat dicapai apabila mempunyai pengurusan kerja yang baik. Melihat dari sudut panitia bidang agama pula, pencapaian dan kejayaan diperingkatkan panitia seharunya menjadi motivasi kepada semua ahli panitia untuk mula mengorak langkah bagi mencapai kejayaan di luar skop panitia.

Oleh yang demikian, sudah menjadi satu tanggungjawab dan tugas ketua panitia bidang agama untuk memastikan setiap ahli panitia mempunyai motivasi yang tinggi bagi mencapai aspirasi diri. Kemampuan seseorang ketua atau pemimpin untuk menimbulkan dan mengekalkan kesedaran motivasi dalam kalangan pekerja merupakan satu kelebihan dan nilai tambah buat organisasi. Hal ini kerana, menurut Erny Yusnida et al. (2017) sudah menjadi satu keharusan bagi seseorang pemimpin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau ketua untuk menguasai kemahiran mengurus dan memotivasikan pekerja kerana matlamat organisasi tidak akan tercapai jika pelaksanaan tugas para pekerja terganggu dengan sesuatu konflik.

Natijahnya, emosi menjadi pemangkin bagi keberhasilan sesuatu pekerjaan. Emosi yang sihat dapat diwujudkan melalui kesefahaman yang baik antara seseorang ketua dengan para pengikutnya. Perbincangan tentang pengurusan stres, ubah cara berfikir dan motivasi kerja dapat menjadikan sesuatu pekerjaan tersebut lebih profesional. Apabila seorang ketua dan ahli sentiasa mengabaikan masalah peribadi kerana mengamalkan tiga aspek tersebut maka isu pekerja tidak berpuas hati dengan keputusan seorang ketua dan pekerjaan mereka dapat diatasi secara beransur-ansur.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Persekitaran

Persekitaran kerja merupakan suasana pekerjaan yang perlu ditempuhi oleh semua majikan dan pekerja pada setiap waktu bekerja. Jika seseorang ketua panitia bidang agama ditempatkan dalam suasana pekerjaan yang kondusif maka secara tidak langsung ia membantu ketua panitia tersebut untuk bekerja dengan lebih selesa. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Mohamad Taufiq & Aida Hanim (2018) yang mengatakan bahawa guru-guru yang berkhidmat di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) mempunyai persekitaran yang berbeza dengan sekolah menengah harian biasa kerana mereka tidak hanya mengajar di dalam kelas sebaliknya turut terlibat dalam tugasan sampingan yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan tentang persekitaran kerja boleh diperincikan melalui kenyataan Tang Keow & Abdul Ghani (2006) menjelaskan bahawa budaya kerja yang melibatkan komitmen guru menjadi pendorong ke arah pengurusan secara kolaboratif. Nurazuan (2013) pula menyatakan penyediaan infrastruktur atau kelengkapan fasilitet yang mencukupi amat penting untuk memastikan pelaksanaan kurikulum dan kokurikulum dapat dijalankan secara efektif. Seterusnya, Anuar Ahmad & Nelson Jinggan (2015) menyatakan keterbatasan penggunaan sumber digital seperti internat dan komputer dalam kalangan guru disebabkan kemahiran dan pengetahuan guru berada pada tahap sederhana. Perbincangan subtajuk persekitaran kerja ini akan membincangkan tentang aspek budaya organisasi, kelengkapan fasilitet dan naik taraf kemahiran ICT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i Budaya Organisasi

Budaya organisasi merupakan satu istilah yang digunakan untuk merujuk pada situasi dan amalan kerja yang terdapat dalam sesebuah organisasi. Budaya organisasi ini merupakan satu skop perbincangan yang luas namun dapat di ringkas bahawa budaya organisasi ini sememangnya mempunyai sumbangan terhadap pengurusan kerja dan prestasi kerja. Hal ini bertepatan dengan kajian Hesri Mintawati et al. (2018) yang mengatakan budaya organisasi yang mengamalkan budaya saling mempercayai antara satu sama lain dan suka memberi ganjaran boleh mendatangkan impak positif terhadap kepuasan kerja dan secara tidak langsung menggambarkan tahap pengurusan kerja yang diamalkan oleh organisasi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat dari sudut pengurusan kerja dalam panitia bidang agama, panitia merupakan organisasi peringkat permulaan yang sangat sesuai untuk diterapkan budaya organisasi yang positif dalam kalangan ahli-ahli panitia. Budaya organisasi yang positif tersebut adalah seperti menepati masa, kreatif dan inovatif, gerak kerja berpasukan dan kompetensi dalam pengurusan. Nilai-nilai positif ini akan mudah menjadi ikutan ahli-ahli panitia seandainya ketua panitia bertindak secara optimistik dengan menjadi pemimpin transformasi. Khalip Musa et al. (2014) mengatakan bahawa kajian yang dijalankan mendapati pemimpin transformasi menjadi suri teladan dan sangat dikagumi oleh orang bawahan mereka.

ii Kelengkapan Fasilitet

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berhadapan dengan tempat kerja merupakan rutin harian yang perlu dihadapi oleh semua pekerja. Persekitaran tempat kerja yang selesa akan mendatangkan impak yang besar terhadap organisasi terutamanya daripada segi produktiviti pekerjaan. Oleh yang demikian, kelengkapan prasarana pekerjaan merupakan aspek yang tidak boleh diambil mudah kerana ia turut mempengaruhi tahap pengurusan kerja. Menurut Sidek dan Mardiana (1999) terdapat banyak usaha yang dilakukan oleh pihak yang berkenaan dalam sesebuah institusi untuk meningkat kepuasan kerja melalui kemudahan fasilitet seperti kemudahan menyambung pengajian ke peringkat IPT, kemudahan perubatan dan pengangkutan. Kemudahan perubatan dan pengangkutan yang disediakan sangat membantu dalam urusan kelancaran pekerjaan dalam pengurusan kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat dalam konteks pengurusan panitia bidang agama di sekolah, kemudahan fasilitet yang dimaksudkan melibatkan kemudahan prasarana dan logistik untuk menjalankan kerja-kerja panitia seperti bilik pengurusan panitia, kemudahan Internet dan komputer serta kemudahan pengangkutan. Semua senarai prasarana dan logistik yang telah dinyatakan merupakan satu keperluan untuk guru-guru pada hari ini terutamanya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Mohd Faeez et al. (2016) menjelaskan bahawa Internet banyak membantu Guru Pendidikan Islam dalam menyediakan bahan bantu mengajar setelah disibukkan dengan kerja-kerja pengurusan. Oleh yang demikian sudah menjadi satu tanggungjawab ketua panitia bidang agama untuk memastikan guru-guru agama mendapat kemudahan tersebut melalui cadangan penambahbaikan yang selalu diusulkan kepada pentadbiran sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii Naik taraf Kemahiran ICT.

Kemahiran dan kepakaran merupakan nilai tambah bagi seseorang pekerja. Pekerja yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tersendiri dalam sesuatu pekerjaan dapat menarik perhatian majikan bagi membuka ruang untuk kenaikan gaji atau kenaikan pangkat. Hal ini jelas melalui kajian Nor Arifah et al. (2017) yang mengatakan hanya faktor gaji sahaja yang memberi impak kesetiaan pekerja kepada majikan tetapi faktor yang mempengaruhi hasil kerja adalah hubungan sesama pekerja, peluang menaik taraf kemahiran dan pemantauan daripada majikan. Kenyataan tersebut jelas menunjukkan bahawa pengurusan kerja seperti pemantauan daripada majikan sememangnya mempengaruhi tahap kualiti kerja yang dihasilkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norhazwani & Jamalullail (2017) menyatakan bahawa dalam bidang pendidikan peningkatan kepuasan kerja dalam kalangan guru akan mendorong mereka untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih baik. Jika dilihat dari sudut panitia, peningkatan kepuasan kerja tersebut hanya akan dapat dicapai melalui kelancaran pengurusan kerja yang terdapat di dalam sesebuah panitia. Oleh yang demikian, ketua panitia bidang agama sewajarnya mewujudkan persekitaran panitia yang baik dengan mengajak ahli-ahli panitia untuk menambah mutu kemahiran pengurusan kerja. Sebagai contoh jika dahulu penaksiran terhadap pelajar hanya boleh dilakukan secara manual melalui kuiz dan peperiksaan tetapi dengan kemahiran ICT pada hari ini , guru-guru boleh membuat penaksiran secara maya dengan aplikasi seperti *Kahoot, Quizizz, Google form* dan *Plickers*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuntasnya, persekitaran kerja yang kondusif sangat membantu produktiviti pekerjaan seorang pekerja. Ternyata aspek budaya organisasi, kelengkapan fasilitet dan naik taraf kemahiran merupakan aspek yang saling berkait antara satu sama lain. Semua aspek tersebut menjadi tanggungjawab majikan atau seseorang ketua bagi memastikan setiap pekerja mereka mendapat segala kemudahan tersebut. Jika majikan atau seseorang ketua gagal menyediakan kemudahan tersebut maka amat tidak wajar dipersalahkan para pekerja atas kemerosotan produktiviti pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Personaliti

Personaliti merupakan keperibadian yang dipamerkan oleh seseorang. Seseorang ketua panitia bidang agama perlu mempunyai personaliti yang dapat membezakan dirinya dengan guru-guru agama yang lain. Sebagai contoh seorang ketua panitia bidang agama perlu mempunyai karisma yang boleh mempengaruhi orang bawahannya dan bukannya mempunyai sikap yang antagonis yang tidak disenangi oleh banyak pihak. Syed Kamaruzaman et.al (2017) yang mengatakan kekecewaan yang dihadapi oleh guru-guru termasuk ketua panitia terhadap pengurusan kerja menyebabkan mereka hilang pertimbangan dengan melepaskan kemarahan kepada pelajar seperti mengeluarkan kata-kata kesat dan memukul pelajar sesuka hati.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan tentang personaliti dalam pengurusan kerja dapat diperincikan sebagaimana menurut Khairul Anuar (2012) yang menyatakan bahawa guru sebagai pembimbing murid seharusnya mempunyai kebolehan untuk menilai kelemahan dan kekuatan murid perlu menampilkan watak terpuji untuk diikuti murid. Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid (2010) guru disekolah memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai murni kepada pelajar. Abd Razak et al. (2014) menyatakan menjaga kualiti kehidupan ketika bekerja banyak memberi impak positif seperti meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja. Demikianlah ketua panitia bidang agama yang perlu menjadi watak contoh kepada guru-guru agama yang lain. Subtajuk ini akan membincangkan pengurusan kerja melalui personaliti daripada aspek perwatakan seorang ketua, bertanggungjawab dan menjaga kualiti hidup.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Perwatakan Seorang Ketua

Watak merupakan peranan yang dimainkan setiap individu ketika berada di dalam persekitaran pekerjaan. Watak majikan adalah sebagai ketua manakala pekerja pula memegang watak sebagai ahli. Perbezaan watak ini melambangkan peranan yang berbeza dalam skop pekerjaan. Sebenarnya peranan pentadbir sinonim sebagai peneraju dalam sesebuah sekolah yang berfungsi bagi memastikan motivasi guru-guru terus meningkat semasa menjalankan tugas dalam masa yang sama mengekalkan kepuasan kerja dalam kalangan mereka (Junaidah & Nik Rosila, 2013).

Melihat dari sudut panitia pula, ketua panitia dan ahli-ahli panitia mempunyai peranan masing-masing dalam menggerakkan panitia. Jika ketua panitia bertindak sebagai perancang maka sudah tentulah ahli-ahli panitia akan memegang watak sebagai pelaksana. Kedua-dua entiti ini perlu saling melengkapi kerana bersamanya ada kekuatan dan kelemahan masing-masing. Sebenarnya, peranan yang dimainkan oleh watak-watak tersebut dalam pengurusan kerja akan dapat diukur melalui tahap kepuasan kerja yang diperoleh oleh mereka. Arsaythamby & Kiew (2012) menjelaskan bahawa hasil kajian yang dibentangkan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara perwatakan seseorang yang tahap kepuasan kerja yang dipamerkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Bertanggungjawab

Tanggungjawab merupakan satu sikap prihatin terhadap diri yang perlu ada dalam diri setiap ketua. Sikap tanggungjawab yang kuat dalam diri mampu mencegah seseorang ketua itu daripada melakukan kerja sambil lewa atau mencuri tulang semasa bekerja. Rasa bertanggungjawab dalam diri seseorang ketua akan mendorong kepada hasil pekerjaan yang produktif dan seterusnya memberi gambaran tentang kekuatan dalam pengurusan kerja yang di amalkan. Kaoru Ishikawa (1988) membincangkan di dalam bukunya dengan menyatakan bahawa kepuasan dalam melakukan kerja itu termasuklah berasa gembira selepas dapat menyiapkan sesuatu projek atau tercapainya sesuatu matlamat. Ini membawa maksud, kepuasan kerja akan diperoleh melalui kelancaran dalam pengurusan kerja seperti menyiapkan tugasan dengan menepati masa dan matlamat sebagaimana yang dikehendaki.

Organisasi seperti panitia mata pelajaran merupakan amanah dan tanggungjawab sepenuhnya ke atas seseorang ketua panitia. Oleh yang demikian, ketua panitia sewajarnya menjalankan tanggungjawabnya terhadap panitia dengan memastikan setiap ahli panitia melibatkan diri untuk memberikan idea-idea baru dalam pengajaran dan pembelajaran serta turut memastikan agar mereka melibatkan diri dalam kerja-kerja pengurusan panitia. Kajian Nurjannah & Abdul Said (2018) mendapati bahawa kesungguhan seorang guru akan meningkat apabila mereka menjalankan tugas di sekolah kerana tanggungjawab tetapi akan mula menurun apabila wujudnya perasaan tidak puas hati dalam yang disebabkan pelbagai situasi. Ini membawa maksud panitia boleh dijadikan platform oleh ketua panitia untuk mendidik ahli-ahli mereka tentang sikap ikhlas dalam pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Menjaga Kualiti Hidup

Kehidupan merupakan satu anugerah yang tidak boleh dikira dengan nilaian harga. Manusia yang mempunyai taraf kehidupan yang terbaik merupakan mereka yang menjaga kualiti hidup dari pelbagai aspek sama ada rohani atau pun jasmani. Melihat dari sudut kehidupan sebagai seorang ketua dapat dikatakan bahawa ketua yang menjaga kualiti kehidupan dapat memberi kepuasan kepada diri sendiri dan orang lain. Hal ini kerana, ketika bekerja dengan komitmen yang sepenuhnya terhadap organisasi maka seseorang ketua akan dapat terus mengekalkan diri di posisi pekerjaan tersebut (Muna & Atasya, 2013). Kenyataan di atas menjelaskan bahawa ketua yang menjaga kualiti hidup maka pengurusan kerja mereka akan menjadi lebih efisien melalui tahap kepuasan kerja yang dipamerkan oleh para pekerja mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jika membincangkan berkenaan mutu dan kualiti pekerjaan maka negara Jepun merupakan antara contoh yang terbaik di dunia. Kaoru Ishikawa (1988) menyatakan bahawa syarikat Jepun lebih mementingkan aspek pendidikan dan latihan kerana jika pekerja dididik dan dilatih maka itu lah pulangan yang akan diperoleh oleh pekerja dan syarikat. Melihat dalam konteks panitia pula, sewajarnya elemen pendidikan melalui pekerjaan itu diterapkan dalam pengurusan panitia. Hal ini kerana, melalui penerapan nilai tersebut ketua panitia dan ahli-ahli panitia akan sentiasa berhadapan dengan perkembangan ilmu melalui pengalaman dan ia dapat meningkatkan pengurusan kerja dalam kalangan mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, perbincangan tentang personaliti telah memperincikan aspek-aspek yang perlu ada pada seseorang ketua seperti perwatakan seorang ketua panitia, bertanggungjawab dan menjaga kualiti hidup. Aspek ini boleh dijadikan sebagai kayu ukur untuk menentukan tahap personaliti yang sedia ada dalam setiap diri seseorang ketua organisasi. Sebenarnya , aspek-aspek yang dibincangkan merupakan asas bagi sikap karismatik bagi seseorang ketua. Semua pemimpin hebat dalam dunia ini mempunyai tiga aspek tersebut dan perbezaan tahap yang dimiliki mereka sekali gus menjadikan satu keunikan bagi diri mereka dalam masa yang sama dapat membezakan diri mereka sesama pemimpin yang hebat yang lain.

2.5 Sorotan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sorotan kajian merupakan gambaran umum tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian. Pelaksanaan kajian ini sebenarnya didasari dengan sokongan dan maklumat-maklumat tambahan yang diperoleh semasa proses mengumpulkan bahan kajian. Kekurangan yang terdapat pada kajian lepas berkenaan isu kepimpinan ketua panitia dan pengurusan kerja telah ditambah baik melalui kajian yang dijalankan ini. Hasil analisis yang di perolehi kelak akan dapat dijadikan sebagai satu analisis perbandingan antara hasil kajian lepas dengan hasil kajian yang baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 Sorotan Kajian Kepimpinan

Choy Mun & Mohd Izham (2018) mendapati bahawa kajian yang dijalankan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kepimpinan transformasional pengetua berdasarkan demografi kajian seperti jawatan yang disandang. Kajian ini menjelaskan kepelbagaian jawatan yang disandang oleh seseorang pentadbir seperti pengetua tidak memberi kesan atau perbezaan terhadap gaya kepimpinan yang telah diamalkan di sekolah tersebut.

Goh Shau Ying dan Ngu Leh Seng (2018) menjelaskan bahawa kajian yang di jalankan menunjukkan bahawa budaya sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepimpinan guru di sekolah. Melalui hasil kajian yang ini dapatlah dirumuskan bahawa kepimpinan guru juga di pengaruhi oleh persekitaran dan iklim persekolahan. Ini membawa maksud jika sekolah tersebut mengamalkan pengurusan yang efisien maka kepimpinan guru akan meningkat dan seterusnya memberi kesan terhadap pengajaran di dalam kelas.

Hasil dan dapatan Hamidah dan Chan Mei (2018) dalam kajian mereka menunjukkan tahap profesionalisme guru dan kepimpinan guru adalah tinggi. Melalui kajian yang dijalankan ini secara umum dapat dikatakan semakin guru itu mengamalkan profesional keguruan maka kepimpinan guru mereka juga akan mengikutinya. Hal ini demikian kerana, profesional merupakan salah satu elemen kepimpinan yang menunjukkan pencapaian tertinggi dalam mana-mana bidang pekerjaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Khalip Musa & Rofidah Mohd Nasir (2018) yang menjalankan kajian berkenaan Amalan Kepimpinan Guru dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Daerah Bagan Datuk, Perak mendapati dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan guru adalah pada tahap tinggi. Ini menunjukkan secara lahiriahnya setiap individu guru sudah memiliki afektif kepimpinan dalam diri mereka dan perlu ditambah mutu serta kualiti dari semasa ke semasa.

Nurulain (2018) menyatakan bahawa hasil kajian yang dijalankan menjelaskan bahawa untuk menjadikan kepimpinan sebagai amalan yang berterusan di sekolah maka guru-guru perlu mempunyai kesedaran tentang kepimpinan meliputi aspek kepimpinan dalam dan luar bilik darjah. Ini membawa maksud guru-guru perlu melibatkan diri dengan kepimpinan melalui persatuan atau aktiviti-aktiviti yang berorientasikan kepimpinan sama ada dalam kawasan sekolah atau pun di luar kawasan sekolah.

Kajian Choy Mun & Mohd Izham (2018) mendapati bahawa hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kepimpinan transformasional pengetua berdasarkan demografi kajian seperti tempoh perkhidmatan. Kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan tempoh perkhidmatan seseorang pengetua tidak mendatangkan sebarang perbezaan terhadap gaya kepimpinan yang diamalkan di sekolah tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Wan Ameera Farhah dan Mahaliz Mansor (2018) menyatakan bahawa secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan (r=.51, p<.01) antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru. Kajian ini menunjukkan penglibatan guru dalam bidang kepimpinan dapat dipertingkatkan lagi melalui pembelajaran profesional dan seterusnya akan memberi kesan terhadap proses PDPC ketika di dalam kelas.

Masturah dan Khalip Musa & Rofidah (2018) mendapati hasil kajian yang diperoleh menunjukkan efikasi kendiri guru (m = 6.91, s.d. = 0.96) dan kesediaan kepimpinan guru (m = 3.95, s.d. = 0.40) berada pada tahap tinggi. Hasil kajian yang di perolehi oleh kajian ini mengukuhkan lagi kajian-kajian kepimpinan guru yang mengatakan setiap guru mempunyai gaya kepimpinan tersendiri dan kepimpinan setiap guru ini berada pada tahap yang baik dan tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Khalip Musa dan Nee Ngie Seng (2017) mendapati bahawa tahap kepimpinan guru adalah tinggi (min = 3.81, s.p. = 0.663). Pengkaji juga telah membuat rumusan dengan mengatakan terdapat hubungan antara kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar kerana analisis data yang di perolehi menunjukkan hubungan signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Oleh yang demikian, sewajarnya gaya kepimpinan guru ini terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Menurut Lokman Mohd Tahir et al. (2017) Keputusan analisis faktor *exploratory* dan *confirmatory* menunjukkan bahawa *loading item* yang mewakili kesediaan dalam aspek profesional dan peribadi menjadi pemimpin guru mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kesahan yang tinggi serta mempunyai kesahan *convergent* yang baik. Melalui kajian ini dapatlah dikatakan bahawa guru-guru yang mempunyai *skill* atau kemahiran insaniah yang diterjemahkan dalam bentuk aspek profesional dan peribadi akan mempunyai kepimpinan yang baik dan seterusnya mendatangkan kesan kepada pengurusan pengajaran mereka.

Faridah & Mohd Izham (2017) mendapati hasil kajian yang diperoleh menunjukkan ujian perbezaan yang dijalankan mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan berkenaan amalan kepimpinan teknologi dalam kalangan pengetua berdasarkan lokasi sekolah. Kajian ini menunjukkan lokasi sekolah antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar memberi kesan terhadap kepimpinan yang diamalkan di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamad Izzuan & Mohd Khata (2016) menjelaskan bahawa hasil kajian terhadap Pembentukan Kemahiran Kepimpinan Guru Pelatih Melalui Latihan Mengajar menunjukkan bahawa pembentukan kemahiran kepimpinan melalui latihan mengajar adalah tinggi iaitu 85.4%. Kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran kepimpinan guru merupakan sesuatu yang subjektif kerana boleh berada pada tahap rendah, statik atau meningkat bergantung pada kreativiti dan inovasi guru itu sendiri untuk merubahnya.

Azhar Harun et al. (2016) menyatakan bahawa hasil kajian yang telah dijalankan mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkenaan dimensi kepimpinan (t=0.050,p=0.961) bagi guru yang mengajar di Sekolah Berprestasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tinggi (SBT) dan guru yang mengajar di sekolah bukan SBT. Hasil kajian ini juga menunjukkan perbezaan tahap kepimpinan berbeza-beza mengikut kategori sekolah kajian.

Ahmad Hidayat & Siti Fatimah (2016) menjelaskan bahawa hasil kajian kualitatif menyatakan pemeliharaan agama tidak terhad hanya kepada konsep halal dan haram semata-mata sebaliknya turut mementingkan perbincangan tentang perkara-perkara syubhah untuk dihindari kerana ia merupakan langkah berhati-hati daripada terjebak dengan perkara haram. Hasil kajian tersebut menjelaskan bahawa sifat warak mempunyai hubungan dengan kepimpinan dan pengurusan. Sebenarnya, dapat membezakan antara perkara halal, haram dan syubhah merupakan salah satu bentuk pengurusan manakala tindakan yang diambil ke atasnya merupakan satu bentuk kepimpinan bagi diri seseorang individu.

Kajian Muhammad Fairuz & Amzan (2015) mendapati hasil kajian kualitatif yang dijalankan menyatakan bagi melahirkan individu yang mempunyai keseimbangan rohani, intelek, jasmani dan fizikal maka penerapan sifat warak dalam kalangan guru dan pelajar sangatlah penting. Sifat warak menjadi diri seseorang pemimpin dari melakukan kesalahan-kesalahan yang dilarang oleh agama dalam masa yang sama melahirkan seorang pemimpin yang lebih peka dan teliti terhadap tindakan yang akan diambil.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norashikin et. al (2015) menjelaskan bahawa hasil kajian kualitatif yang dijalankan mendapati untuk memastikan berlakunya peningkatan prestasi sekolah maka ianya memerlukan keupayaan diri untuk memimpin tidak terbatas hanya kepada pengetua sebaliknya turut melibatkan keupayaan memimpin dalam kalangan guru-guru di sekolah itu sendiri. Ini membawa maksud keupayaan diri untuk memimpin tidak hanya boleh disandarkan kepada pengetua sahaja sebaliknya perlu dimainkan peranan juga oleh para pentadbir yang lain, ketua-ketua bidang dan ketua-ketua panitia.

Kajian oleh Sukari & Nizam (2014) menunjukkan hasil kajian kualitatif mendapati ilmu kepimpinan Islam, peradaban dan watak guru sebagai pemimpin masih belum dipandang serius di pusat pengajian tinggi dan institusi yang melahirkan guru. ini membawa maksud ilmu kepimpinan belum mendapat tempat dalam kalangan guru dan kegagalan guru menyedari tentang kepentingannya menyebabkan berlakunya masalah dalam pengurusan organisasi.

Menurut Zuraidah Juliana et al. (2014) mengatakan bahawa kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kompetensi emosi dan amalan kepimpinan. Melalui kajian ini, dapatlah dirumuskan bahawa guru yang mempunyai kepimpinan yang hebat mempunyai emosi yang positif. Kombinasi elemen emosi dan kepimpinan ini akan melahirkan guru yang tahan daya saing dan mampu *survive* dalam apa jua isu-isu dalam bidang pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Mohd Khairuddin & Halimah (2014) mendapati hasil kajian menunjukkan ujian analisis ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan pengajaran berdasarkan kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar Bahasa Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan kelayakan ikhtisas tidak mendatangkan sebarang perbezaan terhadap gaya kepimpinan guru-guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah kajian.

Khalip Musa et al. (2014) pula mendapati bahawa hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan amalan kepimpinan transformasional pengetua antara sekolah sekolah menengah awam dan sekolah swasta cemerlang dengan nilai $t=2.679$, $p<0.05$. Kajian ini secara tidak langsung turut menjelaskan bahawa perbezaan sekolah menengah awam dan swasta merupakan perbezaan dari sudut kurikulum persekolahan dan hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan amalan kepimpinan antara kedua-dua sekolah tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Faizal A. Ghani et al. (2014) telah membentangkan dapatan kajian yang mengatakan kapasiti kepimpinan guru adalah tinggi dan memuaskan . Pengkaji juga menyatakan dalam kajiannya hanya terdapat beberapa faktor dalaman sahaja yang menghalang kapasiti kepimpinan ini terhalang seperti bebanan tugas guru, tugas pentadbiran dan kurangnya dan untuk perkembangan staf. Secara amnya dapat difahami bahawa kepimpinan guru berada pada tahap yang baik. Namun tetap sahaja mempunyai faktor dalaman dan luaran yang menjadi cabaran bagi kepimpinan guru ini untuk terus meningkat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kasthuri (2012) pula mengatakan hasil kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat perbezaan hubungan yang signifikan antara tahap stres dan jantina dalam kajian gaya kepimpinan pengetua wanita dan hubungannya dengan stres guru sekolah menengah daerah Johor Bahru. Kajian ini menunjukkan analisis perbezaan antara pemboleh ubah kepimpinan dengan demografi kajian melalui jantina dapat dijalankan.

Suraiya (2011) menjelaskan bahawa hasil kajian kualitatif yang dijalankan menyatakan seseorang pemimpin seharusnya memantapkan diri dengan akhlak yang baik kerana menjadi contoh buat organisasinya. Ini membawa maksud seseorang pemimpin perlu memelihara akhlak *mahmudah* kerana ia mempunyai hubungan dengan personaliti seseorang pemimpin. Pengurusan personaliti bagi seseorang pemimpin ini juga termasuk dalam perbincangan tentang pengurusan kerja yang diamalkan dalam sesebuah organisasi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Mariam et al. (2009) menyatakan hasil kajian kualitatif yang berkenaan kepimpinan dan pengurusan strategik menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan. Pengurusan strategik merupakan satu kebolehan dan keupayaan diri dalam merancang sesebuah organisasi. Gabungan antara keupayaan ini dengan kepimpinan sudah semestinya akan menjadikan organisasi tersebut lebih kompeten dan berdaya saing kerana hubungannya yang saling memerlukan antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tengku Sarina & Fadillah (2007) menjelaskan bahawa hasil kajian kualitatif menunjukkan pengurusan kerja dalam Islam adalah bersumberkan ilmu wahyu Al-Quran, Hadis dan amalan ulama-ulama silam. Ini membawa maksud Islam telah meletakkan Al-Quran, As-Sunnah dan amalan para alim ulama silam sebagai sumber yang mempunyai hubungan dengan amalan pengurusan kerja. Seseorang pemimpin yang menjadikan Islam sebagai teras kepimpinan sudah semestinya akan merujuk sumber-sumber tersebut dan menjadikan ilmu pengurusan tersebut sebagai satu amalan dalam kepimpinan.

Menurut Norhannan & Jamaliah (2006) hasil ujian ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara guru yang berlainan umur terhadap gaya kepimpinan pengetua wanita. Hasil kajian ini menjelaskan bahawa berdasarkan pandangan dan persepsi responden yang terdiri dari pelbagai peringkat umur menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan semua gaya kepimpinan yang diamalkan oleh pengetua wanita.

Mohtar Abas (2005) menjelaskan bahawa hasil kajian menjelaskan bahawa pegawai di setiap peringkat gred perkhidmatan perlu didedahkan dengan pengalaman kepimpinan yang secukupnya bagi mengatasi masalah kenaikan pangkat secara *seniority* tetapi gagal menjalankan mengurus organisasi dengan berkesan. Kajian ini menjelaskan bahawa terdapat isu dalam kalangan pegawai awam yang mempunyai gred perkhidmatan yang tinggi tetapi gagal untuk menjadi pemimpin bagi menerajui sesebuah organisasi atau tugasan yang diberikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Redzuwan (2004) mengatakan hasil kajian kualitatif yang dijalankan mendapati para pemimpin juga berperanan untuk membentuk akhlak dalam kalangan orang yang dipimpin. Ini membawa maksud peranan pemimpin tidak hanya memimpin dan mengurus sesebuah organisasi sebaliknya turut berperanan sebagai *muaddib* yang berfungsi melatih dan mendidik akhlak yang baik dalam kalangan orang yang dipimpin.

Adi Fahrudin et al. (2002) menjelaskan bahawa hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan berkenaan persepsi guru-guru kanan di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dan sekolah menengah separuh bantuan kerajaan terhadap tingkah laku kepemimpinan pengajaran pengetua (t=6.342, p=.000). Kajian yang dijalankan ini menunjukkan analisis perbezaan antara pemboleh ubah kepimpinan dengan demografi kajian melalui kategori sekolah dapat dijalankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Sorotan Kajian Pengurusan Kerja

Kajian tentang Kepimpinan Dan Pengurusan Guru Besar Terhadap Kepuasan Kerja Guru-Guru Agama mendapati analisis deskriptif melalui nilai min bagi kepuasan kerja guru berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 3.85. Melihat pada hubungan antara pemboleh ubah kepimpinan dan pengurusan guru besar dengan kepuasan kerja guru pula hasil analisis inferensi melalui korelasi mendapati gaya kepimpinan guru besar mempunyai nilai r = 0.561 manakala kepuasan guru pula

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai nilai r =0.680. Nilai p bagi kedua-dua pemboleh ubah ini ialah 0.001<0.05 dan signifikan pada 0.01 (Nurlaili & Mohd Yusof, 2018)

Kajian berkenaan pengurusan kerja melalui pengurusan emosi dapat dilihat melalui hasil kajian berkenaan tekanan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah Daerah Pasir Gudang. Hasil kajian mendapati nilai keseluruhan min secara deskriptif sebanyak 3.79. Melihat pada nilaian konstruk pula, teman sekerja mencatatkan nilai min yang paling tinggi iaitu sebanyak 3.99 manakala konstruk yang mempunyai nilai min yang paling rendah ialah corak penyeliaan yang mencatatkan nilai min sebanyak 3.67 (Lia Indah & Ruslin, 2018).

Menurut kajian yang dijalankan oleh Rozi Mohamad et. el (2016) berkenaan komitmen guru dan kepuasan kerja guru. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen guru dengan tahap kepuasan kerja guru. Berdasarkan analisis korelasi yang di jalankan, keputusan analisis telah menunjukkan nilai korelasi antara komitmen guru dengan kepuasan kerja guru adalah r =0.44 dan mempunyai nilai signifikan pada 0.00<0.05. Ini menunjukkan bahawa kepuasan kerja sememangnya mempunyai hubungan dengan pengurusan kerja yang diamalkan dan hubung kait antara pemboleh ubah pengurusan kerja dengan kepuasan kerja dalam kajian yang dijalankan ini mempunyai rasionalnya.

Syed Kamaruzaman et al. (2017) mengatakan bahawa berdasarkan kajian yang telah dilakukan mendapati kepuasan kerja yang paling tinggi dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani disebabkan mempunyai hubungan yang baik dengan guru-guru lain. Berdasarkan keputusan secara deskriptif yang diperoleh ini nilai min bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hubungan dengan rakan sekerja sebanyak 4.20 mengatasi hubungan dengan pihak pengurusan (min= 3.80) dan pencapaian matlamat dalam pengajaran (min= 3.72). Ini menunjukkan bahawa kepuasan kerja tidak hanya pada melaksanakan tugas hakiki seorang guru sahaja sebaliknya turut bergantung pada pengurusan kerja melalui interaksi sesama komuniti pekerjaan.

Kajian oleh Norhazwani & Jamalullail (2017) pula menjelaskan bahawa hasil kajiannya mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepuasan kerja dalam kalang guru berdasarkan lima aspek yang di kajian mengikut jantina. Hal ini kerana nilai p menunjukkan bacaan melebihi daripada nilai 0.05 sebagaimana catatan nilai aspek pekerjaan (0.786), gaji (0.822), kenaikan pangkat (0.545), penyeliaan (0.188) dan rakan kerja (0.470). Kajian ini menunjukkan amalan pengurusan kerja yang diukur melalui tahap kepuasan kerja menunjukkan responden tidak mempunyai perbezaan kepuasan kerja antara pekerja lelaki dan perempuan jika melibatkan faktor gaji, kenaikan pangkat, penyeliaan dan rakan kerja.

Muhammad Hisham (2017) menyatakan bahawa melihat amalan pengurusan kerja melalui tahap kepuasan kerja kajian yang di jalankan mendapati wujudnya perbezaan kepuasan kerja dalam kalangan guru mengikut jantina. Hasil kajian berkenaan aspek kepuasan kerja guru berdasarkan bebanan kerja, pengiktirafan dan penglibatan dalam pengurusan yang dilakukan mendapati terdapat perbezaan min antara guru lelaki (3.9920) dan guru perempuan (3.8128). Perbezaan min ini signifikan pada 0.002 dengan nilai t ($t = 3.137$, $p < 0.01$). Hipotesis *null* bagi kajian ini yang mengatakan tidak ada perbezaan min yang signifikan tahap kepuasan kerja guru mengikut jantina berjaya tolak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Nor Mohamad Zulhairi et al. (2016) mengatakan dapatan kajian membuktikan bahawa pengurusan kerja melalui tahap kepuasan kerja guru-guru di sekolah daerah Ledang berada pada tahap yang tinggi dan mempunyai perbezaan yang signifikan dengan tahap pencapaian sekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan item kepuasan kerja mempunyai nilai min melebihi 4.0 dan menjadi kayu ukur tentang kepuasan hati mereka ketika menjalankan pekerja.

Junaidah Mohamad & Nik Rosila Nik Yaacob (2013) menjelaskan bahawa hipotesis *null* bagi kajian kepuasan bekerja dalam kalangan guru pendidikan khas mengikut jantina gagal ditolak. Hal ini kerana hasil kajian yang dilakukan mendapati analisis ujian-t berdasarkan jantina mengikut faktor imbuhan, tugas dan persekitaran kerja mempunyai nilai p> 0.05 iaitu imbuhan (0.482), tugas 0.716) dan persekitaran kerja (0.804). Kajian ini menunjukkan amalan pengurusan kerja yang diukur melalui tahap kepuasan kerja menunjukkan tidak mempunyai perbezaan kepuasan kerja antara pekerja lelaki dan perempuan jika melibatkan faktor imbuhan, tugas dan persekitaran kerja.

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Hudani et al. (2013) mendapati hasil kajian kuantitatif berkenaan faktor tingkah laku kepimpinan transformasi terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pemimpin pendidik menunjukkan tahap interpretasi keseluruhan yang tinggi iaitu 78.8%. Kajian ini menjelaskan bahawa gaya kepimpinan yang mendatangkan keselesaan kepada seseorang pemimpin untuk mentadbir akan mendatangkan impak positif terhadap emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Khairul Anwar (2008) hasil kajian kuantitatif menunjukkan ciri personaliti yang paling utama bagi seorang pengetua atau ketua ialah memiliki sifat kasih sayang (min=4.71). Ini membawa maksud personaliti merupakan aspek pengurusan kerja yang penting kerana melalui personaliti yang mempunyai sifat kasih sayang akan melahirkan sikap toleransi yang baik antara seorang majikan dan pekerja dan sebaliknya.

2.6 Rumusan

Setelah meneliti hasil perbincangan mengenai kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui pengurusan kerja, maka dapatlah disimpulkan bahawa kemahiran memimpin merupakan aspek yang penting dalam kehidupan berorganisasi. Secara umumnya, kebanyakan ketua panitia bidang agama sudah mengetahui berkenaan gaya kepimpinan tetapi kajian ini cuba melihat praktikal kepimpinan dari sudut pandangan Islam dengan membawa idea pemikiran Imam Al-Ghazali. Perbincangan ini telah mengupas idea Al-Ghazali berkenaan kepimpinan melalui aspek *Berilmu, bersifat warak, keupayaan diri* dan *muaddib.* Perbincangan tentang pengurusan kerja pula adalah melalui aspek bebanan kerja, emosi, persekitaran dan personaliti pekerja. Di harapkan perbincangan tersebut dapat memberi pencerahan dan seterusnya membantu ketua panitia bidang agama meningkatkan kemahiran kepimpinan bagi memberi impak yang maksimum dalam pengurusan kerja yang diamalkan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.1 Pengenalan

Gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja merupakan pemboleh ubah bagi kajian ini. Gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama merupakan pemboleh ubah terikat manakala pengurusan kerja pula merupakan pemboleh ubah tidak terikat. Kedua-dua pemboleh ubah ini di ukur dengan melalui analisis data-data kajian yang telah dikumpulkan. Bab ini juga akan menjelaskan bagaimana kajian ini dilaksanakan seperti gambaran reka bentuk kajian, populasi dan pensampelan, lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan jenis analisis data yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Mohd Nawi (2000) reka bentuk kajian merupakan susunan langkah-langkah yang perlu dituruti agar data dapat dianalisis dan menghasilkan keputusan yang sah. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif sebagai kaedah utama kajian. Kaedah kuantitatif ini dilakukan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada ketua panitia bidang agama untuk mengetahui gaya kepimpinan yang diamalkan dalam pengurusan kerja di dua puluh satu buah sekolah .

Kategori sekolah bagi kajian ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Negeri Terengganu. Hasil data yang diperoleh melalui soal selidik yang dijalankan akan dianalisis secara deskriptif dan inferens. Analisis secara deskriptif adalah penting untuk melihat tahap interpretasi item-item berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia manakala analisis inferensi pula penting bagi dijadikan hujah sama ada perlu diterima atau ditolak hipotesis *null* yang telah dibuat.

3.3 Lokasi Kajian

Kesemua SMKA dan SABK yang terlibat dalam kajian ini berada di negeri Terengganu. Mengikut rekod yang diperoleh dari Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) sehingga tahun 2019 terdapat sebanyak 150 buah sekolah menengah yang sudah dibangunkan dinegeri ini (JPNT,2019). Kajian ini telah memfokuskan pada 6 buah SMKA yang berada di bawah Kementerian Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malaysia (KPM) dan 15 buah Sekolah Menengah Agama (SABK) yang berada di bawah agensi Kerajaan Negeri Terengganu seperi Jabatan Hal Ehwal Terengganu (JHEAT) untuk Sekolah Agama Rakyat (SAR) atau negeri (SMAN) manakala Yayasan Terengganu (YT) untuk Sekolah Menengah Imtiaz (SM Imtiaz).

3.4 Populasi dan Sampel Kajian

Menurut Yahaya Mahamood (1992) populasi merupakan satu set pengukuran yang menjadi tumpuan kajian seperti objek, peristiwa, haiwan, tumbuh-tumbuhan atau apa sahaja yang boleh diukur cirinya sama ada saiznya kecil atau besar manakala sampel pula subset pengamatan yang diambil daripada satu populasi tertentu dan saiznya lebih kecil daripada populasi. Berdasarkan data populasi jumlah guru bidang agama di dua puluh satu buah sekolah SMKA dan SABK yang terlibat dalam anggaran seramai 52 orang.

Terdapat 6 buah SMKA yang melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) di negeri Terengganu. Seramai 18 orang ketua panitia bidang agama di sekolah tersebut yang akan terlibat dalam kajian ini iaitu ketua panitia Pendidikan Islam, ketua panitia Pendidikan Al-Quran dan ketua panitia Pendidikan Syariah. Jumlah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berada di bawah pentadbiran Jabatan Hal Ehwal Terengganu (JHEAT) adalah sebanyak 10 buah. SABK tersebut melaksanakan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan seramai 20 orang ketua panitia bidang agama yang akan melibatkan diri iaitu ketua panitia Usul-Addin dan ketua panitia Al-syariah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jumlah Sekolah Menengah Imtiaz yang berada di bawah pentadbiran Yayasan Terengganu (YT) pula sebanyak 8 buah tetapi yang berdaftar sebagai SABK hanya 5 buah iaitu SMIYT Kuala Terengganu, SMIYT Kuala Berang, SMIYT Besut, SMIYT Kemaman dan SMIYT Dungun. SABK ini melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Seramai 14 orang ketua panitia bidang agama yang akan melibatkan diri iaitu ketua panitia Pendidikan Islam, ketua panitia Pendidikan Al-Quran , ketua panitia Pendidikan Syariah dan ketua panitia *Maharat Al-Quran*. Mengikut jadual pensampelan Krejcie dan Morgan (1992) jika populasi responden seramai 52orang maka saiz sampel yang akan diambil bagi kajian ini adalah seramai 52 orang responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Instrumen Kajian

Menurut Noraini Idris (2013) kesemua proses mengumpul dan menyediakan data kajian dikenali dengan istilah instrumentasi yang melibatkan pemilihan instrumen, reka bentuk instrumen, prosedur dan kondisi semasa instrumen diuruskan. Oleh yang demikian, dapatlah disimpulkan bahawa instrumen kajian juga membawa maksud alat yang digunakan untuk mengumpul data-data kajian. Sebenarnya instrumen ini dibina berdasarkan elemen-elemen yang mempunyai perkaitan dengan pemboleh ubah terikat dan pemboleh ubah tidak terikat bagi kajian ini. Berikut merupakan instrumen yang digunakan bagi mengumpul maklumat dan data untuk menjalankan kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5.1 Soal Selidik

Soal selidik merupakan kaedah pengumpulan data yang utama bagi kajian ini. Mohamad Najib (1999) menjelaskan soal selidik merupakan kaedah yang digunakan untuk mengetahui sikap seseorang melalui soalan bebas-jawab (terbuka), senarai semak atau skala radar. Soal selidik ini dijalankan dengan mengedar borang soal selidik yang menggunakan skala likert bagi tujuan pengukuran item berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja. Soal selidik ini diedarkan kepada semua Ketua Panitia bidang agama yang berada di SMKA dan SABK di negeri Terengganu.

Soal selidik bagi kajian ini mengandungi 3 bahagian. Bahagian A mengumpulkan maklumat berkenaan demografi responden, bahagian B mengumpul maklumat berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan bahagian C pula mengumpul maklumat berkenan pengurusan kerja. Bahagian A perlu dijawab dengan menandakan " / " di dalam kotak yang telah disediakan manakala kesemua bahagian B dan C perlu dijawab berpandukan skala likert dari 1 hingga 5 iaitu 1 - Sangat Tidak Setuju (STS), 2 - Tidak Setuju (TS) , 3 - Tidak Pasti (TP), 4 - Setuju (S) dan 5 - Sangat Setuju (SS).

Berkenaan item demografi kajian dalam bahagian A, pengkaji telah menyenaraikan 10 item untuk mengumpulkan maklumat berkenaan latar belakang responden. Item tersebut seperti jantina, umur, ikhtisas pendidikan, tempoh perkhidmatan, gred perkhidmatan, jawatan ketua panitia, penglibatan persatuan luar sekolah, kategori sekolah, kurikulum sekolah dan lokasi sekolah. Item ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimasukkan dalam demografi kajian adalah bertujuan untuk menjawab objektif kajian yang ketiga dan persoalan kajian berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui demografi kajian. Item yang mempunyai dua pemboleh ubah seperti jantina, kategori sekolah dan lokasi sekolah akan dianalisis menggunakan ujian-t manakala item demografi yang lain akan dianalisis dengan ujian ANOVA.

Pembinaan instrumen soal selidik bahagian B pula adalah berkenaan pemboleh ubah gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama. Pada bahagian ini pengkaji telah membina 40 item bagi set soal selidik melalui perbincangan empat kategori utama tentang gaya kepimpinan iaitu berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib*. Setiap daripada kategori tersebut mempunyai tiga pecahan tema yang kecil. Bagi kategori berilmu terdapat 10 item dengan pecahan temanya ialah i- pendengaran, ii- penglihatan dan iii- hati. Kategori bersifat warak mempunyai 10 item dengan pecahan temanya pula ialah i- jelas mengenai halal, ii- jelas mengenai haram dan iii- jelas mengenai syubhah. Berkenaan kategori berkeupayaan diri terdapat 10 item dengan pecahan temanya ialah i- *takhali*, ii- *tahalli* dan iii- *tajalli* manakala kategori *muaddib* terdapat 10 item dengan pecahan temanya ialah i- potensi jasadi,ii- potensi rohani dan iii- potensi akli.

Pembinaan instrumen soal selidik bahagian C adalah berkenaan pemboleh ubah pengurusan kerja ketua panitia bidang agama. Pada bahagian ini pengkaji telah membina 40 item bagi set soal selidik melalui perbincangan empat kategori utama tentang pengurusan kerja iaitu bebanan tugas, emosi , persekitaran kerja dan personaliti. Setiap daripada kategori tersebut mempunyai tiga pecahan tema yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kecil. Bagi kategori bebanan tugas terdapat 10 item dengan pecahan temanya ialah i- agihan tugas, ii- pengurusan masa dan iii- kerja berpasukan. Kategori emosi mempunyai 10 item dengan pecahan temanya pula ialah i- pengurusan stres, ii- Ubah cara berfikir dan iii- motivasi kerja. Berkenaan kategori persekitaran kerja terdapat 10 item dengan pecahan temanya ialah i- budaya organisasi, ii- kelengkapan fasilitet dan iii- menaik taraf kemahiran manakala kategori personaliti terdapat 10 item dengan pecahan temanya ialah i- perwatakan seorang ketua ,ii- bertanggungjawab dan iii- menjaga kualiti hidup.

3.6 Kesahan Instrumen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Noraini Idris (2013) kesahan instrumen membawa maksud kemampuan instrumen untuk mengukur apa yang sepatutnya diukur dan seterusnya membenarkan interpretasi skor yang sesuai. Kesahan instrumen kajian ini dijalankan dengan membuat rujukan kepada empat orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam yang mewakili bidang agama dan seorang pakar bidang Pengurusan Pendidikan. Pakar-pakar tersebut terdiri daripada kalangan ahli akademik di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pentadbir di sebuah sekolah. Berikut merupakan pakar-pakar yang terlibat dalam kesahan instrumen kajian ini:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.1

Senarai Pakar Instrumen Soal Selidik

Bil	Nama	Jawatan	Kelulusan
1.	Profesor Dr. Mohd Aderi bin Che Noh	Pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI	PhD (UPM) Pendidikan Islam
2.	Dr. Mohamad Marzuqi bin Abdul Rahim	Pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI	PhD (Yarmouk University Jordan) Pengurusan Pendidikan - (Pengurusan Pendidikan Tahfiz Al-Quran)
3.	Dr. Mohd Nasri bin Abdullah	Ketua Jabatan Pendidikan Islam dan Moral	PhD (UTM) Pendidikan Islam
4.	Tuan Haji Nor Azam bin Abdullah	Pengetua Cemerlang, SBPI Rawang	Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (Yarmouk University Jordan) Bahasa Arab.

Secara umumnya, panel-panel yang terlibat dalam kesahan instrumen kajian ini mempunyai kepakaran dalam bidang Pendidikan Islam dan Pengurusan Pendidikan. Berdasarkan kelulusan yang dimiliki oleh panel-panel tersebut satu set soalan selidik telah diserahkan kepada mereka bagi tujuan penilaian. Item-item soal selidik yang telah di semak ditambah baik berdasarkan respons yang telah diberikan sama ada berbentuk kritikan atau cadangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Kebolehpercayaan Instrumen

Menurut Noraini Idris (2013) kebolehpercayaan membawa maksud instrumen berkenaan memberi dapatan yang konsisten setiap kali pengukuran dibuat. Oleh yang demikian, pembinaan instrumen yang menepati kriteria adalah sangat penting kerana ia mempengaruhi nilai kebolehpercayaan. Menurut Mokhtar Ismail (2011) dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks penyelidikan pendidikan, nilai kebolehpercayaan yang biasa digunakan ialah *Alpha Cronbach*.

Sebenarnya, penggunaan *Alpha Cronbach* bukanlah sesuatu ketetapan yang diletakkan tanpa sebarang sebab munasabah kerana menurut Arsaythamby & Arumugam (2013) prnggunaan *Alpha Cronbach* adalah untuk mengukur konsistensi dalaman dan ia digunakan untuk menilai sejauh mana set item soal selidik itu mempunyai ketekalan. Berikut merupakan jadual klasifikasi indeks kebolehpercayaan dan nilai pekali kebolehpercayaan *alpha cronbach* bagi setiap konstruk yang diperoleh setelah diuji.

Jadual 3.2

Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	**Nilai alpha cronbach**
Sangat tinggi	>0.90
Tinggi	0.70 - 0.89
Sederhana	0.60 - 0.69
Rendah (*not reliabity*)	<0.60

Sumber : Bryman & Cramer (1999)

Jadual 3.3

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Konstruk

Aspek	**Bil. Item**	**Nilai Alpha Cronbach**
Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama	40	0.945
Pengurusan Kerja	40	0.951
Jumlah Keseluruhan	**80**	0.968

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis *alpha cronbach* yang telah dijalankan bacaan *alpha croncbach* pada konstruk gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja menunjukkan bacaan yang sangat tinggi iaitu 0.945 dan 0.951. Secara amnya dapat difahami bahawa konstruk tersebut mempunyai ketekalan dan boleh digunakan bagi tujuan soal selidik yang sebenar.

Jadual 3.4

Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item

Aspek	Bil. Item	Nilai Alpha Cronbach
Gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama (Berilmu)	10	0.771
Gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama (Bersifat Warak)	10	0.846
Gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama (Berkeupayaan Diri)	10	0.892
Gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama (*Muaddib*)	10	0.918
Pengurusan kerja (Bebanan Tugas)	10	0.904
Pengurusan kerja (Emosi)	10	0.838
Pengurusan kerja (Persekitaran Kerja)	10	0.856
Pengurusan kerja (Personaliti Kerja)	10	0.883
Jumlah Keseluruhan	**80**	0.968

Hasil analisis *alpha cronbach* pada item pula mendapati semua bacaan setiap item melepasi bacaan tinggi dengan nilai 0.771 sehingga 0.918. ini menunjukkan kesemua item yang tersebut boleh digunakan dalam soal selidik yang sebenar. Walau bagaimana pun, terdapat 10 item telah dibuang selepas analisis dijalankan kerana bacaan *cronbach's alpha if item deleted* melepasi bacaan keseluruhan *alpha cronbach* bagi setiap item. Keseluruhan item yang sah untuk digunakan dalam kajian yang sebenar hanya sebanyak 70 item.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kajian Rintis

Menurut Tan Poo Chang et al. (1994) kajian rintis kebiasaannya dilakukan sebelum menjalankan kajian yang sebenar dan tujuannya adalah untuk menguji, mengesan dan mengatasi masalah perancangan kajian. Menurut Adi Fahrudin et al. (2002) kajian rintis atau *pilot research* juga dikenali dengan nama *pre-test* yang dijalankan untuk melengkapkan soal selidik. Pengujian terhadap instrumen kajian adalah sangat penting kerana kegagalan mengatasi ralat dan kelemahan yang ada pada instrumen akan mendatangkan kesan terhadap hasil kajian yang bakal di perolehi. Oleh yang demikian, tujuan pelaksanaan kajian rintis bukan sahaja untuk membaiki dan menaik taraf mutu instrumen kajian tetapi dalam masa yang sama juga bertujuan untuk menjaga kualiti hasil kajian yang bakal diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian rintis ini dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada 52 orang ketua panitia bidang agama yang dipilih secara rawak. Responden tersebut akan menjawab kesemua soalan soal selidik dan soalan-soalan tersebut akan dianalisis untuk mendapatkan nilai bacaan *alpha cronbach* yang melebihi angka 0.70 dengan bacaan yang tinggi. Soalan-soalan yang melepasi angka tersebut dianggap sudah mempunyai ketekalan dan rasional untuk dimasukkan ke dalam borang soal selidik manakala soalan-soalan yang tidak mencapai angka tersebut akan dibuang atau diubah kepada soalan yang lebih rasional dengan mengubah struktur ayat dan objektif pertanyaan soalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, hasil analisis *alpha cronbach* terhadap 40 item soal selidik mendapati pemboleh ubah gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama mempunyai sebanyak 36 item dan pemboleh ubah pengurusan kerja mempunyai 34 item untuk dimasukkan ke dalam set soalan selidik yang sebenar. Jumlah item untuk bahagian B dan bahagian C sebanyak 70 item. Jumlah keseluruhan item soal selidik ini sebanyak 80 item termasuk dengan item pada bahagian A.

3.9 Tatacara Pemerolehan Data

Sepanjang menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengikuti beberapa prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak yang terlibat. Pengkaji telah memohon kebenaran dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menjalankan kajian ini dengan menghantar *proposal* dan instrumen kajian ke *Educational Planning and Research Division* (EPRD). Setelah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pengkaji telah menghantar surat kebenaran tersebut ke Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) untuk pelaksanaan kajian di SMKA.

Prosedur pelaksanaan kajian untuk SABK adalah dengan merujuk kepada agensi kerajaan Negeri yang terlibat seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk Sekolah Agama Negeri (SMAN) dan Yayasan Terengganu (YT) untuk Sekolah Menengah Imtiaz. Setelah memperoleh maklum balas dan surat kebenaran daripada pihak-pihak berkenaan maka pengkaji telah merujuk kepada pengetua di setiap sekolah yang terlibat untuk urusan pelaksanaan kajian. Seterusnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada responden kajian iaitu ketua panitia bidang agama.

3.10 Tatacara Penganalisisan Data

Kesemua data yang di perolehi melalui soal selidik yang telah dijalankan telah dipindahkan ke dalam perisian *Statical Packages For The Social Sciences* SPSS versi 24.0 bagi tujuan analisis. Data-data ini akan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi sesuai dengan objektif kajian. Berdasarkan objektif kajian, analisis statistik deskriptif akan melibatkan pencarian min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai. Analisis statistik inferensi pula akan melibatkan pencarian perbezaan melalui ujian-t, ANOVA dan hubungan melalui korelasi antara pemboleh ubah terikat dan pemboleh ubah tidak terikat bagi kajian ini.

3.11 Analisis Data

Analisis data merupakan subtajuk yang akan membincangkan tentang hasil data yang sudah diproses. Secara khususnya, bagi mencapai objektif kajian yang telah dibuat maka analisis data yang dijalankan adalah dengan menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Pelaksanaan analisis inferensi penting bagi menerima atau menolak hipotesis kajian yang telah dibuat. Kesemua analisis yang dijalankan ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempunyai kepentingan yang sama iaitu menjawab semua persoalan kajian sebagaimana yang telah dinyatakan.

3.11.1 Analisis Deskriptif

Menurut Mohktar Ismail (2011) deskriptif membawa maksud perihal sesuatu yang berlaku dan penyelidikan yang menggunakan kaedah ini adalah untuk memerihalkan sesuatu yang berlaku. Menurut Chua Yan Piauw (2012) statistik deskriptif diguna pakai untuk menghuraikan ciri-ciri pemboleh ubah dengan menggunakan petunjuk-petunjuk seperti min, sisihan piawai, median, mode, taburan normal dan skor Z. Oleh yang demikian, analisis deskriptif bagi kajian ini akan mencari kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah terikat iaitu gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pemboleh ubah tidak terikat iaitu pengurusan kerja yang diamalkan.

Pemboleh ubah terikat iaitu gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama telah menyenaraikan empat aspek utama untuk dikaji. Aspek tersebut ialah *berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri* dan *Muaddib*. Pemboleh ubah tidak terikat pula iaitu pengurusan kerja guru ketua panitia bidang agama telah memecahkan komponen pengurusan kerja kepada empat aspek iaitu bebanan kerja, emosi, persekitaran kerja dan personaliti. Berikut merupakan skor interpretasi min yang akan digunakan dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.5

Skor Interpretasi Min, Nunally (1978)

Skor Min	**Interpretasi**
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
1.00 - 2.00	Rendah

3.11.2 Analisis Inferensi

Menurut Alias Baba (1992) fungsi utama statistik inferensi adalah untuk membuat anggaran tentang satu indeks populasi dengan menggunakan satu indeks statistik daripada sesuatu sampel yang representatif supaya kesimpulan tentang sifat sesuatu populasi dapat dibuat. Menurut Chua Yan Piauw (2012) statistik inferensi digunakan untuk membuat kesimpulan hasil daripada sampel kajian terhadap populasi kajian dengan menggunakan ujian Khai Kuasa Dua, ujian-t, ujian ANOVA dan ujian korelasi *Pearson* bagi mengetahui hubungan antara setiap pemboleh ubah. Berdasarkan kenyataan tersebut aplikasi analisis inferensi dalam kajian ini telah menggunakan analisis untuk mencari perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah terikat dan pemboleh ubah tidak terikat.

Pelaksanaan analisis untuk mencari perbezaan bagi kajian ini telah menggunakan analisis ujian-t dan ANOVA. Sebenarnya analisis tersebut digunakan untuk mencari perbezaan dalam demografi kajian. Hal ini kerana ujian-t sesuai digunakan untuk item demografi yang mempunyai dua pemboleh ubah manakala ANOVA pula sesuai digunakan untuk item demografi yang mempunyai pemboleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ubah yang melebihi tiga. Analisis korelasi pula digunakan untuk mencari hubungan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama yang menjadi pemboleh ubah terikat dan pengurusan kerja yang menjadi pemboleh ubah tidak terikat bagi kajian ini. Kesemua analisis ini dijalankan dengan menggunakan perisian SPSS sebagai alat untuk memproses data-data tersebut.

i. Analisis Ujian Perbezaan

Menurut Bhasah Abu Bakar (2007) ujian-t boleh digunakan untuk sesuatu sampel kajian yang mengandungi dua kumpulan, rawatan atau satu aras sahaja dan tidak boleh digunakan bagi menentukan perbezaan min bagi tiga kumpulan, rawatan dan aras atau lebih. Melihat pada konteks kajian ini, ujian perbezaan dilakukan dengan membuat analisis pada demografi kajian. Ujian-t telah dijalankan pada item yang mempunyai dua pemboleh ubah iaitu jantina responden, kategori sekolah dan lokasi sekolah yang terlibat dalam kajian ini.

Menurut Sulaiman Ngah Razali (1996) ujian statistik yang digunakan untuk mencari perbezaan dalam kalangan tiga atau lebih min dipanggil analisis varians (ANOVA). Aplikasi analisis ANOVA bagi kajian ini telah dilakukan terhadap item yang mempunyai tiga pemboleh ubah dan lebih. Antara item yang mempunyai pemboleh ubah yang melebihi tiga dalam demografi kajian ini ialah umur, ikhtisas pendidikan, tempoh perkhidmatan, gred perkhidmatan, jawatan guru di sekolah,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penglibatan persatuan luar sekolah , kurikulum persekolahan dan jawatan ketua panitia.

ii. Analisis Korelasi

Menurut Sulaiman Ngah Razali (1996) kaedah korelasi tidak hanya mengira pekali korelasi antara data-data sahaja sebalik kaedah ini juga melibatkan analisis terhadap darjah pertalian antara dua atau lebih data. Menurutnya lagi kaedah ini tidak menunjukkan kesan musabab walaupun terdapat dua atau lebih pertalian data. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengambil pendekatan untuk mencari hubungan antara pemboleh ubah terikat iaitu gaya kepimpinan Ketua Panitia bidang agama dan pemboleh ubah tidak terikat iaitu pengurusan kerja ketua panitia bidang agama. Kekuatan hubungan yang dimiliki antara kedua-dua pemboleh ubah ini diukur berdasarkan nilai pekali korelasi sebagaimana berikut :

Jadual 3.6

Kekuatan Perhubungan Korelasi

Pekali Korelasi (r)	**Kekuatan Hubungan**
0.00 - 0.20	Lemah
0.21 - 0.40	Rendah
0.41 - 0.60	Sederhana
0.61 - 0.80	Tinggi
0.81 - 1.00	Sangat Tinggi

Sumber : Alias Baba (1992)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setelah membincangkan dan membahaskan secara terperinci mengenai kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian ini maka dapatlah dirumuskan bahawa setiap kaedah tersebut digunakan berdasarkan objektif kajian. Bagi analisis deskriptif yang dijalankan hasil yang di perolehi hanya memfokuskan pada hasil kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi pemboleh ubah terikat dan tidak terikat. Analisis inferensi yang dijalankan seperti ujian-t, ANOVA dan korelasi adalah bertujuan untuk menerima atau menolak hipotesis *null* yang telah dibuat. Berikut merupakan ringkasan senarai berkenaan prosedur penganalisisan data inferensi bagi kajian ini

Jadual 3.7

Prosedur Penganalisisan Data Inferensi

Bil	Hipotesis Kajian	Analisis
HO_1	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan jantina.	Ujian - t
HO_2	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan kategori sekolah.	Ujian - t
HO_3	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan lokasi sekolah.	Ujian - t
HO_4	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan umur.	ANOVA Satu Hala
HO_5	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan ikhtisas pendidikan.	ANOVA Satu Hala
HO_6	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan tempoh perkhidmatan.	ANOVA Satu Hala

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.7 (*sambungan*)

Bil	Hipotesis Kajian	Analisis
HO_7	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan gred perkhidmatan.	ANOVA Satu Hala
HO_8	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan jawatan guru di sekolah.	ANOVA Satu Hala
HO_9	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan penglibatan persatuan luar sekolah .	ANOVA Satu Hala
HO_{10}	Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan kurikulum persekolahan.	ANOVA Satu Hala
HO_{11}	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan berilmu dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.	Korelasi Pearson
HO_{12}	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan bersifat warak dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.	Korelasi Pearson
HO_{13}	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan berkeupayaan diri dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.	Korelasi Pearson
HO_{14}	Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan *muaddib* dengan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama.	Korelasi Pearson

3.12 Rumusan

Setelah membahaskan bab ini secara keseluruhan, dapatlah disimpulkan bahawa setiap kaedah yang diguna pakai dalam analisis data mempunyai maksud dan tujuannya yang tersendiri. Walau bagaimana pun, antara perkara yang perlu diambil berat sebelum menjalankan analisis adalah dengan memastikan instrumen yang di guna pakai dalam kajian ini mempunyai nilai ketekalan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh yang demikian, pengesahan pakar dan kajian rintis amatlah diperlukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi memastikan analisis data yang dijalankan dapat mendatangkan hasil yang sah dan praktikal untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

ANALISIS DATA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.1 Pendahuluan

Bab 4 merupakan bab yang membincangkan tentang analisis data yang telah diperoleh. Perbincangan bab ini memfokuskan perbincangan data dari sudut profil sampel, analisis deskriptif, analisis inferensi dan rumusan data yang diperoleh secara keseluruhan. Secara umumnya, perbincangan data secara deskriptif adalah dengan melibatkan nilai min, sisihan piawai, kekerapan, peratusan dan interpretasi bagi pemboleh ubah gaya kepimpinan dan pengurusan kerja dalam kalangan ketua panitia bidang agama. Perbincangan data secara inferensi pula terbahagi kepada dua perbincangan iaitu perbincangan tentang perbezaan melalui analisis Ujian-t dan ANOVA manakala perbincangan tentang hubungan antara pemboleh ubah melalui ujian korelasi *pearson*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.2 Latar Belakang Sampel Kajian

Sampel kajian bagi kajian ini melibatkan ketua panitia bidang agama yang berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Jumlah keseluruhan sampel kajian ini seramai 52 orang responden.

Jadual 4.1

Profil Sampel Keseluruhan

	PEMBOLEH UBAH	**N**	**%**
Jantina	Lelaki	19	36.5
	Perempuan	33	63.5
Jumlah		**52**	**100**
Umur	25 tahun - 30 tahun	10	19.2
	31 tahun - 40 tahun	16	30.8
	41 tahun - 50 tahun	11	21.2
	51 tahun - ke atas	15	28.8
Jumlah		**52**	**100**
Ikhtisas Pendidikan	DPM - Diploma Pendidikan Malaysia	8	15.4
	KPLI - Kursus Perguruan Lepasan Ijazah	10	19.2
	DPLI - Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah	27	51.9
	ISMP - Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	5	9.6
	PISMP - Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	2	3.8
Jumlah		**52**	**100**
Tempoh Perkhidmatan	Kurang dari 3 tahun	5	9.6
	3 tahun - 6 tahun	12	23.1
	7 tahun - 10 tahun	6	11.5
	11 tahun - 14 tahun	6	11.5
	15 tahun - ke atas	23	44.2
Jumlah		**52**	**100**
	PEMBOLEH UBAH	**N**	**%**
Gred Perkhidmatan	DG41 - Pelaksana	20	38.5
	DG44 - Penggerak	14	26.9
	DG48 - Pembimbing & Mentor	6	11.5
	DG52 - Peneraju Perubahan	12	23.1
	DG54 - Pemikir Strategik	0	0
	Gred Khas - Pemikir Holistik	0	0
Jumlah		**52**	**100**
Jawatan Ketua Panitia	Ketua Panitia Pendidikan Islam	10	19.2
	Ketua Panitia Pendidikan Al-Quran dan Sunnah	6	11.5
	Ketua Panitia Pendidikan Syariah Islamiah	6	11.5
	Ketua Panitia Usul-addin	10	19.2
	Ketua Panitia Al-syariah	10	19.2
	Ketua Panitia Hifz Al-Quran	5	9.6

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.1 (*sambungan*)

PEMBOLEH UBAH		N	%
	Ketua Panitia Maharat Al-Quran	5	9.6
Jumlah		**52**	**100**
Penglibatan Persatuan Luar Sekolah	PSKPP - Persatuan Sukan Dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran	1	1.9
	PEKDIS - Pertubuhan Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-Sekolah Malaysia	6	11.5
	Lain-lain jawatan	45	86.5
Jumlah		**52**	**100**
Kategori Sekolah	SMKA - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	18	34.6
	SABK - Sekolah Agama Bantuan Kerajaan	34	65.4
Jumlah		**52**	**100**
Kurikulum Persekolahan	KSSM - Kurikulum Standard Sekolah Menengah	20	38.5
	KBD - Kurikulum Bersepadu Dini	20	38.5
	KBT - Kurikulum Bersepadu Tahfiz	12	23.1
Jumlah		**52**	**100**
Lokasi Sekolah	Bandar	26	50
	Luar Bandar	26	50
Jumlah		**52**	**100**

Jadual 4.2

Profil Sampel Mengikut Jantina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jantina	N	%
Lelaki	19	36.5
Perempuan	33	63.5
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.2 di atas menunjukkan profil sampel mengikut jantina. Hasil analisis yang diperolehi menunjukkan jumlah ketua panitia bidang agama lelaki yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 19 orang (36.5%) manakala jumlah ketua panitia bidang agama perempuan pula seramai 33 orang (63.5%). Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 52 orang. Ini menunjukkan penyertaan responden perempuan lebih ramai bagi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.3

Profil Sampel Mengikut Umur

Umur	N	%
25 tahun - 30 tahun	10	19.2
31 tahun - 40 tahun	16	30.8
41 tahun - 50 tahun	11	21.2
51 tahun - ke atas	15	28.8
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.3 di atas menunjukkan profil sampel mengikut umur. Hasil analisis menunjukkan penglibatan responden yang berumur 25 tahun - 30 tahun dalam kajian ini adalah seramai 10 orang (19.2%). Responden yang berumur 31 tahun - 40 tahun seramai 16 orang (30.8%), 41 tahun - 50 tahun seramai 11 orang (21.2%) dan 51 tahun - ke atas seramai 15 orang (28.8%). Ini menunjukkan responden yang berumur antara 31 tahun sehingga 40 tahun merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4

Profil Sampel Mengikut Ikhtisas Pendidikan

Ikhtisas Pendidikan	N	%
Diploma Pendidikan Malaysia (DPM)	8	15.4
Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI)	10	19.2
Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI)	27	51.9
Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP)	5	9.6
Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP)	2	3.8
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.4 di atas menunjukkan profil sampel mengikut ikhtisas pendidikan. Hasil analisis menunjukkan penglibatan responden yang berkelulusan Diploma Pendidikan Malaysia (DPM) seramai 8 orang (15.4%). Responden yang mempunyai kelulusan Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) seramai 10 orang (19.2) dan kelulusan Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) seramai 27 orang (51.9). Penyertaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden yang mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) seramai 5 orang (9.6%) dan Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) seramai 2 orang (3.8%). Ini menunjukkan responden mempunyai kelulusan Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 4.5

Profil Sampel Mengikut Tempoh Perkhidmatan

Tempoh Perkhidmatan	N	%
Kurang dari 3 tahun	5	9.6
3 tahun - 6 tahun	12	23.1
7 tahun - 10 tahun	6	11.5
11 tahun - 14 tahun	6	11.5
15 tahun - ke atas	23	44.2
Jumlah	**52**	**100**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5 di atas menunjukkan profil sampel mengikut tempoh perkhidmatan. Hasil analisis menunjukkan penglibatan responden yang berkhidmat kurang dari 3 tahun seramai 5 orang (9.6%). Responden yang berkhidmat antara 3 tahun - 6 tahun seramai 12 orang (23.1%), 7 tahun - 10 tahun seramai 6 orang (11.5%), 11 tahun - 14 tahun seramai 6 orang (11.5%) dan 15 tahun ke atas seramai 23 orang (44.2%). Ini menunjukkan penglibatan responden yang berkhidmat 15 tahun ke atas merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 4.6

Profil Sampel Mengikut Gred Perkhidmatan

Gred Perkhidmatan	N	%
DG41 - Pelaksana	20	38.5
DG44 - Penggerak	14	26.9
DG48 - Pembimbing & Mentor	6	11.5

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.6 (*sambungan*)

Gred Perkhidmatan	N	%
DG52 - Peneraju Perubahan	12	23.1
DG54 - Pemikir Strategik	0	0
Gred Khas - Pemikir Holistik	0	0
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.6 di atas menunjukkan profil sampel mengikut gred perkhidmatan. Hasil analisis menunjukkan penglibatan responden yang mempunyai gred perkhidmatan DG41 iaitu Pelaksana seramai 20 orang (38.5%). Responden yang mempunyai gred DG44 iaitu Penggerak seramai 14 orang (26.9%), DG48 iaitu Pembimbing & Mentor seramai 6 orang (11.5%) dan DG52 iaitu Peneraju Perubahan seramai 12 (23.1%). Hasil analisis mendapati tiada penyertaan DG52 iaitu Peneraju Perubahan dan Gred Khas iaitu Pemikir Holistik. Ini menunjukkan penglibatan responden yang mempunyai gred perkhidmatan DG41 iaitu Pelaksana merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.7

Profil Sampel Mengikut Jawatan Ketua Panitia

Jawatan Ketua Panitia	N	%
Ketua Panitia Pendidikan Islam	10	19.2
Ketua Panitia Pendidikan Al-Quran dan Sunnah	6	11.5
Ketua Panitia Pendidikan Syariah Islamiah	6	11.5
Ketua Panitia Usul-addin	10	19.2
Ketua Panitia Al-syariah	10	19.2
Ketua Panitia Hifz Al-Quran	5	9.6
Ketua Panitia Maharat Al-Quran	5	9.6
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.7 di atas menunjukkan profil sampel mengikut jawatan ketua panitia. Hasil analisis menunjukkan penglibatan responden yang menjawat jawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam seramai 10 orang (19.2%). Penglibatan responden yang menjawat jawatan Ketua Panitia Pendidikan Al-Quran dan Sunnah seramai 6 orang (11.5%) dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ketua Panitia Pendidikan Syariah Islamiah seramai 6 orang (11.5%). Penglibatan responden yang menjawat jawatan Ketua Panitia Usul-Addin seramai 10 orang (19.2%) dan Ketua Panitia Al-Syariah seramai 10 orang (19.2%). Penglibatan responden yang menjawat jawatan Ketua Panitia Hifz Al-Quran seramai 5 orang (9.6%) dan Ketua Panitia Maharat Al-Quran seramai 5 orang (9.6%). Ini menunjukkan penglibatan responden yang menjawat jawatan Ketua Panitia Pendidikan Islam, Ketua Panitia Usul-Addin dan Ketua Panitia Al-Syariah merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 4.8

Profil Sampel Mengikut Penglibatan Persatuan Luar Sekolah

Penglibatan Persatuan Luar Sekolah	**N**	**%**
Persatuan Sukan Dan Kebudayaan Perkhidmatan Pelajaran (PSKPP)	1	1.9
Pertubuhan Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-Sekolah Malaysia (PEKDIS)	6	11.5
Lain-lain Persatuan.	45	86.5
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.8 di atas menunjukkan profil sampel mengikut penglibatan persatuan luar sekolah. Hasil analisis menunjukkan responden yang melibatkan diri dengan Persatuan Sukan Dan Kebudayaan Perkhidmatan (PSKPP) hanya 1 orang (1.9%). Responden yang melibatkan diri dengan Pertubuhan Kegiatan Dakwah Islamiah Sekolah-Sekolah Malaysia (PEKDIS) seramai 6 orang (11.5%) manakala responden yang melibatkan diri dengan lain-lain persatuan seramai 45 orang (86.5%). Ini menunjukkan penglibatan responden yang melibatkan diri dengan lain-lain persatuan luar merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.9

Profil Sampel Mengikut Kategori Sekolah

Kategori Sekolah	N	%
Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	18	34.6
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	34	65.4
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.9 di atas menunjukkan profil sampel mengikut kategori sekolah. Hasil analisis menunjukkan responden dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) seramai 18 orang (34.6%) dan responden dari Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) seramai 34 orang (65.4%). Ini menunjukkan responden dari Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

Jadual 4.10

Profil Sampel Mengikut Kurikulum Persekolahan

Kurikulum Persekolahan	N	%
Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM)	20	38.5
Kurikulum Bersepadu Dini (KBD)	20	38.5
Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)	12	23.1
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.10 di atas menunjukkan profil sampel mengikut kurikulum persekolahan. Hasil analisis menunjukkan responden yang mengajar dan mengurus Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) seramai 20 orang (38.5%). Responden yang berada dalam Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) seramai 20 orang (38.5%) dan responden yang berada dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) seramai 12 orang (23.1%). Ini menunjukkan penyertaan responden yang berada dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) merupakan golongan yang paling ramai mengambil bahagian dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Profil Sampel Mengikut Lokasi Sekolah

Lokasi Sekolah	N	%
Bandar	26	50
Luar Bandar	26	50
Jumlah	**52**	**100**

Jadual 4.11 di atas menunjukkan profil sampel mengikut lokasi persekolahan. Hasil analisis menunjukkan responden datang dari sekolah di kawasan bandar seramai 26 orang (50.0%) dan responden datang dari sekolah di kawasan luar bandar seramai 26 orang (50.0%). Ini menunjukkan penyertaan yang sama tinggi daripada kalangan responden yang berada di sekolah kawasan bandar dan sekolah kawasan luar bandar.

4.3 Analisis Deskriptif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.12

Skor Min

Skor min	Interpretasi
4.01 - 5.00	Tinggi
3.01 - 4.00	Sederhana Tinggi
2.01 - 3.00	Sederhana Rendah
1.02 - 2.00	Rendah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama

Soalan kajian : Apakah terdapat gaya kepimpinan tertentu dalam pengurusan kerja ketua panitia bidang agama.?

4.3.1.1 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Secara Berilmu

Dapatan dalam jadual 4.13 menunjukkan jumlah keseluruhan min bagi gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama secara berilmu berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.74 (sp. = 0.64). Hasil analisis mendapati ketua panitia bidang agama yang menyatakan persetujuan saya menyelitkan informasi terkini ketika mesyuarat panitia untuk didengari oleh semua ahli panitia sebanyak 92.3 % (min=4.40, sp=0.63). Sebanyak 50.0% orang ketua panitia bidang agama menyatakan persetujuan mereka memperdengarkan kisah para Nabi kepada semua ahli panitia sebagai salah satu bentuk bimbingan (min=3.50, s.p=1.14). Sebanyak 65.4% menyatakan persetujuan mereka memperlihatkan diri sebagai seorang yang kritis dalam mengurus panitia (min=3.76, s.p=0.89). Di samping itu, mereka yang menyatakan persetujuan saya memperlihatkan ringkasan perancangan panitia kepada ahli-ahli panitia dalam bentuk grafik sebanyak 61.5% (min=3.57, s.p=0.95) dan saya memperlihatkan perkaitan sesuatu maklumat kepada ahli panitia melalui *slide power point* sebanyak 57.7% (min=34.2, s.p=1.07). Selain itu, sebanyak 65.4% yang menyatakan persetujuan menggunakan bahan multimedia dalam mesyuarat panitia untuk tatapan ahli-ahli panitia (min=3.63, s.p=1.01) dan 57.7% yang menyatakan persetujuan mengisi hati ahli-ahli panitia dengan tazkirah berkenaan iman (min=3.55, s.p=0.93). Seterusnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mereka yang menyatakan persetujuan saya menasihati ahli-ahli panitia agar menjaga hati kerana perbuatan akhlak yang baik datangnya dari hati yang baik sebanyak 75.0% (min=3.96, s.p=0.90) dan saya selalu memberi pendedahan kepada ahli-ahli panitia tentang amalan-amalan hati seperti sabar, reda dan ikhlas sebanyak 69.2% (min=3.86, s.p=0.97) .

Jadual 4.13

Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Tentang Gaya Kepimpinan Berilmu

Kod Item	**Item**	**Kekerapan & Peratus (N=52)**					**Min**	**SP**	**Interpretasi**
		STS	**TS**	**TP**	**S**	**SS**			
B1.1	Saya menyelitkan informasi terkini ketika mesyuarat panitia untuk didengari oleh semua ahli panitia.	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (7.7)	23 (44.2)	25 (48.1)	4.40	0.63	Tinggi
B1.2	Saya memperdengarkan kisah para Nabi kepada semua ahli panitia sebagai salah satu bentuk bimbingan.	3 (5.8)	6 (11.5)	17 (32.7)	14 (26.9)	12 (23.1)	3.50	1.14	Sederhana Tinggi
B1.3	Saya memperlihatkan diri sebagai seorang yang kritis dalam mengurus panitia.	0 (0.0)	5 (9.6)	13 (25.0)	23 (44.2)	11 (21.2)	3.76	0.89	Sederhana Tinggi
B1.4	Saya memperlihatkan ringkasan perancangan panitia kepada ahli-ahli panitia dalam bentuk grafik.	1 (1.9)	7 (13.5)	12 (23.1)	25 (48.1)	7 (13.5)	3.57	0.95	Sederhana Tinggi
B1.5	Saya memperlihatkan perkaitan sesuatu maklumat kepada ahli panitia melalui *slide power point.*	3 (5.8)	8 (15.4)	11 (21.2)	24 (46.2)	6 (11.5)	3.42	1.07	Sederhana Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.13 (*sambungan*)

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=52)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B1.6	Saya menggunakan bahan multimedia dalam mesyuarat panitia untuk tatapan ahli-ahli panitia.	1 (1.9)	8 (15.4)	9 (17.3)	25 (48.1)	9 (17.3)	3.63	1.01	Sederhana Tinggi
B1.7	Saya mengisi hati ahli-ahli panitia dengan tazkirah berkenaan iman.	1 (1.9)	6 (11.5)	15 (28.8)	23 (44.2)	7 (13.5)	3.55	0.93	Sederhana Tinggi
B1.8	Saya menasihati ahli-ahli panitia agar menjaga hati kerana perbuatan akhlak yang baik datangnya dari hati yang baik.	1 (1.9)	2 (3.8)	10 (19.2)	24 (46.2)	15 (28.8)	3.96	0.90	Sederhana Tinggi
B1.9	Saya selalu memberi pendedahan kepada ahli-ahli panitia tentang amalan-amalan hati seperti sabar, reda dan ikhlas.	2 (3.8)	1 (1.9)	13 (25.0)	22 (42.3)	14 (26.9)	3.86	0.97	Sederhana Tinggi
	Keseluruhan						**3.74**	**0.64**	**Sederhana Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan daripada dapatan dalam jadual 4.13 di atas menunjukkan bahawa majoriti ketua panitia bidang agama mempunyai sudah mempunyai pelaksanaan kepimpinan melalui ilmu pengetahuan yang sudah sedia ada. Melihat daripada hasil analisis berdasarkan semua item tersebut jelas terbukti bahawa ketua panitia bidang agama merupakan seorang selalu peka dan mengambil peduli tentang maklumat-maklumat semasa untuk dikongsi secara bersama. Walau bagaimana pun, dari sudut penghayatan kepimpinan hasil analisis setiap item mendapati kebanyakan ketua panitia masih kurang mengambil contoh tauladan yang telah diberikan oleh Rasulullah SAW. Sikap seperti ini perlu diubah dan diperbaiki kerana Rasulullah SAW merupakan sebaik-baik pemimpin dalam semua aspek termasuk juga dalam bidang kepimpinan dan pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.2 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak

Dapatan di dalam jadual 4.14 menunjukkan jumlah keseluruhan min bagi gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui sifat warak berada pada tahap tinggi iaitu 4.40 (sp. = 0.62). Hasil analisis mendapati ketua panitia bidang agama yang menyatakan persetujuan saya menggalakkan ahli panitia memberikan sumbangan terhadap panitia dalam bentuk *hibah* 59.6 % (min=3.62, sp=0.95). Sebanyak 57.7% orang ketua panitia bidang agama menyatakan persetujuan mereka menggalakkan sumbangan terhadap panitia dalam bentuk wakaf (min=3.53, s.p=0.93). Sebanyak 71.1 % menyatakan persetujuan mereka selalu memperingatkan ahli-ahli panitia bahawa perbuatan membocorkan rahsia organisasi menyalahi etika penjawat awam (min=3.94, s.p=1.07). Di samping itu, mereka yang menyatakan persetujuan saya selalu memperingatkan ahli-ahli panitia bahawa perbuatan mengumpat sesama sendiri merupakan perbuatan yang keji sebanyak 80.8% (min=4.19, s.p=0.79) dan saya memberitahu ahli-ahli panitia bahawa memalsukan laporan aktiviti yang dianjurkan panitia adalah satu kesalahan sebanyak 76.9 % (min=4.19, s.p=0.79). Selain itu, sebanyak 75.0% yang menyatakan persetujuan meminta ahli panitia yang bertanggungjawab untuk sentiasa memperbaharui rekod pemilikan aset panitia (min=4.07, s.p=0.85) dan 78.8 % yang menyatakan persetujuan meminta ahli-ahli panitia membuat tuntutan atau *claim* mengikut kadar perbelanjaan sahaja (min=4.07, s.p=0.88). Seterusnya, mereka yang menyatakan persetujuan saya memberi arahan kepada semua ahli panitia agar setiap barangan pinjaman panitia hendaklah di pulangkan seperti sedia kala sebanyak 92.3% (min=4.34, s.p=0.62) dan saya memberi tahu ahli-ahli panitia bahawa setiap barangan pinjaman panitia merupakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hak milik orang lain yang perlu digunakan secara berhemah sebanyak 88.4% (min=4.42, s.p=0.69).

Jadual 4.14

Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Tentang Gaya Kepimpinan Bersifat Warak

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=52)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B2.1	Saya menggalakkan ahli panitia memberikan sumbangan terhadap panitia dalam bentuk *hibah*.	1 (1.9)	5 (9.6)	15 (28.8)	22 (42.3)	9 (17.3)	3.62	0.95	Sederhana Tinggi
B2.2	Saya menggalakkan sumbangan terhadap panitia dalam bentuk *wakaf.*	2 (3.8)	4 (7.7)	16 (30.8)	24 (46.2)	6 (11.5)	3.53	0.93	Sederhana Tinggi
B2.3	Saya selalu memperingatkan ahli-ahli panitia bahawa perbuatan membocorkan rahsia organisasi menyalahi etika penjawat awam.	2 (3.8)	3 (5.8)	10 (19.2)	18 (34.6)	19 (36.5)	3.94	1.07	Sederhana Tinggi
B2.4	Saya selalu memperingatkan ahli-ahli panitia bahawa perbuatan mengumpat sesama sendiri merupakan perbuatan yang keji .	0 (0.0)	1 (1.9)	9 (17.3)	21 (40.4)	21 (40.4)	4.19	0.79	Tinggi
B2.5	Saya memberitahu ahli-ahli panitia bahawa memalsukan laporan aktiviti yang dianjurkan panitia merupakan satu kesalahan.	0 (0.0)	0 (0.0)	12 (23.1)	18 (34.6)	22 (42.3)	4.19	0.79	Tinggi
B2.6	Saya meminta ahli panitia yang bertanggungjawab untuk sentiasa memperbaharui rekod pemilikan aset panitia.	0 (0.0)	2 (3.8)	11 (21.2)	20 (38.5)	19 (36.5)	4.07	0.85	Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14 (*sambungan*)

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=52)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B2.7	Saya meminta ahli-ahli panitia membuat tuntutan atau *claim* mengikut kadar perbelanjaan sahaja.	1 (1.9)	1 (1.9)	9 (17.3)	23 (44.2)	18 (34.6)	4.07	0.88	Tinggi
B2.8	Saya memberi arahan kepada semua ahli panitia agar setiap barangan pinjaman panitia hendaklah dipulangkan seperti sedia kala.	0 (0.0)	0 (0.0)	4 (7.7)	26 (50.0)	22 (42.3)	4.34	0.62	Tinggi
B2.9	Saya memberi tahu ahli-ahli panitia bahawa setiap barangan pinjaman panitia merupakan hak milik orang lain yang perlu digunakan secara berhemah.	0 (0.0)	0 (0.0)	6 (11.5)	18 (34.6)	28 (53.8)	4.42	0.69	Tinggi
	Keseluruhan						**4.04**	**0.62**	**Tinggi**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rumusan daripada dapatan dalam jadual 4.14 di atas menunjukkan bahawa majoriti ketua panitia bidang agama mempunyai ketegasan dalam menjaga dan memelihara aset yang dimiliki. Ketegasan seperti ini amat diperlukan kerana aset yang dimiliki sama ada dipinjam atau peruntukkan untuk panitia tersebut merupakan harta benda kerajaan. Oleh yang demikian sudah menjadi tanggungjawab penjawat awam yang terlibat untuk mengurus tadbirnya dengan baik kerana harta benda tersebut akan digunakan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat jelata. Walau bagaimana pun, hasil analisis setiap item mendapati kesedaran dan pelaksanaan ketua panitia bidang agama tentang ibadah wakaf masih lagi kurang. Hal ini kerana kemungkinan mereka bimbang jika pemberian *wakaf* tersebut disalah tafsirkan sebagai rasuah atau sebagainya yang menyalahi etika penjawat awam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.1.3 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Keupayaan Diri

Dapatan dalam jadual 4.15 menunjukkan jumlah keseluruhan min bagi gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui sifat berkeupayaan diri berada pada tahap tinggi iaitu 4.23 (sp. = 0.65). Hasil analisis mendapati ketua panitia bidang agama yang menyatakan persetujuan mereka menunjukkan cara kepada ahli-ahli panitia untuk membuang sikap diri yang pasif ketika berorganisasi sebanyak 80.8% (min=4.03, sp=0.71). Sebanyak 82.7% orang ketua panitia bidang agama menyatakan persetujuan mereka menunjukkan cara kepada ahli-ahli panitia untuk membuang sikap suka membazirkan masa semasa bekerja. (min=4.09, s.p=0.89). Sebanyak 86.6% menyatakan persetujuan mereka menunjukkan cara kepada ahli-ahli panitia untuk membuang sikap mementingkan diri sendiri ketika berorganisasi (min=4.32, s.p=0.70). Di samping itu, mereka yang menyatakan persetujuan saya memupuk sikap untuk selalu mengingati kematian dalam kalangan ahli panitia sebanyak 67.3% (min=3.94, s.p=0.95) dan saya memupuk sikap untuk selalu bersabar dalam kalangan ahli panitia sebanyak 86.5% (min=4.25, s.p=0.78). Selain itu, sebanyak 86.5% yang menyatakan persetujuan membudayakan sikap berlapang dada dalam kalangan ahli panitia (min=4.26, s.p=0.81) dan 88.5 % yang menyatakan persetujuan saya membudayakan ahli-ahli panitia untuk menanamkan perasaan kekeluargaan sesama ahli (min=4.32, s.p=0.80). Seterusnya, mereka yang menyatakan persetujuan saya membudayakan ahli-ahli panitia dengan motivasi kerja yang baik sebanyak 88.4% (min=4.38, s.p=0.74) dan saya membudayakan ahli-ahli panitia supaya sentiasa meningkatkan semangat kerja berpasukan sebanyak 92.3% (min=4.44, s.p=0.69) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Taburan Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Tentang Gaya Kepimpinan Berkeupayaan Diri

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=52)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B3.1	Saya menunjukkan cara kepada ahli-ahli panitia untuk membuang sikap diri yang pasif ketika berorganisasi.	0 (0.0)	1 (1.9)	9 (17.3)	29 (55.8)	13 (25.0)	4.03	0.71	Tinggi
B3.2	Saya menunjukkan cara kepada ahli-ahli panitia untuk membuang sikap suka membazirkan masa semasa bekerja.	1 (1.9)	2 (3.8)	6 (11.5)	25 (48.1)	18 (34.6)	4.09	0.89	Tinggi
B3.3	Saya menunjukkan cara kepada ahli-ahli panitia untuk membuang sikap mementingkan diri sendiri ketika berorganisasi.	0 (0.0)	0 (0.0)	7 (13.5)	21 (40.4)	24 (46.2)	4.32	0.70	Tinggi
B3.4	Saya memupuk sikap untuk selalu mengingati kematian dalam kalangan ahli panitia.	0 (0.0)	4 (7.7)	13 (25.0)	17 (32.7)	18 (34.6)	3.94	0.95	Sederhana Tinggi
B3.5	Saya memupuk sikap untuk selalu bersabar dalam kalangan ahli panitia.	0 (0.0)	2 (3.8)	5 (9.6)	23 (44.2)	22 (42.3)	4.25	0.78	Tinggi
B3.6	Saya membudayakan sikap berlapang dada dalam kalangan ahli panitia.	1 (1.9)	0 (0.0)	6 (11.5)	22 (42.3)	23 (44.2)	4.26	0.81	Tinggi
B3.7	Saya membudayakan ahli-ahli panitia untuk menanamkan perasaan kekeluargaan sesama ahli.	1 (1.9)	0 (0.0)	5 (9.6)	21 (40.4)	25 (48.1)	4.32	0.80	Tinggi
B3.8	Saya membudayakan ahli-ahli panitia dengan motivasi kerja yang baik.	0 (0.0)	1 (1.9)	5 (9.6)	19 (36.5)	27 (51.9)	4.38	0.74	Tinggi

(*bersambung*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 (*sambungan*)

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=52)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	TP	S	SS			
B3.9	Saya membudayakan ahli-ahli panitia supaya sentiasa meningkatkan semangat kerja berpasukan.	0 (0.0)	1 (1.9)	3 (5.8)	20 (38.5)	28 (53.8)	4.44	0.69	Tinggi
	Keseluruhan						**4.23**	**0.65**	**Tinggi**

Rumusan daripada dapatan di dalam jadual 4.15 di atas menunjukkan bahawa majoriti ketua panitia bidang agama mempunyai kesedaran tentang semangat kerja secara berpasukan. Kerja berpasukan merupakan nadi bagi kehidupan berorganisasi. Kegagalan setiap ahli memainkan peranan mereka akan memberi kesan buruk terhadap bebanan tugas dan akan merencatkan perjalanan sesebuah organisasi. Oleh yang demikian, ketua panitia yang mempunyai kesedaran mengenainya amat diperlukan demi menjaga kebajikan sesama ahli ketika bekerja dalam panitia. Walau bagaimana pun, hasil analisis setiap item mendapati kesedaran ketua panitia bidang agama tentang matlamat akhir setiap pekerjaan yang dilakukan masih kurang. Hal ini kemungkinan kerana, ketua panitia bidang agama tidak mempunyai masa yang mencukupi masa untuk sentiasa mengingatkan ahli tentang setiap amal kerja yang dilakukan akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT selepas meninggal dunia nanti atau mempunyai sangkaan bahawa ahli-ahli panitia sebagai guru-guru agama sudah sedia maklum mengenainya.

4.3.1.4 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Muaddib

Dapatan di dalam jadual 4.16 menunjukkan jumlah keseluruhan min bagi gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui *muaddib* berada pada tahap tinggi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini dijalankan dengan merentasi tiga kurikulum persekolahan iaitu KSSM, KBD dan KBT yang melibatkan ketua panitia bidang agama sebagai responden kajian. Walau bagaimana pun, batasan kajian ini hanya melibatkan ketua panitia bidang agama yang berkhidmat di SMKA dan SABK sahaja. Secara khususnya ketua panitia yang terlibat dalam kajian ini ialah ketua panitia Pendidikan Islam, ketua panitia Pendidikan Syariah Islamiah, ketua panitia Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah, ketua panitia Usul-addin, ketua panitia Al-Syariah, ketua panitia Maharat Al-Quran dan ketua panitia Hifz Al-Quran. Jumlah responden tersebut adalah seramai 53 orang tetapi yang melibatkan diri hanya seramai 52 orang. Secara keseluruhan penglibatan responden perempuan bagi kajian ini adalah seramai 33 orang berbanding responden lelaki hanya seramai 19 orang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melihat dari sudut instrumen kajian pula, kajian ini telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagai mengumpul data kajian. Soal selidik ini terbahagi pada tiga bahagian utama iaitu Bahagian A : Demografi Kajian, Bahagian B : Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama, Bahagian C : Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama. Sebanyak 100 soalan telah dicadangkan untuk dijadikan sebagai item soal selidik bagi kajian ini. Instrumen soal selidik ini telah disahkan oleh empat orang pakar dalam bidang pengajian agama. Hasil teguran dan cadangan telah diambil tindakan sebelum kajian rintis dijalankan. Kajian rintis ini mula dijalankan pada tarikh 18 November 2019 sehingga 29 November 2019 dengan mengedarkan soal selidik ini kepada 124 orang guru Pendidikan Islam di seluruh Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhannya konstruk gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan pengurusan kerja menunjuk bacaan *Aplha Cronbach* melepasi 0.7 iaitu B1- Berilmu (0.77), B2- Bersifat Warak (0.84). B3-Berkeupayaan Diri (0.89), B4- *Muaddib* (0.91), C1- Bebanan Tugas (0.90), C2- Emosi (0.83), C3- Persekitaran Kerja (0.85) dan C4- Personaliti (0.88). Bacaan *Alpha Cronbach* pada item pula mendapati hanya sebanyak 70 item sahaja yang melepasi bacaan 0.70 ke atas. Hasil kajian rintis ini mendapati bahawa instrumen soal selidik tersebut mempunyai kesahan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian yang sebenar. Pengumpulan data melalui instrumen soal selidik ini telah dijalankan secara atas talian (*online*) dengan menggunakan aplikasi *Google Form* yang diedarkan melalui aplikasi *WhatsApp* responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebelum menjalankan kajian ini, pengkaji telah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada pihak pentadbiran sekolah dengan menghantar surat-surat kebenaran dan sokongan bagi kajian ini. Surat-surat tersebut telah dipanjangkan kepada pengetua dan ketua bidang yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya. Setelah mempunyai data yang sebenar maka pengkaji telah membuat analisis data-data tersebut dengan menggunakan perisian IBM SPSS versi 24. Analisis data deskriptif yang dijalankan adalah untuk mencari nilai min, frekuensi, sisihan piawai dan peratusan. Analisis data inferensi yang dijalankan adalah untuk mencari nilai perbezaan melalui Ujian-t dan ANOVA dan nilai hubungan melalui analisis korelasi.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Analisis Deskriptif

Perbincangan analisis deskriptif ini dilakukan dengan membuat perbincangan tentang gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama. Perbincangan dilakukan dengan membuat perbandingan antara min dan sisihan piawai dapatan kajian ini dengan kajian-kajian yang lepas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.1 Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama

a. Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Secara Berilmu

Ilmu pengetahuan merupakan elemen yang menjadi asas dalam memimpin sesebuah organisasi. Keluasan ilmu yang dimiliki dapat membantu seseorang ketua untuk mengurus organisasi dengan lebih cekap dan efisien. Hasil analisis berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama secara ilmu menunjukkan tahap interpretasi sederhana tinggi (min=3.74, sp=0.64). Hasil kajian ini berbeza dengan kenyataan Sukari & Nizam (2014) yang mengatakan ilmu kepimpinan Islam, peradaban dan watak guru sebagai pemimpin masih belum dipandang serius di pusat pengajian tinggi dan institusi yang melahirkan guru. Melalui kenyataan tersebut dapat difahami jika ilmu kepimpinan seseorang kurang maka gaya kepimpinan juga tidak didasari dengan ilmu pengetahuan sebaliknya akan dipengaruhi oleh faktor-faktor lain.

Hasil kajian ini turut berbeza dengan hasil kajian Khalip Musa dan Rofidah Mohd Nasir (2018) yang menjalankan kajian berkenaan Amalan Kepimpinan Guru dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Daerah Bagan Datuk, Perak mendapati dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kepimpinan guru adalah pada tahap tinggi. Perbezaan hasil kajian ini mungkin disebabkan perbezaan pembalutan gaya kepimpinan yang diuji dan dicerap dalam kajian yang telah dijalankan. Secara khususnya kajian ini menggunakan kepimpinan berilmu daripada teori Al-Ghazali sebagai salah satu pemboleh ubah kepimpinan tetapi kajian tersebut menggunakan model kepimpinan dari Barat seperti *Teacher Leadership for Student Learning Framework* oleh York-Barr & Duke dan *Leadership Development for Teacher Model* (LDT) oleh Katzenmeyer & Moller (Khalip Musa & Rofidah Mohd Nasir, 2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b. Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak

Sifat warak merupakan benteng diri dari lembah maksiat. Kepentingan sifat warak dalam diri seseorang pemimpin adalah untuk menghindarkan diri pemimpin tersebut daripada dosa dan maksiat. Tujuannya agar dapat dijadikan contoh tauladan yang terbaik buat para pengikutnya. Hasil analisis berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui sifat warak menunjukkan tahap interpretasi tinggi (min=4.04,sp=0.62). Hasil analisis ini menyokong kenyataan Muhammad Fairuz & Amzan (2015) yang mengatakan bagi melahirkan individu yang mempunyai keseimbangan rohani, intelek, jasmani dan fizikal maka penerapan sifat warak dalam kalangan guru dan pelajar sangatlah penting. Oleh yang demikian, dalam konteks kepimpinan panitia dapatlah difahami bahawa jika ketua panitia ingin melahirkan guru-guru yang seimbang dari sudut penghayatan dan amalan maka penerapan elemen warak dalam pengurusan panitia sangat diperlukan.

c. Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Keupayaan Diri

Keupayaan diri untuk memimpin merupakan satu aspek yang penting dalam kepimpinan. Keupayaan diri ini sering dikaitkan dengan karisma diri untuk memimpin. Ini membawa maksud melalui sifat karisma seseorang ketua boleh berupaya untuk mengumpul pengaruh dalam kalangan pengikutnya. Hasil analisis berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui keupayaan diri menunjukkan tahap interpretasi tinggi (min=4.23, sp=0.65). Hasil kajian ini menyokong kenyataan Norashikin et. al (2015) yang menyatakan bagi memastikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berlakunya peningkatan prestasi sekolah maka ia memerlukan keupayaan diri untuk memimpin tidak terbatas hanya kepada pengetua sebaliknya turut melibatkan keupayaan memimpin dalam kalangan guru-guru di sekolah itu sendiri.

Mempunyai keupayaan diri merupakan satu aspek yang terdapat di dalam bidang profesional. Hasil dan dapatan yang diperoleh oleh Hamidah dan Chan Mei (2018) dalam kajian mereka menunjukkan tahap profesionalisme guru dan kepimpinan guru adalah tinggi. Oleh yang demikian, hasil kajian yang diperoleh ini menyokong hasil dapatan tersebut. Hal ini kerana sudah terbukti bahawa daripada segi keupayaan diri, guru-guru khususnya ketua panitia bidang agama sebenarnya telah mempunyai kemampuan untuk melaksanakan tugas keguruan kerana guru-guru yang dilantik dalam perkhidmatan telah mempunyai kelulusan dan ikhtisas pendidikan yang diperakui oleh pihak-pihak berkuasa dalam melantik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Muaddib

Muaddib merupakan satu istilah yang merujuk kepada seseorang yang mampu memperelokkan adab dan akhlak seseorang. Istilah *Muadib* ini sering digunakan dalam konteks pendidikan dengan merujuk kepada fungsi guru yang mampu mendidik adab dan akhlak pelajar. Melihat dari sudut kepimpinan dalam kajian ini maka istilah ini merujuk kepada fungsi ketua panitia bidang agama bagi memperelok adab dan sahsiah guru-guru agama. Hasil analisis berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui *muaddib* menunjukkan tahap interpretasi tinggi (min=4.41, sp=0.61). Hasil kajian ini bertepatan dengan kenyataan Ahmad Redzuwan (2004)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang mengatakan pemimpin juga berperanan untuk membentuk akhlak dalam kalangan orang yang dipimpin.

Gaya kepimpinan *muaddib* merupakan satu bentuk gaya kepimpinan yang mampu mengubah orang bawahan atau pekerja ke arah yang lebih baik. Ini membawa maksud pemimpin tersebut bukanlah seorang yang mudah mengeluh sebaliknya terus bersedia dengan segala kemungkinan dan perubahan yang perlu dilakukan dalam memimpin. Masturah dan Khalip Musa (2018) mendapati hasil kajian yang diperoleh menunjukkan efikasi kendiri guru (m = 6.91, s.d. = 0.96) dan kesediaan kepimpinan guru (m = 3.95, s.d. = 0.40) berada pada tahap tinggi. Oleh yang demikian, hasil yang diperoleh ini menyokong hasil dapatan kajian tersebut. Hal ini kerana, bersiap siaga dengan pelbagai bentuk kepimpinan untuk mendisiplinkan pekerja merupakan antara ciri-ciri kepimpinan *muaddib*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1.2 Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama

a. Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Bebanan Kerja

Menguruskan bebanan kerja merupakan satu cabaran dalam bidang pengurusan. Kegagalan seseorang ketua menguruskan bebanan kerja dengan efisien akan mendatangkan tekanan dan bebanan kepada pekerja. Melihat dalam konteks pengurusan kerja ketua panitia bidang agama pengurusan bebanan kerja yang dimaksudkan merujuk pada cara ketua panitia tersebut mendatangkan kepuasan kerja kepada guru-guru agama melalui agihan kerja yang dilakukan. Hasil analisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkenaan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama dari sudut bebanan kerja menunjukkan tahap interpretasi tinggi (min=4.33, sp=0.60). Hasil kajian ini berbeza dengan hasil kajian Muhammad Hisham (2017) yang mengatakan interpretasi sederhana tinggi berkenaan kepuasan kerja guru berdasarkan bebanan kerja, pengiktirafan dan penglibatan dalam pengurusan yang dilakukan mendapati terdapat perbezaan min antara guru lelaki (3.9920) dan guru perempuan (3.8128).

Masalah pengagihan tugas merupakan cabaran utama bagi semua pekerjaan yang melibatkan pengurusan kerja berkumpulan. Kajian yang dijalankan oleh Muhammad Faizal et al. (2014) telah membentangkan dapatan kajian yang mengatakan kapasiti kepimpinan guru adalah tinggi dan memuaskan kecuali daripada aspek bebanan tugas guru, tugas pentadbiran dan kurangnya dana untuk perkembangan staf. Oleh yang demikian, hasil kajian tersebut berbeza dengan hasil dapatan kajian ini yang mendapati bahawa ketua panitia bidang agama mampu memberikan agihan tugas secara adil dan saksama kepada semua ahli panitia.

b. Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Emosi

Emosi yang stabil merupakan antara faktor yang untuk mewujudkan pengurusan kerja yang produktif. Seseorang ketua yang mempunyai emosi yang matang tidak akan mengambil sesuatu keputusan secara terburu-buru sebaliknya akan menggunakan emosi dan akal yang waras dalam menilai kesan dan akibat daripada sesuatu keputusan yang bakal diambil. Melihat dalam konteks pengurusan emosi dalam kalangan ketua panitia bidang agama ialah pengurusan emosi tersebut membawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maksud kaedah yang diambil oleh ketua panitia untuk mengawal emosi ketika bekerja.

Hasil analisis berkenaan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama dari sudut emosi menunjukkan tahap interpretasi tinggi (min=4.17, sp=0.59). Hasil kajian ini menyokong dapatan Nurul Hudani et al. (2013) yang menyatakan hasil kajian berkenaan faktor tingkah laku kepimpinan transformasi terhadap kecerdasan emosi dalam kalangan pemimpin pendidik menunjukkan tahap interpretasi keseluruhan yang tinggi iaitu 78.8%. Persamaan hasil keputusan ini mungkin disebabkan persamaan item-item soalan yang diuji berkenaan pengurusan emosi bagi seseorang pemimpin.

Walau bagaimana pun, menurut Lia Indah & Ruslin (2018) hasil kajian berkenaan pengurusan kerja melalui pengurusan emosi dapat dilihat melalui kajian tentang tekanan dan kepuasan kerja dalam kalangan guru sekolah menengah daerah Pasir Gudang yang mendapati nilai keseluruhan min secara deskriptif adalah 3.79 atau sederhana tinggi. Hasil kajian tersebut berbeza dengan kajian ini yang mendapati pengurusan kerja melalui pengurusan emosi bagi kajian ini adalah tinggi. Ini menunjukkan bahawa ketua panitia bidang agama dalam kajian ini mempunyai kaedah-kaedah yang tertentu dalam mengekalkan keseimbangan emosi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c. Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Persekitaran.

Pengurusan persekitaran kerja merupakan antara perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh seseorang ketua bagi memastikan matlamat kecemerlangan dalam kerja dapat dicapai. Melihat dalam konteks pengurusan kerja panitia, persekitaran kerja yang dimaksudkan adalah cara yang digunakan oleh ketua panitia bidang agama untuk mewujudkan suasana kerja yang positif dalam kalangan guru-guru agama di sekolah. Hasil analisis berkenaan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama dari sudut persekitaran menunjukkan tahap interpretasi sederhana tinggi (min=3.93, sp=0.66). Hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Syed Kamaruzaman et al. (2017) yang mengatakan keputusan secara deskriptif menunjukkan nilai min bagi hubungan dengan rakan sekerja sebanyak 4.20.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama Dari Sudut Personaliti.

Personaliti merupakan cerminan keperibadian seseorang. Personaliti seseorang pemimpin perlu dijaga kerana ia akan menjadi ikutan para pengikut. Melihat dalam konteks panitia, pengurusan kerja dari sudut personaliti yang dimaksudkan adalah perihal pengurusan diri seseorang ketua panitia bidang agama ketika menjalankan kerja-kerja panitia. Hasil analisis berkenaan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama dari sudut personaliti menunjukkan tahap interpretasi tinggi (min=4.35, sp=0.57).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian Khairul Anwar (2008) yang mengatakan ciri personaliti yang paling utama bagi seorang pengetua atau ketua ialah memiliki sifat kasih sayang (min=4.71). Sebenarnya, hasil kajian yang diperoleh ini sudah dapat diramalkan kerana Lokman Mohd Tahir et al. (2017) mengatakan keputusan analisis faktor *exploratory* dan *confirmatory* menunjukkan bahawa *loading item* yang mewakili kesediaan dalam aspek profesional dan peribadi menjadi pemimpin guru mempunyai kesahan yang tinggi serta mempunyai kesahan *convergent* yang baik.

5.3.2 Analisis Inferensi

5.3.2.1 Analisis Perbezaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Jantina (Lelaki Dan Perempuan)

Hasil analisis inferensi berkenan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan jantina menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan jantina. Ini membawa maksud gaya kepimpinan yang diamalkan oleh ketua panitia bidang agama lelaki dan perempuan adalah sama kerana masing-masing mempunyai kesedaran tentang peranan yang harus dimainkan untuk mengurus dan mentadbir sebuah panitia yang menjalankan fungsi-fungsi pendidikan agama di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Kasthuri (2012) yang mengatakan terdapat perbezaan hubungan yang signifikan antara tahap stres dan jantina dalam kajian gaya kepimpinan pengetua wanita dan hubungannya dengan stres guru sekolah menengah daerah Johor Bahru. Walau bagaimana pun, Kajian oleh Norhazwani & Jamalullail (2017) pula menjelaskan bahawa hasil mereka mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepuasan kerja dalam kalang guru berdasarkan lima aspek yang di kajian mengikut jantina. Oleh yang demikian, hasil kajian ini menyokong hasil dapatan kajian tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Junaidah Mohamad & Nik Rosila Nik Yaacob (2013) menjelaskan bahawa hipotesis *null* bagi kajian kepuasan bekerja dalam kalangan guru pendidikan khas mengikut jantina gagal ditolak. Kajian tersebut membawa maksud hipotesis *null* tersebut diterima dan hasilnya mendapati terdapat perbezaan kepuasan bekerja dalam kalangan guru pendidikan khas mengikut jantina. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini tidak dapat menyokong hasil kajian tersebut. Hal ini kerana perbezaan latar belakang skop pekerjaan responden seperti guru pendidikan khas dan ketua bidang agama jelas menunjukkan tahap kepimpinan yang berbeza dan seterusnya mendatangkan tahap kepuasan kerja yang berbeza.

b. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Kategori Sekolah

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan berdasarkan kategori sekolah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan kategori sekolah. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama di semua sekolah SMKA dan SABK adalah sama kerana persekitaran agama antara sekolah agama tersebut menjadi satu persamaan ketara walaupun terdiri daripada kategori sekolah agama yang berbeza sistem dan pentadbiran.

Hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Adi Fahrudin et al. (2002) yang mengatakan terdapat perbezaan yang signifikan berkenaan persepsi guru-guru kanan di sekolah menengah bantuan penuh kerajaan dan sekolah menengah separuh bantuan kerajaan terhadap tingkah laku kepemimpinan pengajaran pengetua (t=6.342, p=.000). Walau bagaimana pun, hasil kajian ini menyamai dapatan kajian Azhar Harun et al. (2016) yang menyatakan hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berkenaan dimensi kepimpinan (t=0.050,p=0.961) bagi guru yang mengajar di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan guru yang mengajar di sekolah bukan SBT.

c. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Lokasi Sekolah.

Hasil analisis inferensi perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan lokasi sekolah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan lokasi sekolah. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama yang berkhidmat di sekolah kawasan bandar dan luar bandar adalah sama. Hasil kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Faridah & Mohd Izham (2017)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang menyatakan hasil kajian berkenaan ujian perbezaan yang dilakukan mendapati wujudnya perbezaan yang signifikan berkenaan amalan kepimpinan teknologi dalam kalangan pengetua berdasarkan lokasi sekolah.

Kedudukan dan lokasi sekolah sering dikaitkan dengan tahap pencapaian sekolah yang dikatakan mempunyai perbezaan pencapaian dari sudut bandar dan luar bandar. Kajian yang dijalankan oleh Nor Mohamad Zulhairi et al. (2016) mengatakan dapatan kajian yang dimiliki membuktikan bahawa pengurusan kerja melalui tahap kepuasan kerja guru-guru di sekolah daerah Ledang berada pada tahap yang tinggi dan mempunyai perbezaan yang signifikan dengan tahap pencapaian sekolah. Oleh yang demikian, hasil kajian ini tidak menyokong dapatan kajian tersebut kerana hasil kajian ini membuktikan tidak terdapat perbezaan kerana pencerapan hanya dilakukan terhadap guru yang menyandang jawatan ketua panitia bidang agama dan tidak membuat penilaian terhadap guru-guru mata pelajaran akademik yang lain.

d. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Umur.

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan umur menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan umur. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama di semua peringkat umur adalah sama. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian Norhannan & Jamaliah (2006) yang menyatakan hasil ujian ANOVA

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menunjukkan tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara guru yang berlainan umur terhadap gaya kepimpinan pengetua wanita.

e. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Ikhtisas Pendidikan.

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan ikhtisas pendidikan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan ikhtisas pendidikan. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama adalah sama walaupun mempunyai latar belakang ikhtisas pendidikan yang berbeza. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian Mohd Khairuddin & Halimah (2014) yang menyatakan hasil analisis ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kepimpinan pengajaran berdasarkan kelayakan ikhtisas dan pengalaman mengajar Bahasa Melayu.

Walau bagaimana pun, semasa dalam proses mendapatkan ikhtisas pendidikan, guru-guru juga telah didedahkan dengan kesedaran untuk melibatkan diri dalam kepimpinan di sekolah. Mohamad Izzuan dan Mohd Khata (2016) menjelaskan bahawa hasil kajian terhadap Pembentukan Kemahiran Kepimpinan Guru Pelatih Melalui Latihan Mengajar menunjukkan bahawa pembentukan kemahiran kepimpinan melalui latihan mengajar adalah tinggi iaitu 85.4%. Oleh yang demikian, hasil kajian ini membuat rumusan bahawa secara keseluruhannya guru-guru yang mengikuti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ikhtisas pendidikan sudah didedahkan dengan kesedaran untuk memimpin walaupun berbeza angka dan nilai dari sudut jenis program ikhtisas pendidikan yang diikuti.

f. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan.

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan tempoh perkhidmatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan tempoh perkhidmatan. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama adalah sama walaupun mempunyai perbezaan tempoh perkhidmatan. Hasil kajian ini disokong dengan dapatan kajian Choy Mun & Mohd Izham (2018) yang menyatakan hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kepimpinan transformasional pengetua berdasarkan demografi kajian seperti tempoh perkhidmatan.

g. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Gred Perkhidmatan.

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan gred perkhidmatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan gred perkhidmatan. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

panitia bidang agama adalah sama walaupun mempunyai latar belakang gred perkhidmatan yang berbeza. Pengetahuan tentang kepimpinan ini mungkin dikutip daripada kursus-kursus dan Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) yang diadakan dari semasa ke semasa. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Mohtar Abas (2005) yang menyatakan pegawai di setiap peringkat gred perkhidmatan perlu didedahkan dengan pengalaman kepimpinan yang secukupnya bagi mengatasi masalah kenaikan pangkat secara *seniority* tetapi gagal menjalankan mengurus organisasi dengan berkesan.

h. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Jawatan Ketua Panitia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil analisis berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan jawatan ketua panitia menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan jawatan ketua panitia. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama adalah sama walaupun berbeza dari sudut disiplin ilmu agama. Hasil kajian ini menyokong dapatan kajian yang diperoleh oleh Choy Mun & Mohd Izham (2018) yang mengatakan hasil kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kepimpinan transformasional pengetua berdasarkan demografi kajian seperti jawatan yang disandang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Penglibatan Persatuan Luar Sekolah.

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan penglibatan persatuan luar sekolah menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan penglibatan persatuan luar sekolah. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama adalah sama walaupun mempunyai komitmen dan penglibatan dengan persatuan luar sekolah yang pelbagai. Walau bagaimana pun, penglibatan guru dengan persatuan luar sekolah ini tetap mempunyai kepentingannya kerana menurut Nurulain (2018) bagi memastikan kepimpinan guru menjadi amalan dan dapat dipraktikkan secara berterusan di sesebuah sekolah maka guru-guru perlu mempunyai kesedaran tentang kepimpinan meliputi aspek kepimpinan dalam dan luar bilik darjah.

j. Perbezaan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Berdasarkan Kurikulum Persekolahan.

Hasil analisis inferensi berkenaan perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama berdasarkan kurikulum persekolahan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja berdasarkan kurikulum persekolahan. Ini membawa maksud gaya kepimpinan yang diamalkan oleh ketua panitia bidang agama adalah sama walaupun mengikuti kurikulum persekolahan yang berbeza. Hasil kajian ini berbeza dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan kajian Khalip Musa et al. (2014) yang menyatakan terdapat perbezaan amalan kepimpinan transformasional pengetua antara sekolah-sekolah menengah awam dan sekolah swasta cemerlang dengan nilai t=2.679, p<0.05.

5.3.2.2 Analisis Hubungan

a. Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Secara Berilmu Dengan Pengurusan Kerja.

Hasil analisis hubungan berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama secara berilmu dengan pengurusan kerja menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Ini membawa maksud kedudukan ilmu pengetahuan sangat penting bagi seseorang pemimpin kerana mempunyai perkaitan dengan pengurusan kerja dalam organisasi. Melihat dalam konteks panitia, ketua panitia bidang agama perlu mengekalkan budaya dan gaya memimpin secara berilmu kerana majoriti guru-guru agama juga mempelajari tentang kepimpinan yang bersumberkan Al-Quran dan As-Sunnah. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Tengku Sarina & Fadillah (2007) yang mengatakan pengurusan kerja dalam Islam adalah bersumberkan ilmu wahyu Al-Quran, Hadis dan amalan ulama-ulama silam.

Hasil kajian Wan Ameera Farhah dan Mahaliz Mansor (2018) menyatakan bahawa secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan positif dan signifikan (r=.51, p<.01) antara amalan pembelajaran profesional dengan kepimpinan guru. Oleh yang demikian, maka hasil kajian ini telah menyokong hasil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapatan kajian tersebut. Hal ini kerana, pembelajaran profesional merupakan salah satu cara guru-guru khususnya ketua panitia bidang agama dapat meningkatkan ilmu pengetahuan tentang kepimpinan dalam masa yang sama menjadikan ilmu pengetahuan sebagai satu gaya dalam memimpin. Menurut pengkaji, persamaan pemboleh ubah ini menjadi penyumbang bagi persamaan hasil hubungan bagi dua kajian yang telah dijalankan ini.

b. Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Sifat Warak Dengan Pengurusan Kerja.

Hasil analisis inferensi hubungan berkenaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui sifat warak dengan pengurusan kerja menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Ini membawa maksud gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama perlu dikekalkan kerana ketua panitia tersebut memimpin guru-guru agama yang jelas mengetahui berkenaan halal, haram dan syubhah yang merupakan antara ciri-ciri sifat warak. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Ahmad Hidayat & Siti Fatimah (2016) pemeliharaan agama tidak terhad hanya kepada konsep halal dan haram semata-mata sebaliknya turut mementingkan perbincangan tentang perkara-perkara syubhah untuk dihindari kerana ia merupakan langkah berhati-hati daripada terjebak dengan perkara haram.

Sifat warak yang diamalkan dalam kalangan ketua panitia bidang merupakan satu bentuk pembudayaan *biah solehah* yang cuba diaplikasikan dalam konteks persekolahan. Goh Shau Ying dan Ngu Leh Seng (2018) menjelaskan bahawa kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang di jalankan menunjukkan bahawa budaya sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan kepimpinan guru di sekolah. Oleh yang demikian, hasil kajian yang dijalankan ini menyokong hasil dapatan kajian tersebut kerana sudah terbukti bahawa pembudayaan persekitaran kerja yang kondusif membantu proses kepimpinan seseorang ketua panitia bidang agama dalam pengurusan kerja dalam panitia.

Pemimpin yang mempunyai sifat warak merupakan pemimpin yang dapat menggunakan kewarasan akal dalam menilai dan mengambil sesuatu keputusan. Pemimpin seperti ini akan mengawal emosi mereka daripada mempengaruhi akal seperti dapat membezakan dengan jelas antara perkara yang halal, haram, syubhah, hak dan batil. Menurut Zuraidah Juliana et al. (2014) mengatakan bahawa kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara kompetensi emosi dan amalan kepimpinan. Oleh yang demikian, hasil kajian tersebut disokong dengan hasil kajian ini yang mendapati bahawa terdapat hubungan antara kepimpinan dengan pengurusan emosi yang dibincangkan dalam pengurusan kerja.

c. Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Berkeupayaan Diri Dengan Pengurusan Kerja.

Hasil analisis hubungan berkenaan kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui berkeupayaan diri dengan pengurusan kerja menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Ini membawa maksud potensi ketua panitia bidang agama untuk memimpin panitia sangat berkait rapat dengan kemampuan dan keupayaan diri untuk memimpin. Selain mempunyai karisma

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepimpinan ketua panitia bidang agama juga perlu mempunyai kemahiran yang lain seperti kemahiran insaniah yang berfungsi sebagai nilai tambah antara pemimpin dengan orang yang dipimpin. Selain itu, ketua panitia bidang agama seharusnya mempunyai perancangan yang strategik untuk perkembangan mata pelajaran agama di sekolah dengan meletakkan pelan strategik dalam pengurusan kerja. Hal ini sangat penting kerana menurut Mariam et al. (2009) hasil kajian berkenaan kepimpinan dan pengurusan strategik menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan.

Salah satu cara untuk melihat keberhasilan gaya kepimpinan seseorang ketua adalah dengan melihat kesan terhadap produktiviti pekerjaan yang diperoleh. Kajian yang dijalankan oleh Khalip Musa dan Nee Ngie Seng (2017) mendapati bahawa tahap kepimpinan guru adalah tinggi (min = 3.81, s.p. = 0.663) dan mempunyai hubungan antara kepimpinan guru dengan pencapaian akademik pelajar kerana analisis data yang diperoleh menunjukkan hubungan signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Oleh yang demikian, kajian ini menyokong hasil dapatan yang dibuktikan oleh kajian tersebut kerana hasil kajian ini mendapati pencapaian akademik pelajar termasuk dalam bebanan tugas guru dan hasilnya mendapati ketua panitia bidang agama dapat membahagikan tugas yang sebaiknya antara mengurus panitia dengan tugas hakiki seorang guru iaitu mengajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

d. Korelasi Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama Melalui Muaddib Dengan Pengurusan Kerja.

Hasil analisis hubungan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama melalui *muaddib* dengan pengurusan kerja menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dua pemboleh ubah tersebut. Hal ini kerana, seseorang pemimpin seperti ketua panitia bidang agama tidak boleh meremehkan tentang pembentukkan akhlak dan sahsiah guru-guru agama dengan alasan mereka juga mempelajari ilmu agama. Sebagai seorang ketua panitia bidang agama sudah menjadi tanggungjawab seorang ketua untuk dijadikan *role model* bagi membimbing sahsiah dan akhlak guru-guru agama melalui platform panitia. Hal ini bertepatan dengan kenyataan Suraiya (2011) yang menyatakan seseorang pemimpin seharusnya memantapkan diri dengan akhlak yang baik kerana menjadi contoh buat organisasinya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru besar merupakan pemimpin tertinggi dalam institusi persekolahan. Hasil kajian Nurlaili & Mohd Yusof (2018) mendapati hasil analisis hubungan antara pemboleh ubah kepimpinan dan pengurusan guru besar dengan kepuasan kerja guru mendapati gaya kepimpinan guru besar mempunyai nilai r = 0.561 manakala kepuasan guru pula mempunyai nilai r =0.680. Nilai p bagi kedua-dua pemboleh ubah ini ialah 0.001<0.05 dan signifikan pada 0.01. Jika dibuat perbandingan dengan kedudukan ketua panitia sebagai pemimpin tertinggi dalam organisasi yang dianggotai guru mata pelajaran agama maka hasil dapatan kajian tersebut dapat disokong dengan kajian ini yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan dengan pengurusan kerja dengan bacaan nilai p =

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

0.000 < 0.05 bagi setiap pemboleh ubah kepimpinan dan pengurusan kerja yang dicerap.

Komitmen dalam setiap pekerjaan merupakan satu sikap terpuji yang perlu ada pada setiap majikan dan semua pekerja. Komitmen dalam pekerjaan ini termasuk dalam pelaksanaan kepimpinan secara *muaddib* sebagaimana yang dibincangkan dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan oleh Rozi Mohamad et. el (2016) berkenaan komitmen guru dan kepuasan kerja guru mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara komitmen guru dengan tahap kepuasan kerja guru kerana nilai korelasi yang diperoleh menunjukkan r =0.44 dan mempunyai nilai signifikan pada 0.00<0.05. Oleh yang demikian, kajian ini turut menyokong kajian tersebut kerana hasil kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara gaya kepimpinan *muaddib* dengan pengurusan kerja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Rumusan Kajian

Setelah membincangkan dapatan kajian ini secara terperinci maka kesimpulan secara menyeluruh seharusnya sudah dapat dilakukan. Perbincangan subtajuk rumusan kajian ini akan menghuraikan rumusan kajian yang dapat dibuat melalui tiga perbincangan utama iaitu rumusan faktor demografi, rumusan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama dan rumusan pengurusan kerja ketua panitia bidang agama. Rumusan kajian yang dibuat adalah berdasarkan statistik dapatan kajian yang sudah dianalisis dan dapatan tersebut turut melihat pada pandangan sarjana mengenainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.1 Rumusan Faktor Demografi

Secara keseluruhannya, jika diteliti dari sudut penglibatan responden maka dapat diperhatikan terdapat kelompok majoriti yang mendominasi kajian ini. Sebagai contoh jika dilihat dari sudut jantina, penyertaan responden perempuan lebih ramai daripada responden lelaki. Walau bagaimana pun, jika dilihat dari sudut penglibatan persatuan luar sekolah pula mendapati hanya seorang sahaja responden yang melibat diri dengan PSKPP berbanding PEKEDIS dan lain-lain penyertaan. Ini menunjukkan majoriti responden yang terlibat kurang melibatkan diri dengan kepimpinan melalui aktiviti sukan. Punca kurangnya penglibatan ini mungkin disebabkan kurangnya kesedaran responden untuk menerajui kepimpinan melalui pengurusan sukan disebabkan sudah terbeban dengan pelbagai jawatan termasuk sudah menyandang jawatan ketua panitia bidang agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4.2 Rumusan Gaya Kepimpinan Ketua Panitia Bidang Agama.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian ini mendapati tidak terdapat sebarang perbezaan gaya kepimpinan ketua panitia bidang agama terhadap pengurusan kerja mengikut demografi kajian. Kesimpulannya, responden bagi kajian ini sudah mempunyai kesedaran tentang kepimpinan dan pengurusan kerja dalam organisasi seperti panitia. Kemungkinan besar pendedahan tentang kepimpinan untuk menguruskan panitia ini sudah diperoleh melalui pengalaman menjadi ahli panitia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ini membawa maksud ilmu dan pengalaman kepimpinan ini ditimba dari awal perkhidmatan dan kemudian berkembang sesuai dengan kenaikan gred perkhidmatan. Perbezaan gaya kepimpinan ini mungkin tidak ketara kerana sekolah-sekolah yang terlibat walaupun berbeza jantina, umur, ikhtisas pendidikan, kategori sekolah, kurikulum, lokasi sekolah, penglibatan persatuan luar dan jawatan panitia tetapi masih lagi di bawah kendalian pentadbiran yang sama iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

5.4.3 Rumusan Pengurusan Kerja Ketua Panitia Bidang Agama

Secara keseluruhan, hasil kajian yang dijalankan ini menunjukkan bacaan min bagi semua pemboleh ubah pengurusan kerja ketua panitia bidang agama berada pada tahap yang tinggi kecuali bacaan min terhadap pemboleh ubah persekitaran kerja yang menunjukkan tahap sederhana tinggi. Persekitaran kerja merupakan suasana pekerjaan yang akan dihadapi oleh setiap pekerja. Persekitaran kerja yang positif sudah semestinya akan memberikan kesan positif terdapat pembangunan kerjaya dan produktiviti pekerjaan seseorang pekerja.

Melihat dalam konteks kajian ini, kemungkinan bacaan min sederhana tinggi bagi pemboleh ubah persekitaran kerja ini berpunca daripada kurangnya pendedahan dan informasi ketua panitia bidang agama tentang amalan pengurusan yang terkini. Sebagai contoh pada hari ini kemunculan revolusi 4.0 telah mewujudkan satu persekitaran kerja yang baru dengan munculnya istilah-istilah baru seperti *paperless* dan *cloud storage.* Kesannya persekitaran kerja hari ini sudah kurang kebergantungan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap bahan-bahan yang berbentuk fizikal sebaliknya sudah beralih kepada konsep maya. Sebenarnya item soal selidik bagi pemboleh ubah persekitaran kerja lebih memfokuskan tentang persekitaran kerja secara digital dan rumusannya ketua panitia bidang agama perlu meningkatkan kompetensi kemahiran ICT agar mereka dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja secara digital pada hari ini.

5.5 Implikasi Kajian

Implikasi kajian merupakan subtajuk yang akan membincangkan berkenaan kesan kajian ini terhadap pihak-pihak yang berkenaan. Secara umumnya, terdapat dua implikasi kajian yang akan dibincangkan iaitu implikasi kajian dari sudut teori dan implikasi dari sudut praktikal. Implikasi teori akan membincangkan sejauh mana teori kajian yang telah digunakan mendatangkan kesan terhadap responden yang melibatkan diri dalam kajian ini manakala implikasi praktikal pula akan membincangkan manfaat dan kesan-kesan positif yang akan diterima oleh mereka yang mempunyai hubungan dengan kajian ini terutamanya ketua panitia bidang agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.1 Implikasi Teori

Hasil kajian ini secara keseluruhannya telah memberikan sumbangan yang penting terdapat bidang kepimpinan dan pengurusan pendidikan. Teori kepimpinan yang diambil oleh Imam Al-Ghazali melalui kitab *Al-I'tisad fi I'tiqad* dan *Ihya Ulumuddin* ternyata dapat diaplikasikan dalam dunia pendidikan melalui teori kepimpinan yang dinyatakan. Pengujian terhadap pemboleh ubah kepimpinan berdasarkan pandangan Imam Al-Ghazali ini telah menunjukkan tahap interpretasi tinggi dan sederhana tinggi. Ini membawa maksud gambaran kepimpinan yang dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali secara lahiriahnya sudah ada pada ketua-ketua panitia bidang agama yang menjadi responden bagi kajian ini.

Pengujian secara inferensi pemboleh ubah kepimpinan menurut pandangan Imam Al-Ghazali mendapati secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan gaya kepimpinan berdasarkan demografi responden. Ini membawa maksud latar belakang responden bukanlah faktor utama yang membezakan tahap kepimpinan menurut teori Imam Al-Ghazali. Walau bagaimana pun, hasil ujian korelasi menunjukkan kesemua pemboleh ubah kepimpinan menurut teori Imam Al-Ghazali mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah pengurusan kerja. Ini membawa maksud pemboleh ubah pengurusan kerja boleh menjadi faktor perbezaan tahap kepimpinan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.5.2 Implikasi Praktikal

Secara keseluruhannya, kajian yang dijalankan ini turut memberikan beberapa implikasi praktikal terhadap pihak ketua panitia bidang agama. Jika semasa menyiapkan ikhtisas pendidikan pendedahan tentang kepimpinan guru hanya diberikan berdasarkan pandangan Barat seperti autokratik, demokratik dan *laissez-faire* maka kesan utama yang akan diterima oleh ketua-ketua panitia bidang agama ialah mereka akan mula menyedari bahawa terdapatnya gaya kepimpinan yang telah digariskan oleh ilmuwan Islam menurut dari perspektif Islam seperti berilmu, bersifat warak, berkeupayaan diri dan *muaddib*.

Melalui kajian yang dijalankan ini, ketua-ketua panitia bidang agama dapat meningkatkan kompetensi kepimpinan melalui pemboleh ubah kepimpinan yang telah dinyatakan. Melalui hasil kajian, gaya kepimpinan secara berilmu menunjukkan tahap interpretasi sederhana tinggi berbanding pemboleh ubah lain yang menunjukkan tahap interpretasi yang tinggi. Oleh yang demikian, ketua panitia bidang agama sewajarnya meningkatkan gaya kepimpinan secara berilmu ini dengan mula menelaah pandangan-pandangan ulama silam dan tokoh ilmuwan Islam berkenaan ilmu-ilmu yang perlu dikuasai sebelum memimpin sesebuah organisasi seperti panitia.

